8	Pangsapuri Ampangan PPR	1(250)			1(250)	Jabatan Penilaian
a)	Dewan	1			1	
b)	Surau	1			1	
c)	Kiosk	3			3	
9	Bengkel dan Stor	4	0	1	5	Jabatan Kejuruteraan & Kesihatan
10	Pasar	9	13	7	29	Jabatan Pelesenan
11	Gerai & kompleks penjaja	26	34	4	64	Jabatan Pelesenan
12	Rumah Pam	1	15	1	17	Jabatan Kejuruteraan
13	Tadika	6	8	0	14	Jabatan kemasyarakatan
14	Tapak Semaian	1	1	1	3	Jabatan Lanskap
15	Depoh Sampah/Stor	111	205	115	431	Jabatan Perbandaran
16	Pondok Bas	405	397	191	1038	Jabatan Kejuruteraan



UNIT PROJEK KHAS

- Merancang pelaksanaan tender / sebutharga untuk kerja-kerja penyelenggaraan
- Melantik juruperunding bagi pelaksanaan projek-projek yang memerlukan penyediaan rekabentuk
- Melaksanakan analisa terhadap tender / sebutharga
- Bertanggungjawab ke atas segala urusan pentadbiran kontrak dan pelaksanaan projek termasuk penyelarasan bersama syarikat utiliti
- Memantau perjalanan kerja/projek yang dibuat oleh kontraktor
- Mengatur mesyuarat tapak bersama pihak-pihak semasa projek berjalan
- Menyediakan dokumentasi berkaitan Arahan Perubahan Kerja, Penyelesaian harga Kerja dan Lanjut Masa
- Berurus dan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat dengan pelaksanaan projek (stakeholder, user, AM, MPKK dll)

Agensi	Jenis Peruntukan	Bil projek	Jumlah Peruntukan (RM)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	BP 1	6	994,000.00
	Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)	10	2,000,000.00
	Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)	1	2,000,000.00
	Projwk Perintis Pemasangan Perangkap Smart dari Jenis GPT	2	1,200,000.00
	Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) - Baik Pulih Rumah Daif	9	135,000.00
		28	6,329,000.00



UNIT KAJIAN HIDROLOGI DAN TEBATAN BANJIR

- Unit ini dilaksanakan untuk memantau isu banjir di seluruh Seberang Perai.
- Pemantauan dilaksanakan untuk mengenalpasti punca banjir bagi mencari tindakan penyelesaian yang sesuai bagi kawasan di bawah urus tadbir majlis.
- Tindakan penyelesaian merangkumi tindakan jangka pendek dan tindakan jangka panjang bagi satu-satu kawasan melalui kajian, rekabentuk serta serta cadangan yang sesuai.
- Tindakan jangka pendek yang kerap dilaksanakan adalah dengan melebarkan parit, menggunakan pam bergerak, membina bund dengan menggunakan tanah atau beg pasir, menyelenggara parit yang tersumbat, membuang endapan tanah dalam parit dan kolam takungan.
- Tindakan jangka panjang yang dijalankan adalah dengan memasang rumah pam berkapasiti tinggi serta membina parit bypass dalam sistem perumahan taman.
- Sehingga 2019, sebanyak 169 kawasan yang mengalami banjir telah dikenalpasti di seluruh Seberang Perai.
- Unit ini juga turut membantu dalam memohon peruntukan bagi cadangan yang telah dikaji dalam MMK Tebatan Banjir.
- Laporan pemantauan banjir juga turut disediakan bagi setiap kejadian banjir yang berlaku berserta lokasi tepat kawasan yang terbabit, paras air di kawasan banjir, punca banjir serta cadangan penyelesaian.
- Unit tebatan banjir juga turut membantu dalam ulasan pelan bagi perkara yang melibatkan sistem perparitan serta kiraan hidraulik.'
- Unit tebatan banjir telah memperkenal sistem *FLORES (Flood Ranking System)* version 1.0 bagi menyusun aratur ranking mengikut keutamaan dalam menyelesaikan kawasan banjir yang lebih sistematik melalui 3 faktor utama iaitu kekerapan banjir yang berlaku, jumlah rumah yang terlibat serta paras air di kawasan terbabit.
- Sistem baru juga akan diperkenal bagi memantau banjir dan sistem rumah pam di seluruh kawasan Seberang Perai dengan lebih efektif dengan memperkenal *Integrated Flood Monitoring System (INFLOS)*.



BAHAGIAN ELEKTRIKAL DAN MEKANIKAL




UNIT ELEKTRIK

- Memproses dan menimbangkan permohonan pelan-pelan lampu jalan
- Mengurus dan menyelenggara lampu-lampu jalan dan lampu isyarat di seluruh Seberang Perai.



UNIT PENGURUSAN KENDERAAN


- **Penyelenggaraan Kenderaan Majlis**
 - i. Memastikan pemberian kenderaan dijalankan mengikut objektif kualiti Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS)
 - ii. Menyelenggara dan membaiki kenderaan tidak melebihi 14 hari untuk pemberian kecil daripada tarikh arahan kerja dikeluarkan.
 - Jumlah kerosakan tidak melebihi 14 hari dari Januari 2022 sehingga Disember 2022 adalah sebanyak 5,086.
 - iii. Menyelenggara dan membaiki kenderaan tidak melebihi 60 hari untuk pemberian besar daripada tarikh arahan kerja dikeluarkan.
 - Jumlah kerosakan tidak melebihi 60 hari dari Januari 2022 sehingga Disember 2022 adalah sebanyak 89.
 - iv. Melakukan analisis penyelenggaraan kenderaan secara bulanan dan tahunan melalui Sistem Selenggara Kenderaan (SISKEN 2.0)



Analisis Penyelenggaraan Tahunan

Tahun: 2022


HANTAR



Analisis Penyelenggaraan Bulanan

Tahun: 2022


HANTAR



Analisis Penyelenggaraan Bulanan

Tahun: 2022

HANTAR



- **Menguruskan Perolehan Bagi Pembelian Kenderaan Majlis**

- Pembelian kenderaan baharu bagi menggantikan kenderaan yang hendak dilupuskan untuk Jabatan.
- Penambahan kenderaan bagi jabatan yang memerlukan kenderaan baharu.
- Penggantian kenderaan pada tahun semasa dinilai berdasarkan *Vehicle Optimization Matrix - Decision Modelling* (VOMD) bermula daripada tahun 2017 sehingga sekarang

Jadual 1: Usia Kenderaan (tahun)

Deskripsi	Markah
> 15	5
13 to 15	4
10 to 12	3
7 to 9	2
4 to 6	1

Jadual 2: Jumlah Jarak Perjalanan Kenderaan

Deskripsi	Markah
> 100,000 km	5
70,000km to 99,000 km	4
50,000km to 69,000km	3
30,000km to 49,000km	2
<30,000km	1

Jadual 3: Jumlah Kos Penyelenggaraan Kenderaan Tahunan (RM)

Deskripsi	Markah
>RM8,000	5
RM6,000 to RM7,999	4
RM4,000 to RM5,999	3
RM2,000 to RM3,999	2
<RM2,000	1

Jadual 4: Fungsi Kenderaan

Deskripsi	Markah
<i>Special built / purpose / untuk operasi teras</i>	5
<i>Medium duty</i>	4
<i>Single purpose w/attachments</i>	3
<i>4-wheel drive</i>	2
<i>Standard vehicle</i>	1

Jadual 5: Jumlah Pembaikan Besar Kenderaan Tahunan

Deskripsi	Markah
Pembaikan besar enam (6) kali setahun	5
Pembaikan besar lima (5) kali setahun	4
Pembaikan besar empat (4) kali setahun	3
Pembaikan besar tiga (3) kali setahun	2
Pembaikan besar kurang daripada dua (2) kali setahun	1

Jadual 6: Kriteria Penilaian


Jumlah Markah	Deskripsi
1 - 9 markah	<i>Excellent to very good Will be reviewed again in 3 years</i>
10 - 14 markah	<i>Good Will be reviewed again in 2 years / request for refurbish</i>
15 - 23 markah	<i>Qualifies for replacement MUST be replaced within 1 year</i>
>24 markah	<i>Needs immediate replacement MUST be replaced</i>

Vehicle Optimization Matrix – Decision Modelling (VOMD)

Bil	Kenderaan	JUMLAH	JABATAN	JUMLAH MENGIKUT JABATAN	HARGA SEUNIT (RM) (termasuk cukai)	JUMLAH HARGA (RM) (termasuk cukai)	STATUS
1	<i>Sport Utility Vehicle (SUV)</i>	13	Kejuruteraan	2			
			Bahagian Keselamatan dan Komuniti	2			
			Direktorat Penguatkuasaan	1			
			Perbendaharaan	3			
			Bangunan	1	RM 165,216.96	RM2,147,820.53	telah diserahkan kepada jabatan
			Perkhidmatan Kesihatan	1			
			Kemasyarakatan	1			
			Penilaian & Pengurusan Harta	1			
			Pelesenan	1			
2	<i>Compact Loader</i>	21	Perkhidmatan Perbandaran	21	RM 484,000.00	RM10,164,000.00	proses bekalan
3	<i>Grabber Crane</i>	12	Landskap	3			
			Perkhidmatan Perbandaran	6	RM 397,833.33	RM4,774,000.00	telah diserahkan kepada jabatan
			Pengurusan Krisis	1			
4	<i>Skylift</i>	6	Kejuruteraan	2			
			Landskap	6	RM 913,000.00	RM5,478,000.00	proses bekalan
5	<i>Catch Basin Cleaner</i>	1	Perkhidmatan Perbandaran	1	RM 811,800.00	RM 811,800.00	telah diserahkan kepada jabatan
6	<i>Tipper</i>	7	Perkhidmatan Perbandaran	6	RM 132,036.30	RM924,254.00	telah diserahkan kepada jabatan
			Pengurusan Krisis	1			
7	<i>Open Truck</i>	8	Perkhidmatan Perbandaran	5			
			Landskap	2	RM 240,656.35	RM1,925,250.80	telah diserahkan kepada jabatan
			Pengurusan Krisis	1			
8	<i>Towing</i>	1	Direktorat Penguatkuasaan	1	RM 220,249.70	RM 220,249.70	telah diserahkan kepada jabatan
9	<i>Roll On Roll Off</i>	13	Landskap	4			
			Direktorat Penguatkuasaan	1			
			Perkhidmatan Perbandaran	5	RM 423,794.80	RM5,509,332.40	telah diserahkan kepada jabatan
			Kejuruteraan	1			
			Pengurusan Krisis	2			
10	<i>Tail Lift</i>	2	Perkhidmatan Kesihatan	1	RM 198,849.10	RM397,698.40	telah diserahkan kepada jabatan
			Pengurusan Krisis	1			
11	<i>Crew Cab</i>	3	Landskap	2	RM 186,674.40	RM560,023.20	telah diserahkan kepada jabatan
			Kejuruteraan	1			
12	<i>Bas</i>	1	Khidmat Pengurusan	1	RM 320,000.00	RM 320,000.00	telah diserahkan kepada jabatan

Bil	Kenderaan	JUMLAH	JABATAN	JUMLAH MENGIKUT JABATAN	HARGA SEUNIT (RM) (termasuk cukai)	JUMLAH HARGA (RM) (termasuk cukai)	STATUS
13	Sludge Tanker	1	Pengurusan Krisis	1	RM 390,500.00	RM 390,500.00	telah diserahkan kepada jabatan
14	Water Tanker	2	Landskap	2	RM 368,500.00	RM 737,000.00	telah diserahkan kepada jabatan
15	Backhoe Loader	7	Landskap Pengurusan Krisis Perkhidmatan Perbandaran	1 2 4	RM 312,000.00	RM2,184,400.00	telah diserahkan kepada jabatan
16	Van	2	Perkhidmatan Kesihatan Direktorat Penguatkuasaan	1 1	RM 177,150.00	RM 354,300.00	telah diserahkan kepada jabatan

- Menguruskan Perolehan Bagi Bekalan Tayar, Bateri, Bahan Pelincir, Peralatan Hidraulik Dan Alat Ganti Kenderaan**
 - Menyediakan kontrak bekalan tayar dan alat ganti mesin kejuruteraan bagi tempoh 2 tahun
- Menguruskan Pembelian Mesin-Mesin Kejuruteraan**
- Pengurusan Sisa bahan Berjadual**
 - Menguruskan sisa bahan berjadual untuk penyelenggaraan kenderaan iaitu bateri terpakai, penapis terpakai, minyak pelincir terpakai dan sisa kain perca terpakai.
 - Penggunaan Sistem E-Swis bagi pengurusan bahan terjadual.



Summary Report of Consignment Note									
#	SUBMITTED DATE	CN NO	WASTE CODE	WASTE TRANSPORTER	WASTE RECEIVER	STATUS	Grand Total		
							QUANTITY SUBMIT(MT)	QUANTITY RECEIVED(MT)	
▼ 1	▼ 17/08/2022	▼ 2022061715T80WM2	▼ SW305	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	Received	1.5800	1.5800	
▼ 2	▼ 26/08/2022	▼ 20220826153NSYH5	▼ SW305	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	Received	1.1600	1.1600	
▼ 3	▼ 26/08/2022	▼ 2022082615JB690K	▼ SW410	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	Received	0.0550	0.0550	
▼ 4	▼ 01/12/2022	▼ 20221201151KV514	▼ SW305	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	Received	0.8000	0.8000	
▼ 5	▼ 01/12/2022	▼ 2022120115T18CGH	▼ SW410	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	▼ PENTAS FLORA (PENANG) SDN. BHD.	Received	0.0500	0.0500	
Grand Total							3.6450	3.6450	

Pengurusan Bahan Buangan Terjadual di PUSKEB

- Laporan Penyelenggaraan Aset Alih Suku Tahun Bagi Tahun 2022 (Kenderaan)**

- Menyediakan laporan penyelenggaraan aset alih mesin kejuruteraan bagi tiap suku tahun untuk dibentangkan dalam mesyuarat JKPAK.
- Jumlah kuantiti aset diselenggara bagi kategori kenderaan dari bulan Januari hingga Disember 2022 adalah sebanyak 6,680 unit melibatkan kos sebanyak RM3,876,517.30.

TAHUN SEMASA	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN		PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN		JUMLAH PENYELENGGARAAN	
	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)
Suku Tahun Pertama	328	158,115.68	1496	271,303.68	1824	429,419.36
Suku Tahun Kedua	492	401,481.84	1347	813,817.97	1839	1,215,299.81
Suku Tahun Ketiga	351	286,423.02	1264	586,260.11	1615	872,683.13
Suku Tahun Keempat	334	272,550.68	1068	1,086,564.32	1402	1,359,115.00
JUMLAH KESELURUHAN	1505	1,118,571.22	5175	2,757,946.08	6680	3,876,517.30

* JUMLAH KESELURUHAN KENDERAAN MBSP SEHINGGA 31/12/2022 = 525 UNIT

- Laporan Penyelenggaraan Aset Alih Suku Tahun Bagi Tahun 2022 (Mesin)**

- Menyediakan laporan penyelenggaraan aset alih kenderaan Majlis bagi tiap suku tahun untuk dibentangkan dalam mesyuarat JKPAK.
- Jumlah kuantiti aset diselenggara bagi kategori mesin kejuruteraan dari bulan Januari hingga Disember 2022 adalah sebanyak 982 unit melibatkan kos sebanyak RM77,013.52.

TAHUN SEMASA	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN		PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN		JUMLAH PENYELENGGARAAN	
	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)
Suku Tahun Pertama	183	8,271.60	55	10,216.00	238	18,487.60
Suku Tahun Kedua	177	8,000.40	55	8,912.00	232	16,912.40
Suku Tahun Ketiga	186	8,407.20	81	20,286.40	267	28,693.60
Suku Tahun Keempat	189	8,009.52	56	4,910.40	245	12,919.92
JUMLAH KESELURUHAN	735	32,688.72	247	44,324.80	6680	77,013.52


*** JUMLAH MESIN MBSP YANG PERLU DISELENGGARA SEHINGGA 31/12/2022**

1. **MESIN RUMPUT = 931**
2. **MESIN BLOWER = 166**
3. **MESIN GERGAJI RANTAI = 207**
4. **POLE PRUNER = 56**
5. **HIGH PRESURE CLEANER = 40**
6. **TRIMMER = 30**
7. **CUTOFF = 13**
8. **COMPRESSOR = 8**
9. **GENERATOR = 8**



Skuad Penyelenggaraan


- Menjadi respons **team** Jabatan Kejuruteraan untuk kerja-kerja pembaikan segera melibatkan Jabatan Kejuruteraan
- Melibatkan 4 pasukan kerja melibatkan pembantu awam dan diketuai oleh Penolong Jurutera bagi memantau, mengatur dan melaksana kerja-kerja pembaikan segera
- Melibatkan perlaksanaan kerja secara **3 shift**






SENARAI LOKASI RUMAH PAM KAWALAN BANJIR JABATAN KEJURUTERAAN

1. Rumah Pam Taman Wira (Taman Wira, Teluk air Tawar)
2. Rumah Pam Pam Taman Chai Leng (Lot 243, Lorong Kurau 1)
3. Rumah Pam Perai A (Jalan Perusahaan Prai)
4. Rumah Pam Perai B (Tingkat Perusahaan 4A)
5. Rumah Pam Sri Rambai (Tingkat Binjai 24)
6. Rumah Pam SR-1 (Lorong Binjai)
7. Rumah Pam SR-3 (Lorong Nangka 1)
8. Rumah Pam SR-5 (Lorong Nangka 6)
9. Rumah Pam Desa Damai A (Solok Nangk 3)
10. Rumah Pam Desa Damai B (Medan Nangka)
11. Rumah Pam Taman Makok Zon 1 (1304, Jalan Padang Lalang)
12. Rumah Pam Taman Makok Zon 3 (56, Persiaran Janggus)
13. Rumah Pam Seri Jaya (Tingkat Betek 6)
14. Rumah Pam Taman Mangga (565, Jalan Pinang, Taman Mangga)
15. Rumah Pam Taman Sentul (Tmn Sentul)
16. Rumah Pam Taman Sentul Jaya (Jalan Sentul 5)
17. Rumah Pam Taman Merak (Lorong Merak 31)
18. Rumah Pam Taman Helang (Jalan Kampong Che Aminah)
19. Rumah Pam Transkrian (18, Lorong Kedidi)
20. Rumah Pam Taman Kota Permai (Leboh Kota Permai Satu)
21. Rumah Pam Mak Mandin A (Hujung Jalan Kikik 7)
22. Rumah Pam Mak Mandin B (Hujung Jalan Kerapu)
23. Rumah Pam Mak Mandin C (Hujung Jalan Kerapu)
24. Rumah Pam Taman Limbungan (Tingkat Limbungan 3)
25. Rumah Pam Taman Permai Jaya (Persiaran Kota Permai)
26. Rumah Pam Taman Sukun (Hujung Jalan Sukun 2)








BANGUNAN

CARTA ORGANISASI

JABATAN BANGUNAN







PENGENALAN

Jabatan Bangunan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan fungsi kawalan bangunan bagi seluruh kawasan Seberang Perai di bawah akta yang diperuntukkan seperti Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa dan garis panduan dalam MBSP yang telah diluluskan

Visi jabatan adalah untuk memastikan pemajuan dan kawalan pembangunan di kawasan Seberang Perai adalah teratur, terancang, inkulsif, hijau serta pintar dan Misi Jabatan adalah memberi perkhidmatan kawalan pembangunan yang efisien dan berkualiti

Kawalan Pembangunan merangkumi aspek kelulusan, pemantauan pembinaan dan penguatkuasaan sebelum, semasa dan selepas bangunan siap dibina. Antara lain ialah proses kawalan melibatkan pengeluaran kelulusan pelan bangunan, kebenaran mendirikan bangunan, permit kerja pengubahsuaian, permit bangunan sementara, permit struktur pemancar TELCO, permit kerja perobohan bangunan, permit kerja lebih masa, pemantauan tapak bina dari peringkat kerja pembinaan dimulakan sehingga Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh PSP. Manakala program bagi memantapkan pendidikan kawalan bangunan, projek-projek Majlis, aksesibiliti rekabentuk sejagat dan lain-lain yang berkaitan adalah dijalankan dari masa ke semasa





CARTA ORGANISASI

Struktur organisasi jabatan terdiri daripada 3 bahagian utama bagi menjalankan tanggungjawab dan peranan dalam melaksanakan kawalan pembangunan di kawasan Seberang Perai. Jabatan Bangunan di terajui oleh seorang Pengarah dan dua (2) orang Penolong Pengarah Kanan dengan 69 orang pegawai sokongan dan di pecahkan kepada tiga (3) bahagian iaitu :-

- Bahagian Kawalan Bangunan
- Bahagian Pembangunan, Data dan Kualiti
- Bahagian Pentadbiran

Agihan perjawatanan di Jabatan Bangunan sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut :

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pengarah Bangunan	J52	1
2	Penolong Pengarah Kanan	J44	2
3	Ketua Penolong Pegawai Senibina Kanan	J38	2
4	Penolong Pegawai Senibina Kanan	J36	3
5	Penolong Pegawai Senibina	J29	40
6	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
7	Pelukis Pelan Kanan	J22 (KUP)	1
8	Pembantu Tadbir Kanan	N22	1
9	Pembantu Tadbir Kanan	N22 (KUP)	8
10	Pembantu Tadbir	N19	10
11	Penghantar Notis	N11	1
12	Pembantu Operasi	N11	1
13	Pemandu	N11	1
Jumlah			72



FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Merancang dan mengurus segala perkara berkaitan kakitangan Jabatan Bangunan
- Mengurus hal ehwal pentadbiran Jabatan Bangunan
- Mengurus hal ehwal tatatertib kakitangan
- Mengurus jadual pergerakan dan penyelenggaraan kenderaan Jabatan Bangunan
- Mengurus segala maklum balas, pertanyaan, dan aduan berkaitan Jabatan Bangunan

- Menyelaras dan menyediakan kertas-kertas Mesyuarat Jawatankuasa OSC
- Mengurus dan memantau mesyuarat berkaitan jabatan
- Menyelaras maklumbalas mesyuarat yang berkaitan dengan jabatan
- Menguruskan pembelian, mengawal dan mengagihkan stok jabatan
- Mengurus dan menyelaras aset-aset jabatan
- Menguruskan wang runcit jabatan
- Menguruskan fail-fail jabatan termasuk pengurusan fail ke Arkib
- Menyelanggara cuti kakitangan
- Memantau kehadiran kakitangan
- Menguruskan tindakan tatatertib kakitangan jabatan
- Menguruskan surat mesyuarat luaran dan dalaman
- Penyediaan fail dan dokumen mesyuarat
- Urusan surat menyurat jabatan
- Urusan selenggaraan fail



FUNGSI BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN

- Memproses dan mempertimbangkan permohonan pelan-pelan bangunan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (UKBS 1986).
- Menerima dan merekod perakuan perunding ke atas pelan-pelan struktur tetulang.
- Menerima dan merekod pelan-pelan sanitari dalaman.
- Mengeluarkan ulasan lesen.
- Mengeluarkan permit sementara bagi sesuatu tempoh terhad untuk binaan sementara (UUK 19 UKBS 1986).
- Kelulusan Permit Sementara Menara Pemancar (Telco) mengikut Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002 dan Prosedur dan Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang 2015.





- Memproses dan mengeluarkan kebenaran membaiki rumah (UUK 18 UKBS 1986).
- Memproses dan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki, menerima dan merekod Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) kepada bangunan yang telah didirikan mengikut pelan berlulus.
- Mengambil tindakan ke atas bangunan dalam keadaan bahaya.

- Memantau, mengesan dan mengambil tindakan mengikut Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 bagi binaan tanpa kebenaran serta pindaan dan tambahan tanpa kebenaran di seluruh Seberang Perai.
- Bertindak sebagai penasihat Majlis di dalam perkara mengenai kawalan bangunan mengikut Akta 133, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan Polisi Majlis.



FUNGSI BAHAGIAN KEMAJUAN, DATA DAN KUALITI

- Menyelengara dan mengemaskini SOP, Garispanduan, Prosedur Jabatan serta memastikan pengunaannya telah diluluskan serta yang terkini
- Penyediaan kertas kerja, kertas mesyuarat, kertas dasar, kertas laporan, press kitt serta lain-lain berkaitan dengan garispanduan, kualiti, pembelian, sebutharga dan cetakan
- Menyelengara dan memastikan penggunaan garis panduan oleh Jabatan Bangunan adalah yang terkini dan yang diluluskan.
- Menyelenggara serta penambahbaikan kepada sistem-sistem komputer di Jabatan.
- Mengumpul, menyimpan dan menyelenggara data-data dan maklumat mengenai kelulusan pelan-pelan bangunan, kelulusan permit, Sijil Kelayakan Menduduki/ CCC, bangunan tanpa kebenaran, pengeluaran kompaun, pengeluaran notis, kilang-kilang tanpa kebenaran, bangunan berkala, RIBI, tukarguna serta menyediakan laporan berkala secara bulanan / tahunan
- Memastikan semua sistem-sistem kualiti (QMS/EMS/EnMS/ISMS/OSHMS/ABMS) Jabatan Bangunan di gunapakai serta dikemaskini penggunaan prosedur serta borang-borang.
- Pemantauan kepada tindakan penguatkuasaan berkaitan RIBI, kilang tanpa kebenaran, tukarguna, kompaun, rekabentuk grafik, slaid serta lukisan teknikal untuk rekabentuk bangunan, slaid-slaid taklimat jabatan serta program-jabatan.
- Memproses dan mengeluarkan keputusan terhadap permohonan permit kanopi melibatkan seluruh kawasan Seberang Perai serta permohonan balik wang cagaran bagi permohonan melalui Buku Panduan MBSP



AKTIVITI DAN PENCAPAIAN PROSES UTAMA

Sebanyak **1604** kelulusan dari pelbagai kategori telah diluluskan dalam tahun 2022 berbanding **2136** kelulusan pada tahun 2021, penurunan sebanyak 34% dari tahun sebelumnya. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan adalah kenaikan kos bahan binaan serta kenaikan kos upah pekerja.

Bil	KATEGORI BANGUNAN	BIL. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN 2019	BIL. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN 2020	BIL. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN 2021	BIL. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN 2022
1	Rancangan Perumahan	567	153	454	161
2	3 unit dan kebawah	461	391	397	363
3	Pindaan & Tambahan	156	182	256	191
4	Pindaan Kecil (Permit)	332	368	555	716
5	Pindaan & Tambahan (Tranformasi)	598	495	457	457
6	Struktur Telekomunikasi	47	30	16	7
JUMLAH		2261	1620	2136	1604

Manakala dari jumlah kelulusan tersebut sebanyak **13,375** unit rumah dari pelbagai jenis telah diluluskan. Jumlah pecahan jenis bangunan dan bilangan unit adalah seperti jadual di bawah :-

Bil	JENIS BANGUNAN	SPU	SPT	SPS	JUMLAH UNIT
1	Rumah Kediaman / Teres	1825	337	949	3111
2	Rumah Pangsa/ Pangsapuri/ Kondo	857	1338	4221	6416
3	Sesebuah/ Banglo	44	5	56	105
4	Rumah Berkembar	200	249	441	890
5	Kedai/ Pejabat	69	84	31	184
6	Rumah Klaster	0	0	332	332
7	<i>Town House</i>	0	0	144	144
8	Kilang	12	134	97	243
9	Lain-lain bangunan	434	393	458	1285
10	Pangsapuri Kos Rendah	32	0	0	32
11	Rumah Pangsa Kos Rendah	242	0	391	633
JUMLAH KESELURUHAN UNIT MENGIKUT DAERAH		3715	2540	7120	13,375



Jumlah permohonan pelan bangunan (pelbagai kategori) yang diterima oleh Jabatan Bangunan adalah sebanyak 2425 permohonan dengan jumlah hasil adalah sebanyak **RM7,429.670.77** manakala sebanyak 668 permohonan Pelan Pindaan Dan Tambahan Kecil Rumah Kediaman Taman Perumahan (Buku Panduan) telah diteriman dalam Tahun 2022 dengan hasil yang diperolehi adalah sebanyak **RM120,950.00**

Sebanyak 265 Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah diterima pada Tahun 2022 melibatkan 3701 unit bangunan dari pelbagai jenis bangunan.

Bagi permohonan melibatkan Permit Sementara Kanopi , kutipan keseluruhan (Permit/Pelekat) sebanyak RM81,221.00 dengan 433 permohonan yang diluluskan di sepanjang tahun 2022.



Pada tahun 2022 Jabatan Bangunan berjaya menjana hasil sebanyak **RM14,378,120.44** daripada pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan. Jumlah ini adalah melebihi sebanyak **RM4,075,810.09** atau **28.34** peratus dari jumlah kutipan pada Tahun 2021 iaitu **RM10,302,310.35**. Jumlah kutipan dan perbezaan kutipan mengikut perkhidmatan adalah seperti jadual di berikut:-

Bil	KATEGORI	2020 (RM)	2021(RM)	2022 (RM)	BEZA 2021-2022 (RM)	PERATUSAN
1	Permit Peletakan Sisa Binaan	299,600.00	282,095.00	357,100.00	75,005.00	21.00%
2	Permit Sisa Binaan	130,210.00	121,520.00	152,751.00	31,231.00	20.40%
3	Permit Bangunan/ Struktur Sementara	4,586,721.79	1,824,041.89	4,237,656.70	2,413,584.81	56.85%
4	Permit Kanopi	33,920.00	28,260.00	56,141.00	27,881.00	49.67%
5	Bayaran Pelan Bangunan	5,240,590.31	6,521,524.84	7,429,670.77	908,145.93	12.22%
6	Pelekat Kanopi	11,710.00	9,960.00	25,080.00	15,120.00	60.20%
7	Pelekat Pemberitahuan	17,285.00	21,480.00	25,138.00	3,658.00	14.55%
8	Pelekat Tanda Pembinaan	29,819.00	28,995.00	31,640.00	2,645.00	8.35%
9	Buku Panduan	93,200.00	81,450.00	120,950.00	39,500.00	32.65%
10	Jualan Pelan/ Dokumen	89,185.00	94,690.00	127,085.00	32,395.00	25.49%
11	Bayaran Dinaikkan (Denda)	143,348.60	73,752.87	235,841.15	162,088.28	68.72%

Bil	KATEGORI	2020 (RM)	2021(RM)	2022 (RM)	BEZA 2021 -2022 (RM)	PERATUSAN
12	Kompaun Kesalahan Akta 133 Seksyen 72(1)c (Bangunan)	16,780.00	124.00	48,507.00	48,383.00	99.74%
13	Pelbagai Hal	2,936.00	1,214,416.75	1,530,589.82	316,173.07	20.65%
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		10,695,305.70	10,302,310.35	14,378,120.44	4,075,810.09	28.34%

Salah satu daripada Inovasi yang mempunyai impak terhadap hasrat Jabatan Bangunan untuk membuat pembaharuan kepada kaedah penguatkuasaan yang lebih berkesan adalah dengan cara mempercepatkan kaedah pengeluaran Notis Binaan Tanpa Kebenaran. Jabatan telah mendapat kelulusan Majlis Penuh untuk penurunan kuasa kepada Penolong Pegawai Senibina Kanan bagi menandatangani Notis Binaan Tanpa Kebenaran (BTK) . Proses ini dapat memberikan nilai tambah kepada kaedah pengeluaran Notis BTK jabatan serta membantu mempercepatkan tindakan penguatkuasaan terhadap binaan yang dikesan di tapak. Kaedah ini telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2022



LAIN-LAIN PROGRAM

Pada tahun 2022 terdapat beberapa program dan aktiviti yang telah diaturkan oleh Jabatan Bangunan sebagai nilai tambah kepada proses atau program sediada. Program-program ini direncanakan serta direalisasikan bagi membantu mempertingkatkan perkhidmatan yang sedia ada kepada penduduk Seberang Perai. Antara program-program yang mempunyai nilai tambah tersebut adalah:-

A. PROGRAM MESRA PELANGGAN

Program ini mensasarkan kepada pemilik rumah kediaman di taman perumahan yang baru dikeluarkan CCC (Perakuan Siap dan Pematuhan) bagi pemilik tersebut membuat permohonan pindaan dan tambahan kepada kediaman mereka. Pada tahun 2022 sebanyak dua (2) program telah dilaksanakan iaitu seperti berikut :-

TARIKH	LOKASI	BILANGAN PENGUNJUNG	JUMLAH KUTIPAN (RM)
26 Februari 2022	Dewan Komuniti Taman Perda Indah SPU	52	46,143.00
28 Ogos 2022	Setia Fontaine Experience Center, SPU	78	28,300.00



Program Mesra Pelanggan pada 26.02.2022 di Dewan Komuniti Taman Perda Indah SPU.



Program Mesra Pelanggan pada 28.08.2022 di Setia Fontaine Experience Center, SPU

B. PROGRAM AUDIT AKSESIBILITI KE ATAS BANGUNAN- BANGUNAN MILIK MBSP

Jabatan Bangunan juga telah menjalankan Audit Aksesibiliti melibatkan aset-aset Majlis seperti Kompleks Makanan, Kompleks Penjaja Serta Pasar-Pasar Awam, pada Tahun 2022 pasukan audit aksesibiliti Jabatan Bangunan telah menjalankan audit keatas 23 Kompleks Makanan dan 15 Pasar Awam.



Dapatan daripada audit tersebut akan dihantar kepada Jabatan Pelesenian untuk tindakan sewajarnya. Jabatan juga akan membentangkan analisis dapatan audit ke Jawatankuasa UD Peringkat MBSP untuk tindakan lanjut.

C. LAWATAN KOLOBRASI BERSAMA AGENSI DALAM DAN LUARAN

Sebanyak enam (6) Lawatan Kolaborasi di antara Jabatan Bangunan dan agensi luaran seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan lain-lain agensi teknikal



D. PROGRAM GRPB CHAMPION AWARD MBSP 2020 - 2022 MBSP

Jabatan Bangunan telah menyertai GRPB Champion Award 2020-2022 , program yang bermula sejak Tahun 2020 dan berakhir pada Ogos 2022, Seramai 18 Orang kakitangan jabatan telah teribat dalam program ini di mana 10 orang adalah ahli pasukan dan 8 orang adalah ahli pasukan sokongan.



KITA SERUPA adalah projek Jabatan Bangunan yang bermula pada Tahun 2020. Projek ini memfokuskan kepada pengauditan bangunan-bangunan milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terutamanya pasar-pasar awam dan kompleks makanan / penjaja.

Pengauditan ini ditumpukan kepada akses kebolehcapaian orang kurang upaya (OKU) di premis-premis milik MBSP. Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), mendefinisikan orang kurang upaya (OKU) sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

Semua jabatan yang bertanding telah membentangkan Laporan Projek panel juri profesional pada 30.06.2022 manakala pada juri awam pada 11.08.2022.

Jabatan Bangunan telah berjaya menambat hati Juri Awam dengan mendapat mata tertinggi dari kesemua jabatan yang bertanding pada sesi pembentangan kepada Juri Awam ,dan berjaya meraih tempat ke lapan (8) keseluruhan daripada 16 jabatan yang bertanding.

E. ASEAN MAYORS FORUM 2022

Pengarah Bangunan, Cik Noorhanis Bin Hj. Noordin telah menwakili MBSP ke ASEAN Mayor Forum 2022 pada 2 - 3 Disember 2022 di Sokha Hotel, Phnom Penh, Cambodia. Forum ini juga telah dihadiri oleh Tuan Tpr Mohd Ridzal Bin Abdul (Pengarah Pelancongan, Seni dan Warisan) serta Cik Anis Shahzreen Bin Azmi (Penolong Pengarah Perancang Bandar).


Forum tersebut telah dihadiri lebih 300 peserta termasuk Gabenor / Datuk Bandar / Pemangku Raja. Wakil dari bandar-bandar ASEAN, Pegawai Kanan Kerajaan Tempatan, Wakil Persatuan kerajaan Tempatan dari seluruh Asean, turut hadir ke forum tersebut adalah wakil sekretariat ASEAN, Ahli UGLG, ASPAC serta wakil-wakil rakyat dari pihak Kerajaan Cambodia sendiri.

Topik utama Forum adalah Memperkuuh ASEAN Kerjasama melalui mempercepatkan Pelaksanaan Pintar, Berdaya Tahan, dan Bandar Mampan untuk Kehidupan Bandar Transformatif dalam *Normal Baharu*.





PERANCANG BANDAR




CARTA ORGANISASI

JABATAN PERANCANG BANDAR

TPR. NORLIZA BINTI ABDULLAH
PENGARAH (J52)

KAMARIAH BINTI RAMLI
TIMBALAN PENGARAH (J48)



kemaskini : November 2021



PENGENALAN

Jabatan ini memainkan peranan penting di dalam mengawal pembangunan melalui penguatkuasaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta 172 termasuk Pindaan 1995 (Akta A993), 2001 (Akta A1129) dan 2007 (Akta A1313) bagi memastikan corak pembangunan adalah bersesuaian dan selaras dengan corak pembangunan yang telah ditetapkan di samping menghalang pembangunan yang bertentangan dengan perancangan di sesuatu kawasan tersebut.



VISI JABATAN

Mewujudkan pembangunan yang seimbang dan berdaya maju melalui perancangan yang komprehensif



MISI JABATAN


Memastikan perancangan yang seimbang melalui pembangunan mampan, mesra alam, beridentiti dan menarik selaras dengan kehendak Akta.



FUNGSI JABATAN

Fungsi Jabatan Perancang Bandar adalah seperti berikut :

- i. Merancang dan mengawal pembangunan di Seluruh Seberang Perai selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang dan Rancangan Tempatan Daerah SPU, SPT dan SPS.
- ii. Menjalankan penguatkuasaan berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- iii. Mengurus penyediaan Rancangan Pemajuan.
- iv. Memberi nasihat berkaitan bidang perancangan kepada orang awam dan agensi-agensi yang berkaitan.



ORGANISASI JABATAN

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 3 bahagian dan 1 unit iaitu seperti berikut :

- Bahagian Kawalan Pembangunan
- Bahagian Penyelidikan, Pembangunan, Penguatkuasaan & Pelesenan
- Bahagian Rancangan Pemajuan
- Unit Pentadbiran



BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN

Bahagian Kawalan Pembangunan di jabatan merupakan perkhidmatan teras jabatan dan dibahagikan mengikut daerah di Seberang Perai iaitu Bahagian Kawalan Pembangunan Daerah SPU, SPT dan SPS. Setiap daerah diketuai oleh seorang Penolong Pengarah dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Kanan Perancang Bandar. Fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah seperti berikut:

- Memproses permohonan kebenaran merancang untuk skim perumahan, perniagaan, industri, institusi dan lain-lain jenis pembangunan
- Memproses permohonan pelan pecahan sempadan, cantuman, penyerahan dan pemberian milik semula tanah
- Memproses permohonan penamaan taman, jalan dan bangunan
- Memberi ulasan teknikal terhadap pelan bangunan, kerja tanah, ubah syarat tanah, sijil layak menduduki, permohonan lesen tumpangan sementara (TOL), penggunaan tanah kerajaan, pemberian milik tanah, pengambilan balik tanah, Perlindungan Semula dan lain-lain yang berkaitan

Beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan di jabatan dalam memproses Permohonan Kebaran Merancang iaitu:

- Mengeluarkan C1 serta merta bagi Kebenaran Merancang Bangunan Industri Sesebuah, Bangunan Industri Sesebuah atau Berkembar Dalam Kawasan Industri, pusat Mencuci Kereta Manual, Hotel Bajet dan Kompleks sukan.
- Mengeluarkan C1 dalam tempoh 60 hari dari tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC
- Memproses PKM dalam tempoh 71 hari seperti mana yang ditetapkan oleh OSC 3.0 plus.

Aktiviti yang telah dijalankan :-

- Dari tempoh Januari hingga Disember 2022 sebanyak 250 Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) diterima jabatan, di mana sebanyak 240 (98%) permohonan telah diselesaikan dalam tempoh piagam yang ditetapkan. Manakala baki 5 (2%) masih dalam proses dan dalam tempoh piagam.
- Bagi pengeluaran C1 serta merta bagi Kebenaran Merancang Bangunan Industri Sesebuah, Bangunan Industri Sesebuah atau Berkembar Dalam Kawasan Industri, pusat Mencuci Kereta Manual, Hotel Bajet dan Kompleks sukan yang bermula pada tahun 2018 sebanyak 56 C1 segera telah dikeluarkan sehingga Disember 2022.



Penyerahan C1 segera pertama yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) pada 14 April 2018.



Penyerahan C1 segera yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) pada 6 Julai 2022.



Penyerahan C1 segera yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) pada 20 Disember 2022.



BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN

Selain dari mengawal pembangunan bagi memastikan ianya terancang, Jabatan Perancang Bandar juga memainkan peranan untuk menguatkuasakan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) melalui Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan. Diantara fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah :

- Memberi ulasan terhadap permohonan lesen-lesen perniagaan am dan industri di seluruh Seberang Perai.
- Memberikan ulasan terhadap lesen pengilang kepada pihak MIDA / MITI.
- Menjalankan lawatan tapak untuk menyiasat dan mengenalpasti aktiviti-aktiviti pembangunan yang dijalankan tanpa kebenaran atau menyalahi syarat-syarat kelulusan yang diberikan di seluruh Seberang Perai.
- Menjalankan siasatan dan mengambil tindakan susulan kepada aduan-aduan yang diterima di seluruh Seberang Perai.
- Melaksanakan penguatkuasaan terhadap perubahan matan terhadap bangunan dan tanah tanpa kebenaran atau premis-premis yang menyalah guna kegunaan bangunan (*Change of use*) dan menyediakan laporan dan kertas pendakwaan terhadap tertuduh kepada jabatan undang-undang.
- Memberikan ulasan terhadap permohonan pembinaan papan tanda kepada jabatan kejuruteraan.
- Menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan maklumat RIBI kepada Jawatankuasa Mesyuarat RIBI negeri Pulau Pinang.
- Menyelaras dan mewakili jabatan dalam Jendela Pelanggan yang diadakan setiap bulan.

Bahagian R & D jabatan bertanggungjawab untuk menggubal dan menyediakan garis panduan perancangan dan dasar-dasar perancangan khususnya bagi tukar guna kediaman kepada perniagaan. Antara fungsi dan tanggungjawab Bahagian R & D adalah:

- Menyediakan & mengemaskini garispanduan perancangan & dasar-dasar perancangan.
- Menjalankan kajian berkaitan keperluan perancangan dari semasa ke semasa seperti tukarguna kediaman kepada perniagaan bagi sesuatu kawasan.
- Menyediakan pelan dan maklumat yang berkaitan bagi pembangunan atau menaik taraf harta majlis seperti cadangan pasar awam dan sebagainya.
- Menyediakan draf Kertas Mesyuarat MMK dan Exco berkaitan dengan garis panduan perancangan.

Diantara garis panduan yang telah diluluskan pada tahun 2022 adalah :

1. Penetapan Bayaran Permohonan Pelan Pembahagian Fasa Pembangunan Dan Pelan Penamaan Nama Taman, Jalan, Lorong, Bangunan & Tempat Awam Di Majlis Bandaraya Seberang Perai
- diluluskan pada 21 Jun 2022



BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

Bahagian Rancangan Pemajuan distrukturkan di bawah Jabatan Perancang Bandar bagi melaksanakan tugas berdasarkan kepada Bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172. Perincian bidang tugas bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030
2. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan kajian-kajian perancangan agar selari dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan seperti kajian oleh Unit Butterworth Baru, Bukit Mertajam, Garispanduan Perancangan dan sebagainya.
3. Merancang, membangunkan dan memantau Sistem GIS iaitu SPGIS, e-OSC, dan sebagainya termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian data serta maklumat ke dalam sistem GIS dan yang berkaitan dengannya.
4. Menyedia dan menyelaras dalam membekalkan maklumat serta maklumbalas kajian-kajian perancangan bandar di peringkat negeri dan persekutuan iaitu Pelaporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri, Pelaporan Pemantauan Dasar Perbandaran Negara, Kajian Profil Bandar dan Profil Kampung dan lain-lain.
5. Memberi khidmat nasihat dan membekalkan maklumat perancangan dan pembangunan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar, orang awam, para perunding dan sebagainya.
6. Memberi pelaporan berkenaan Sistem Pengukuran dan Penilaian Kemampunan Bandar-bandar di Malaysia - MURNInet secara online melalui laman web PLANMalaysia.
7. Menyelaras semua dasar-dasar kerajaan yang melibatkan rancangan-rancangan pemajuan, garispanduan perancangan, piawaian perancangan, undang-undang dan sebagainya yang melibatkan perancangan bandar yang telah dibentangkan kepada ahli majlis dimasukkan ke dalam sistem e Dasar MPSP.
8. Membangunkan Sistem Maklumat Geografi yang boleh dicapai secara '*online*' melalui laman web <http://spgis.mbsp.gov.my/portal>. Melalui sistem GIS ini, terdapat beberapa pecahan sistem GIS yang telah dibangunkan iaitu SPGIS, Draf RT Seberang Perai 2030 boleh membuat fungsi carian lot, pengezonan dan sebagainya.
9. Bahagian ini juga telah merancang satu pengkalan data Spatial (*basemap*) yang boleh dihubungkan dengan sistem pengkalan data daripada jabatan-jabatan lain. Projek ini masih diperingkat pembangunan data.
10. Memaparkan maklumat gunatanah secara grafik menggunakan konsep '*layer*' dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.
11. Membangunkan satu perkongsian data dikalangan kakitangan jabatan. Ini menjimatkan kos pemasangan dan penyokong perkakasan sesebuah perisian.
12. Menyediakan ulasan teknikal terhadap permohonan perlindungan semula yang diterima daripada PLANMalaysia Negeri Pulau Pinang dan juga memberi ulasan berkenaan surat-surat daripada Pejabat Daerah dan Tanah bagi ketiga-tiga daerah.
13. Memastikan pelanggan mendapat layanan yang terbaik semasa beruruskan bagi mendapatkan maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan perancangan bandar dan zoning pembangunan, perkhidmatan semakan zon perancangan diberi secara atas talian (*online*). Pada sepanjang tahun 2022 sebanyak 4413 pelanggan telah menggunakan perkhidmatan ini.

14. Mencetak pelan menggunakan sistem SPGIS dan mengeluarkan dokumen pengesahan zoning kepada pelanggan berdasarkan kepada RSNPP yang diwartakan dan DRTSP2030. Pada tahun 2022 sebanyak 905 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU = 160, SPT = 315 dan SPS = 277.
15. Jualan pelan kepada pihak awam, swasta, pelajar dan lain-lain lagi merupakan antara perkhidmatan yang disediakan dan pada tahun 2022. Catatan jualan pelan yang dijual berjumlah RM 490 dengan bilangan jualan sebanyak 44 keping.
16. Memproses data dan maklumat pelan kebenaran merancang dan mendigit semula ke dalam sistem GIS. Sebanyak 223 buah skim telah didigit dan 43 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan telah didigit ke dalam pangkalan data GIS.

LAPORAN STATUS PROJEK KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2030

KAJIAN	LUAS	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MBSP	EPU	JUMLAH		
RTSP 2030	74,270	4 Sept 2017	31 Mei 2022	Laporan Akhir	RM662,566.66			Perunding Arkitek Jururancang (Malaysia) Sdn.Bhd	Dalam proses semakan borang Maklumbalas dan Sesi Pendengaran Siasatan dan Pendengaran Awam.
JUMLAH		74,270			RM662,566.66	RM662,566.66			

JENIS PERKHIDMATAN DI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

JENIS PERKHIDMATAN	TUGAS	HASIL KERJA TAHUN 2022
Sistem Mesyuarat e-OSC	<ul style="list-style-type: none"> - Memasukkan maklumat pelan dan kertas kerja ke sistem Mesyuarat e-OSC. - Memastikan sistem boleh dicapai secara '<i>online</i>' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan kelulusan pelan kebenaran merancang sentiasa dikemaskini. 	<p>320 Pelan Kebenaran Merancang telah diterima, dimana 275 permohonan telah diluluskan.</p> <p>33 Permohonan Penamaan Taman dan Jalan diterima, dimana 28 permohonan telah diluluskan. Maklumat kelulusan perancangan semasa yang dikemaskini boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mbsp.gov.my/osc</p>
Sistem SPGIS	<p>Memastikan sistem boleh dicapai secara '<i>online</i>' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan perancangan sentiasa dikemaskini.</p>	<p>Maklumat perancangan semasa dikemaskini dan sistem boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mbsp.gov.my/portal</p> <p>Maklumat yang telah dimuatnaik ke dalam sistem ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - SPGIS : Local Plan - SPGIS : Geoportal - SPGIS : Landscape
Surat Pengesahan Zoning	<p>Membuat carian lot dan zoning melalui sistem GIS dan mengeluarkan surat pengesahan pada masa yang sama</p>	<p>Sebanyak 905 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU - 160, SPT - 315 dan SPS - 277.</p>
Cetakan pelan dan data perancangan untuk jualan dan kegunaan jabatan dalaman MPSP	<p>Mencetak pelan mengikut keperluan pemohon seperti yang terkandung di dalam borang cetakan yang disediakan</p>	<p>Sebanyak 44 permohonan pelan daripada pihak swasta dan jabatan dalaman MBSP telah dicetak dengan kutipan jualan sebanyak RM 490</p>
Kemasukan data PKM ke aplikasi GIS bagi proses pengemaskinian	<p>Semua pelan kebenaran merancang dan penamaan skim nama taman, jalan dan sempadan taman yang telah diluluskan didijit menggunakan aplikasi GIS</p>	<p>Sebanyak 223 skim pembangunan telah didijit dan 43 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan ke dalam pangkalan data GIS.</p>



BAHAGIAN PENTADBIRAN

Fungsi Unit Pentadbiran di Jabatan Perancang Bandar ialah :


- Penyediaan peruntukan dan belanjawan Jabatan
- Pengurusan Aset
- Penyelarasan maklumbalas kepada jabatan dalaman dan luaran
- Penyelarasan dan penyediaan laporan tahunan jabatan
- Penyelarasan dokumen terperingkat jabatan
- Penyeliaan disiplin, tata tertib dan tugas kakitangan
- Pengurusan latihan kakitangan
- Penyeliaan fail-fail pentadbiran jabatan
- Kemaskini Sistem I-Direktori
- Mengurus Perkara Berkaitan Pentadbiran Jabatan
- Menyelaras Semua Mesyuarat Dalaman dan Luaran MPSP
- Mengurus Panjar Wang Runcit
- Menyelaras dan Memantau Tugas-Tugas Pembantu Tadbir, Pekerja Rendah Awam dan Pemandu
- Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan
- Menjaga Rekod Cuti
- Menyediakan Elaun Tanggung Kerja
- Penyeliaan Fail-Fail Pentadbiran Jabatan
- Memantau Pembersihan Jabatan
- Mengendalikan Stok Alat Tulis - Pegawai Stor Jabatan
- Menyediakan Dokumen-Dokumen Untuk Mesyuarat Bantahan
- Menyediakan Penyata / Pendahuluan Diri *Touch N Go* Bagi Pemandu-Pemandu
- Membuat Ringkasan / Keratan Minit-Minit Jawatankuasa Perancang Negeri
- Mengendalikan Sistem Perolehan Jabatan - Penyediaan Segala Urusan Pembayaran Dan Pembelian.



PERBENDAHARAAN

CARTA ORGANISASI

JABATAN PERBENDAHARAAN





RINGKASAN UMUM

Pada tahun 2022, Majlis telah mencatat lebihan sebanyak RM4.91 juta, berbanding dengan lebihan sebanyak RM19.55 juta pada tahun 2021. Perbezaan sebanyak RM14.64 juta ini disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan lebih tinggi daripada peningkatan dalam pendapatan Majlis seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Perbandingan Prestasi Kewangan bagi tahun 2022 dan 2021

KETERANGAN	2022 RM JUTA	2021 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA
PENDAPATAN	315.07	304.92	10.15
PERBELANJAAN	310.16	304.92	24.79
LEBIHAN / (KURANGAN)	4.91	19.55	(14.64)

Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada penurunan dalam lebihan ini termasuk:

- i. Peningkatan dalam perbelanjaan pengurusan tempat membuang sampah iaitu tapak pelupusan Pulau Burung dan *transfer station* lanjutan daripada pengambilalihan pengurusan tapak pelupusan sampah daripada kontraktor pada tahun 2022.
- ii. Peningkatan dalam pembayaran balik anuiti pinjaman kerajaan kerana penangguhan bayaran balik anuiti hanya bertempoh setahun iaitu pada tahun 2021 sahaja dan bayaran anuiti pinjaman bank yang bermula pada tahun 2022.
- iii. Peningkatan dalam emolumen kakitangan kontrak dan sambilan dengan peningkatan dalam pengambilan kakitangan kontrak baharu pada tahun 2022.
- iv. Peningkatan dalam perbelanjaan cukai barang dan perkhidmatan lanjutan daripada pembelian kenderaan untuk menggantikan kenderaan yang telah usang dan rosak.
- v. Peningkatan dalam pembayaran ganjaran pekerja kontrak dan gantian cuti rehat kakitangan tetap yang bersara dengan gaji maksimum serta bayaran gantian cuti rehat awalan (80 hari) kepada pekerja tetap.
- vi. Penurunan dalam geran kerana tiada pemberian geran daripada Kerajaan Negeri untuk menampung pemberian rebat cukai taksiran pada tahun 2022.





RINGKASAN PENDAPATAN

Hasil cukai merupakan komponen hasil utama di Majlis. Pada tahun kewangan 2022, hasil cukai meliputi 71% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Majlis. Manakala 23% dan 6% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Majlis terdiri daripada hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil, seperti di **Carta 1**.



Pada keseluruhannya, pendapatan Majlis meningkat sebanyak 3.33% kepada RM315.07 juta pada tahun 2022 dibandingkan dengan tahun 2021 yang berjumlah RM304.92 juta iaitu perbezaan sebanyak RM10.15 juta.



RINGKASAN PERBELANJAAN

Komponen-komponen perbelanjaan Majlis adalah seperti di **Carta 2**.



Secara keseluruhannya, perbelanjaan Majlis meningkat sebanyak 8.69% pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 iaitu dari RM285.37 juta kepada RM310.16 juta dengan perbezaan sebanyak RM24.79 juta.



PERBANDINGAN PERBELANJAAN

Perbandingan perbelanjaan bagi tahun 2022 dan tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Perbandingan Perbelanjaan Bagi Tahun 2022 dan 2021

PERBELANJAAN MENGIKUT ITEM	2022 RM JUTA	2021 RM JUTA
EMOLUMEN (TETAP, KONTRAK & SAMBILAN)	185.85	171.97
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	86.81	83.35
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	5.18	0.64
PERBELANJAAN HARTA MODAL	2.77	2.62
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	5.46	2.85
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN	24.09	23.94
LEBIHAN / (KURANGAN)	310.16	285.37

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2022 telah meningkat berbanding dengan tahun 2021. Dua (2) komponen utama dalam perbelanjaan Majlis adalah emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Kenaikan dalam emolumen adalah disebabkan oleh pemberian elaun perubatan bermula pada tahun 2022 dan kenaikan dalam pembayaran ganjaran pekerja kontrak yang tamat kontrak, pengambilan pekerja kontrak baharu serta pembayaran cuti gantian rehat termasuk awalan (80 hari) untuk kakitangan tetap pada tahun 2022. Peningkatan dalam pemberian dan kenaan bayaran tetap adalah disebabkan oleh bayaran balik semula anuiti pinjaman kerajaan dan anuiti pinjaman bank pada tahun 2022.



PERBANDINGAN ASET DAN LIABILITI

Perbandingan Aset dan Liabiliti bagi tahun 2022 dan 2021 adalah seperti di **Jadual 3**. Nisbah Kecairan semasa menunjukkan Majlis mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan pada nisbah 1.30 : 1 pada tahun 2022.

Jadual 3: Perbandingan Aset dan Liabiliti bagi tahun 2022 dan 2021

PERKARA	2022 RM JUTA	2021 RM JUTA
ASET BUKAN SEMASA	899.99	876.31
ASET SEMASA	185.83	214.72
JUMLAH ASET	1,085.82	1,091.03
LIABILITI JANGKA PANJANG	60.05	73.05
LIABILITI SEMASA	143.23	140.25
JUMLAH LIABILITI	203.28	213.30
ASET BERSIH	882.54	877.73

TUNGGAKAN TERKUMPUL CUKAI TAKSIRAN



Carta 3 menunjukkan bahawa tunggakan terkumpul cukai taksiran bagi tahun 2022 hanya meningkat 0.43% iaitu RM0.22 juta jika dibandingkan dengan tahun 2021. Bagi memastikan tunggakan cukai taksiran ini dapat diperolehi, Jabatan Perbendaharaan telah melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa.



PROMOSI CUKAI PINTU DAN CABUTAN BERTUAH MBSP

Promosi cukai pintu dan cabutan bertuah adalah salah satu strategi Majlis untuk meningkatkan kutipan cukai pintu dan menggalakkan pemilik harta untuk membayar cukai pintu dengan lebih awal. **Jadual 4** menunjukkan jumlah kutipan daripada promosi cukai pintu dari tahun 2018 hingga 2022.

Jadual 4: Promosi Cukai Pintu dan Cabutan Bertuah dari tahun 2018 hingga 2022

PERKARA	PROMOSI 2018	PROMOSI 2019	PROMOSI 2020	PROMOSI 2021	PROMOSI 2022
Jumlah Kutipan	RM74.86 juta	RM87.13 juta	RM95.52 juta	RM96.61 juta	RM107.56 juta





PROMOSI HEBAT CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2022



Bagi promosi cabutan bertuaht tahun 2022, Majlis telah menyediakan sebanyak empat puluh (40) hadiah. Promosi "JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2022 & MENANG WANG TUNAI" bagi Bil Cukai Taksiran Penggal 1/2022 bermula pada 1 Disember 2021 dan tamat pada 28 Februari 2022.

Promosi ini diadakan sebagai insentif dan galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran secara dalam talian (*online*), melalui agensi kutipan yang dilantik serta kiosk.

Empat pemenang pertama masing-masing menerima RM10,00, RM5,000, RM3,000 dan RM2,000 manakala tempat kelima hingga ke-10 menerima RM1,000 setiap seorang. Pemenang tempat ke-11 hingga 40 pula menerima pelbagai hadiah menarik termasuk telefon pintar, ketuhar gelombang mikro, televisyen, periuk elektrik, vakum dan banyak lagi.





SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MBSP PADA TAHUN 2022



Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MBSP 2023 telah diadakan pada 20 Jun 2022 di *The Light Hotel*, Seberang Jaya. Input Bajet Tahun 2023 daripada stakeholders Seberang Perai secara online di laman web MBSP telah dijalankan dari 20 Jun hingga 3 Julai 2022. Jumlah responden yang telah mengisi adalah seramai 1,632 orang.

Input dan pandangan daripada stakeholders melalui soal selidik bajet dan sesi “Town Hall” akan diambil kira dalam pengagihan peruntukan Majlis bagi tahun 2023 serta dipraktikkan dalam pengurusan dan pentadbiran Majlis bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan Majlis.



GRPB CHAMPION AWARD MBSP 2020 - 2021

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah melaksanakan Bajet Penyertaan Rakyat dan *Responsif Gender* atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012. Pelaksanaan GRPB *The Penang Model* ini adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan hendaklah berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.



“GRPB Champion Award” diadakan untuk menggalakkan pelaksanaan GRPB di jabatan-jabatan MBSP, khususnya dalam pelaksanakan tugas atau projek masing-masing. Dengan erti kata lain, pertandingan ini adalah landasan bagi jabatan-jabatan dan unit-unit untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan projek atau program dengan penglibatan atau partisipatori daripada rakyat Seberang Perai sebelum dinilai oleh juri-juri profesional dalam bidang yang berbeza.


Setiap jabatan dan unit yang bertanding dapat menjadikan penilaian dan komen dari juri-juri profesional sebagai panduan dan pembakar semangat untuk membudayakan GRPB di jabatan dan unit masing-masing pada tahun 2022 dan tahun-tahun akan datang.



PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

CARTA ORGANISASI

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA





PENGENALAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta berperanan membentuk dan menguruskan sistem percuaian MBSP supaya ia sentiasa responsif dan efektif berteraskan konsep keadilan dan kemampuan bagi maksud pengenaan cukai taksiran di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bagi keseluruhan kawasan yang berada di bawah pentadbiran MBSP.

Selain itu, Jabatan ini juga bertanggungjawab menguruskan harta-harta komersial milik MBSP, perumahan PPR, menguruskan pemberian hak pengurusan untuk program kitar semula / kompos dan bertindak menjana hasil-hasil melalui kutipan sewa, penjualan harta-harta tak alih dan meneroka sumber-sumber hasil baharu.



FUNGSI JABATAN

- Membuat penilaian bagi menentukan Nilai Tahunan ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh Seberang Perai.
- Membuat kerja-kerja Penilaian Semula ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh Seberang Perai setiap lima (5) tahun sekali.
- Melaksanakan kerja-kerja penilaian bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar ke atas pegangan-pegangan yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun.
- Mengendalikan Mesyuarat Rayuan Cukai Taksiran untuk mendengar dan menyiasat rayuan / bantahan terhadap cukai taksiran yang dicadangkan.
- Menyediakan perkhidmatan seperti berikut :-
 - a. Memproses permohonan penukaran nama pembayar cukai.
 - b. Mengemaskini Senarai Nilaian dan rekod maklumat harta berkadar.
 - c. Memproses semakan maklumat harta-harta berkadar di dalam Senarai Nilaian MBSP oleh tuan punya harta / peguam / perunding.
- Mengurus dan menyelenggara harta-harta Majlis yang berada di bawah tanggungjawab Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta termasuk Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar.
- Membuat penilaian untuk menentukan kadar sewa pasaran harta-harta Majlis.
- Mengurus inventori harta-harta Majlis serta membuat penilaian untuk maksud insurans ke atas bangunan-bangunan yang dibina atau diuruskan oleh Majlis.
- Membuat penilaian untuk menentukan nilai pasaran bagi tujuan pengambilan balik tanah dan penilaian nilai modal harta untuk tujuan pembelian dan pelupusan harta Majlis.
- Membuat penilaian bagi maksud pelingkungan semula dan sumbangan menggantikan penyerahan harta-harta awam.



PENCAPAIAN YANG TELAH DIMENANGI



MBSP GRPB CHAMPION AWARD 2020 - 2021

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah berjaya dinobatkan sebagai pemenang tempat ketiga dalam Pertandingan GRPB Champion Award 2020-2021 peringkat MBSP yang bersaing bersama 16 buah jabatan dalam lain. Melalui anugerah ini, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah membawa pulang wang tunai bernilai RM3,000.00.

Kumpulan yang diwakili oleh 10 orang kakitangan Jabatan telah memilih tajuk projek Patil TS sebagai taruhan kerana dilihat berupaya memberi impak dari segi keterangkuman gender.

Projek Patil TS merupakan program Jabatan yang melibatkan kelulusan dasar pemberian nombor rumah bagi rumah kediaman kampung yang dilaksanakan bagi tempoh terhad. Projek ini telah melibatkan Kumpulan Tumpu Bincang bersasar bersama komuniti penduduk-penduduk kampung iaitu Kampung Pulau Aman (SPS), Kampung Permatang Rawa (SPT) dan Kampung Contoh (SPU) dan penduduk-penduduk kampung di seluruh Seberang Perai umumnya.



Gambar 1.1 – 1.3 : Majlis pengumuman pemenang MBSP GRPB Champion Award 2020 – 2021 yang berlangsung pada 6 Oktober 2022.



Gambar 1.4 : Penglibatan kumpulan yang mewakili Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dalam Sesi Pembentangan Akhir pada 11 Ogos 2022.



ANUGERAH ZON 5S TERBAIK MBSP TAHUN 2022

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta yang khususnya dikenali sebagai Zon Orkid telah berjaya berada di kedudukan ke-empat dalam Anugerah Zon 5S terbaik MBSP sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya Ketiga yang berlangsung pada 15 September 2022.

Zon Orkid telah mengumpul sebanyak 92.19% markah keseluruhan menerusi Audit Amalan 5S Siri 1 Tahun 2022 dan layak memenangi wang tunai bernilai RM300.00 dalam persaingan yang melibatkan 23 zon lain ini.

Jabatan sentiasa komited dalam menjayakan program 5S di peringkat MBSP khususnya. Setiap pegawai dan kakitangan diterapkan dengan amalan 5S iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal secara berterusan.





Gambar 1.5 - 1.7 : Pengumuman Anugerah Zon 5S Terbaik semasa Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya Ketiga yang berlangsung pada 15 September 2022.



PENILAIAN BAGI MAKSUD KADARAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah berjaya menjana tambahan hasil cukai sebanyak RM7,501,110.08 yang diperoleh daripada taksiran ke atas harta bangunan dan tanah bagi tempoh sepanjang tahun 2022.



HASIL BANGUNAN

i. Taksiran Baru

Pada tahun 2022, sebanyak 6,492 bangunan baharu telah ditaksir dengan Nilai Tahunan berjumlah RM56,752,747.81 dan cukai taksiran berjumlah RM5,122,282.68 bagi seluruh Seberang Perai.



ii. Taksiran Semula (Pindaan dan Tambahan)

Manakala, sebanyak 750 bangunan telah ditaksir semula apabila terdapat pindaan dan tambahan ke atas bangunan sedia ada dengan Nilai Tahunan berjumlah RM7,142,432.68 dan jumlah cukai taksiran berjumlah RM815,168.77 bagi tahun 2022.



Gambar 1.8 - 1.9 : Antara bangunan-bangunan yang dinilai.



HASIL TANAH

i. Taksiran Baru

Pada tahun 2022, sebanyak 689 lot tanah kosong telah ditaksir dengan Nilai Tahunan berjumlah RM41,259,040.08 dan cukai taksiran berjumlah RM1,279,030.24 bagi seluruh Seberang Perai.

ii. Taksiran Semula (Pindaan dan Tambahan)

Manakala, sebanyak 40 tanah kosong telah ditaksir semula dengan Nilai Tahunan berjumlah RM9,144,123.14 dan jumlah cukai taksiran berjumlah RM284,628.39 bagi tahun 2022.



Gambar 1.10 : Antara tanah kosong yang dinilai.



Carta 1.1 : Bilangan dan peratusan harta berkadar mengikut jenis harta bagi tahun 2022.



SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga bertanggungjawab untuk menentukan caruman yang perlu dibayar bagi semua harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK).

Jadual 1.1 : Statistik bilangan harta dan Jumlah Sumbangan Membantu Kadar bagi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan Badan Berkanun pada tahun 2022

AGENSI	BILANGAN HARTA	JUMLAH SUMBANGAN (RM)
Kerajaan Persekutuan	4,610	4,092,334.44
Kerajaan Negeri	408	196,199.76
Badan Berkanun	395	4,998,697.71
JUMLAH	5,413	9,287,231.91

Gambar 1.11 – 1.14 : Sebahagian bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun yang dinilai bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar.





RAYUAN CUKAI TAKSIRAN

Berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), pemilik bangunan atau tanah boleh membuat bantahan secara bertulis sekiranya tidak berpuas hati dengan cadangan Senarai Nilaian Baru, dan bantahan tersebut perlulah didengar dalam Mesyuarat Rayuan Cukai.

Berikut merupakan bilangan Mesyuarat Rayuan Cukai yang dikendalikan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan bilangan bantahan yang diterima daripada pemilik terhadap cadangan dalam Senarai Nilaian Baru sepanjang tahun 2022 seperti dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 : Statistik Bilangan Mesyuarat Rayuan Cukai dan bilangan bantahan yang diterima pada tahun 2022

DAERAH	BILANGAN MESYUARAT RAYUAN CUKAI	BILANGAN BANTAHAN	
		BANGUNAN	TANAH
Seberang Perai Utara	11	359	145
Seberang Perai Tengah	10	445	89
Seberang Perai Selatan	8	652	24
JUMLAH	29	1,456	258

Gambar 1.15 - 1.18 : Sesi Mesyuarat Rayuan Cukai yang dijalankan secara atas talian.






TUKAR NAMA PEMILIK HARTA

Tukar Nama Pemilik Harta Berkadar telah diperuntukkan di bawah Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Penukaran nama kepada pemilik harta yang baharu perlu dibuat untuk membolehkan bil cukai taksiran disampaikan kepada pihak yang sebenar yang memiliki harta tersebut serta untuk tujuan penghantaran notis, carian dan sebagainya.

Tukar Nama Pemilik Harta Berkadar diproses bagi permohonan yang melibatkan bangunan dan tanah bagi seluruh Seberang Perai. Kelulusan sesuatu permohonan bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada pemohon. Kegagalan memenuhi syarat akan menyebabkan permohonan tidak dapat diluluskan dan perlu membuat permohonan semula.

Graf 1.1 : Statistik permohonan tukar nama pemilik harta mengikut daerah bagi tahun 2022.





PENGURUSAN HARTA MAJLIS

Skop kerja Bahagian Pengurusan Harta Majlis meliputi pengurusan harta-harta komersial milik MBSP, pengurusan Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar, Seberang Perai Tengah (SPT) dan pengurusan untuk tujuan hak pengurusan bagi aktiviti kitar semula / kompos di premis-premis MBSP yang tidak digunakan.

Gambar 1.19 - 1.20 : Bangunan kedai milik MBSP di Jalan Mohd Saad, Butterworth, SPU



HASIL PENGURUSAN HARTA MAJLIS

Jumlah kutipan hasil pengurusan sewaan tanah dan bangunan milik MBSP yang diuruskan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta pada tahun 2022 ialah sebanyak RM5,073,128.80. Sewaan harta-harta MBSP adalah melibatkan sewaan bangunan dan tanah serta pondok bas-pondok bas di Seberang Perai. Selain itu, terdapat juga unit-unit pangsapuri yang terletak di Damansara Height dan Casa Subang, Selangor yang kini sedang disewakan.



Gambar 1.22 : Penyewaan bangunan depo sampah MBSP di atas sebahagian Lot 2611, Mukim 9, Taman Sempadan, SPS oleh Encik Musa bin Abd. Hamid bagi tujuan menjalankan perniagaan air kelapa muda.



Gambar 1.21 : Penyewaan keseluruhan tanah milik MBSP di atas Lot 2989 dan Lot 3037, Lorong Nagasari 9, Taman Nagasari, Mukim 6, SPT kepada Tetuan Bagan K Solution bagi tujuan setor simpanan barang-barang syarikat.



PENYEWAAN PUSAT KITAR SEMULA ATAU PUSAT KOMPOS

MBSP juga memberi hak pengurusan kepada persatuan-persatuan yang berdaftar untuk melaksanakan aktiviti kitar semula / kompos di premis-premis MBSP depo sampah dan bekas tapak tangki najis / tapak penjaja dan lain-lain harta yang tidak digunakan oleh MBSP. Semua permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Jadual 1.3 : Harta-harta baharu yang diluluskan hak pengurusan
bagi tujuan kitar semula / kompos bagi tahun 2022

SENARAI TELAH DISEWAKAN									
Bil	No.Lot	Mukim	Daerah	Nama Taman/Lokasi	Keluasan Tanah (kp)	Cukai Tanah (RM)	Jenis Tapak	Tarikh Mula Hak Pengurusan	
1	3478	14	SPU	Taman Pandan Indah	5,382	540.00	Tapak penjaja	1 Jun 2022	
2	13195	15	SPT	Taman Seri Maju	452.08	40.00	Depo sampah	1 Januari 2023 (Kelulusan MBSP diberi dalam Mesyuarat Majlis Penuh Pada 22 November 2022)	



Gambar 1.23 - 1.24 : Tapak penjaja milik MBSP di atas Lot 3478, Mukim 14, Taman Pandan Indah, Daerah SPU yang diluluskan hak pengurusan kepada NGO bagi Pusat Pendidikan Perlindungan Alam Sekitar dan Perkhidmatan Komuniti.



Gambar 1.25 : Depo sampah milik MBSP di atas Lot 13195, Mukim 15, Taman Seri Maju, Daerah SPT yang diluluskan hak pengurusan kepada NGO bagi menjalankan aktiviti kitar semula.



PENGURUSAN RUMAH PANGSA PPR AMPANGAN, AMPANG JAJAR, SPT

LATAR BELAKANG

Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan merupakan projek perumahan yang dilaksanakan bagi tujuan membantu golongan yang berpendapatan rendah pada kadar antara RM750.00 hingga RM1,500.00 sebulan.


Pangsa PPR Ampangan dibina di atas tanah milik MBSP iaitu di atas sebahagian Lot 10124 dan 10127, Bandar Prai, Seberang Perai Tengah. Ia mula beroperasi dan dibuka untuk sewaan pada 1 Jun 2006. Ia mempunyai 10 tingkat yang terdiri daripada 250 unit kediaman, 2 buah kiosk perniagaan, sebuah bilik pengurusan, sebuah dewan orang ramai dan sebuah surau.

Gambar 1.26 : Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar, Seberang Perai Tengah



Carta 1.2 : Statistik bilangan dan peratusan penyewa Pangsa PPR Ampangan mengikut etnik bagi tahun 2022.


Bilangan Dan Peratusan Penyewa Rumah PPR Mengikut Etnik



PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN

MBSP telah melantik Tetuan Mutiara Properties sebagai ejen pengurusan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara bangunan PPR ini. Skop bagi kerja-kerja tersebut adalah menguruskan pentadbiran bangunan, menguruskan kutipan sewa, penyelenggaraan lif, pembaikan / handyman, penyelenggaraan elektrik / chargeman, kawalan serangga, kawalan keselamatan, pencegah kebakaran dan pembaikan kerosakan kecil. Manakala, bagi kerja-kerja pembersihan dan lanskap adalah dilaksanakan oleh Persatuan Penduduk PPR Ampangan. Perincian kontrak bagi kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR ini adalah seperti rajah di bawah :-

Rajah 1.1 : Perincian Kontrak Pengurusan dan Penyelenggaraan Pangsa PPR Ampangan



KERJA PEMBERSIHAN DAN LANSKAP

Kerja pembersihan merupakan sebahagian daripada kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh Persatuan Penduduk PPR Ampangan.

Jadual 1.4 : Jadual kerja-kerja pembersihan Pangsa PPR Ampangan
yang diuruskan oleh Persatuan Penduduk PPR Ampangan


KEKERAPAN AKTIVITI	HARIAN						MINGGUAN						BULANAN
	KAWASAN TINGKAT BAWAH	TEMPAT LETAK KERETA	TANGGA & KORIDOR (SETIAP TINGKAT)	AIRWELL	LIF	PUSAT PUNGUTAN SAMPAH	BILIK SUIS UTAMA	BILIK PAM	BILIK GEN SET	SILING TINGKAT BAWAH & TINGKAT 9	DEWAN	KORIDOR (SETIAP TINGKAT)	
SAPU	Lantai	Lantai	Lantai	-	Lantai	Lantai	Lantai	Lantai	Lantai	-	Lantai	-	
CUCI	Longkang	Longkang	-	Lantai	Siling	Tong (Air + Bahan Kimia)	-	-	-	-	Siling	Siling	Siling
LAP	Peti Surat	-	Railings	-	-	-	Peralatan (Dengan Pengawasan Penyelia)	Peralatan (Dengan Pengawasan Penyelia)	Peralatan (Dengan Pengawasan Penyelia)	-	-	-	
MASA	8 - 9 Pg & 4 - 5 Ptg Flexi)	9 - 9.30 Pg	10.30 Pg - 1 Ptg	2 - 3.30 Pg	3.30 - 4 Pg	Iasnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Minggu Pertama	

Jadual 1.5 : Jadual penyelenggaraan lanskap di Pangsa PPR Ampangan

AKTIVITI	KEKERAPAN	HARIAN	MINGGUAN (2 MINGGU SEKALI)	BULANAN
		Sapu	Memangkas Pokok (Trimming)	Membaja
POKOK-POKOK DAN KAWASAN PADANG		Siram	Potong Rumput	Menyembur Racun Serangga
MASA	8 - 10 Pagi	Rabu	Minggu Pertama	

Penyelenggaraan landskap dijalankan berpandukan jadual yang telah ditetapkan oleh MBSP. Antara kerja penyelenggaraan landskap yang dijalankan adalah seperti berikut :-

- a. Menyiram pokok dan rumput padang;
- b. Membuang tumbuhan mimoso, cendawan dan kulat; dan
- c. Meyembur racun serangga dan racun kulat.



Gambar 1.27 hingga 1.32 : Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan Pangsa PPR Ampangan

PENUTUP



PENUTUP



Jabatan Penilaian dan pengurusan Harta memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan MBSP. Jabatan ini sentiasa komited untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan ke arah mencapai visi dan misi MBSP berlandaskan hasrat Kerajaan Negeri merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan pintar.




KEMASYARAKATAN



CARTA ORGANISASI

JABATAN KEMASYARAKATAN






PENGENALAN

Jabatan Kemasyarakatan mempunyai kekuatan kakitangan seramai 77 orang yang diketuai oleh Pengarah Kemasyarakatan dan dibantu oleh 4 unit yang seperti di bawah:

- Unit Pentadbiran
- Unit Eko Komuniti
- Unit Sukan & Sosial
- Unit Media & Protokol



FUNGSI JABATAN

- Menyelia dan menyelenggara kompleks sukan dan dewan di bawah pentadbiran MBSP termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan.
- Merancang dan melaksana program sukan di peringkat MBSP.
- Mengembangkan minat sukan dalam kalangan kakitangan MBSP dan masyarakat.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan lain-lain pertubuhan dalam penganjuran aktiviti sukan dan sosial.
- Meningkatkan imej MBSP melalui pencapaian dalam bidang sukan dan sosial.
- Menguruskan lawatan ke dalam MBSP, permohonan cenderamata dan penggunaan bilik mesyuarat.
- Menerbitkan Laporan Tahunan, Buletin dan Risalah-Risalah berkaitan dengan Majlis.
- Menjadi Sekretariat LA21.
- Mengendalikan Majlis-Majlis Rasmi MBSP.
- Menyelaraskan keratan akhbar dan semua hal berkaitan dengan akhbar.
- Menyalurkan maklumat rasmi kepada penduduk Seberang Perai dan menjadi penghubung dalam media sosial Rasmi MBSP.
- Menguruskan program-program MBSP secara maya termasuklah proses penyediaan maklumat secara maya, designing, presentation, gimik program, printing dan lain-lain berkaitan media.
- Merancang, menyelaras, melaksana dan mengendalikan acara-acara Rasmi MBSP



LAWATAN DAN KUNJUNGAN

Sepanjang tahun 2022, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menerima lawatan dan kunjungan hormat daripada **28** delegasi dan pelawat.

BIL	TARIKH	AGENSI	KETUA DELEGASI	BIL. PESERTA
1.	11/01/2022	LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR	YB. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL	20 ORANG
2.	20/01/2022	MAJLIS BANDARAYA IPOH	EN. AZAHARI	8 ORANG
3.	21/01/2022	MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR	PUAN JUNAIIDAH	7 ORANG
4.	11/02/2022	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR	PUAN KHAIRIATUL NABILA	8 ORANG
5.	14/02/2022	MAJLIS PERBANDARAN KANGAR PERLIS	TUAN SETIAUSAHA MP KANGAR	12 ORANG
6.	22/02/2022	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG	PUAN NORMADIAH	5 ORANG
7.	31/03/2022	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	TUAN MUHAMMAD FAIZ	25 ORANG
8.	14/04/2022	AUSTRIAN ESSEMBY	MR. REINHART	2 ORANG
9.	21/04/2022	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG	EN. RAFAT	8 ORANG
10.	02/06/2022	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	PUAN ZUHAILAH	18 ORANG
11.	23/06/2022	MAJLIS DAERAH SERIAN	SETIAUSAHA SERIAN	40 ORANG
12.	29/07/2022	MAJLIS BANDARAYA HANG TUAH JAYA	DATUK BANDAR	15 ORANG
13.	01/08/2022	MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN	DATUK BANDAR	24 ORANG
14.	04/08/2022	PERBADANAN PUTRAJAYA	EN. AZHARRUDDIN	6 ORANG
15.	05/08/2022	PERBADANAN PUTRAJAYA	EN. AZHARRUDDIN	6 ORANG
16.	09/08/2022	MAJLIS DAERAH CAMERON	TUAN SULAIMAN	20 ORANG
17.	10/08/2022	MAJLIS PERBANDARAN MUAR	PENGARAH BANGUNAN	26 ORANG
18.	01/09/2022	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	PUAN MAHFUZAH	5 ORANG
19.	12/10/2022	MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI	DATO' HAJI SYED KHAIROL ANUAR	19 ORANG
20.	13/10/2022	PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL	TUAN AZMIN	10 ORANG
21.	16/10/2022	MAJLIS DAERAH SEMPONA	TUAN JURAIMIN	27 ORANG
22.	01/11/2022	MAJLIS BANDARAYA IPOH	PENOLONG PENGARAH	25 ORANG
23.	9/11/2022 10/11/2022	MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA	PENGARAH PENILAIAN	18 ORANG
24.	29/11/2022	MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	TUAN SU MPBT	35 ORANG
25.	01/12/2022	MAJLIS PERBNADARAN MUAR	PENGARAH BANGUNAN	30 ORANG
26.	20/12/2022	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK	PROF. INTAN	52 ORANG
27.	21/12/2022	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN BERTAM	PROF. SAIFUL	41 ORANG
28.	30/12/2022	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN BERTAM	PROF. KHAIRUL	29 ORANG



KERATAN AKHBAR

Jabatan ini ditugaskan untuk membuat keratan akhbar mengenai isu-isu MBSP dan yang berkaitan untuk tindakan MBSP serta untuk Sistem Keratan Akhbar.

Statistik Keratan Akhbar Yang Telah Dibuat Sepanjang Tahun 2022

BIL	AKHBAR/BULAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1.	BERITAN HARIAN	4	3	2	0	2	1	2	0	0	0	1	0	15
2.	HARIAN METRO	8	4	4	3	2	3	3	6	7	1	3	2	46
3.	SINAR HARIAN	9	9	2	3	4	2	1	0	2	2	1	1	36
4	THE STAR	16	9	7	3	6	4	6	3	5	4	4	1	68
5.	NST	5	5	2	4	1	1	1	1	0	1	1	0	22
6.	THE SUN	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
7.	ORIENTAL DAILY	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
8.	CHINA PRES	1	3	0	1	1	2	3	1	2	1	2	2	19
9.	GUANG MENG	1	1	1	0	0	1	2	1	1	0	1	3	12
10.	NAN YANG	0	0	0	1	1	1	1	1	1	0	1	1	8
11.	KWANG WAH	2	1	1	1	1	2	1	0	0	1	0	1	11
12.	SIN CHEW DAILY	2	2	1	1	1	0	1	1	1	0	1	1	12
13.	TAMIL MALAR	1	-	-	-	-	-	1	3	-	-	-	1	6
14.	MAKKAL OSAI	5	-	1	1	-	-	-	1	1	-	-	-	9
15.	MALAYSIA NANBAM	1	-	1	-	-	1	-	2	-	-	-	-	5





PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN KOMPLEKS-KOMPLEKS SUKAN MBSP

Majlis mempunyai 2 buah kompleks sukan dan 1 buah dewan besar seperti di bawah:


- Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas.
- Kompleks Sukan & Rekreasi MBSP Jalan Betek, Bukit Mertajam.
- Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth.

Kompleks Dan Dewan Yang Disediakan Oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)



Penggunaan Kemudahan Sukan MBSP Bagi Tahun 2022

KEMUDAHAN	BILANGAN PENGUNAAN	PENDAPATAN (RM)
Kompleks Sukan MBSP Bertam	4,304	99,995.00
Kompleks Sukan & Rekreasi Jalan Betek	4,304	99,995.00
Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi	4,304	99,995.00



Graf menunjukkan Penggunaan Kemudahan Sukan MBSP bagi tahun 2022




PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN DEWAN ORANG RAMAI MBSP

Majlis juga mempunyai dewan-dewan orang ramai yang diserahkan oleh pemaju-pemaju perumahan. Dewan-dewan ini akan diberi hak pengurusan selama **setahun** kepada Persatuan atau Pertubuhan dengan mengenakan bayaran gantian cukai tanah dan cagaran sebanyak RM100.00.

Statistik Dewan Orang Ramai Bagi Tahun 2022

BIL	STATUS/KAWASAN	SPU	SPT	SPS
1.	Diuruskan oleh Persatuan / Pertubuhan	64	106	68
2.	Kekosongan	18	24	17
	Jumlah	82	130	85
Jumlah Keseluruhan				297



Graf menunjukkan Bilangan Dewan Orang Ramai MBSP bagi Tahun 2022



LAPORAN PROGRAM LA21



UNIT EKO KOMUNITI

Pada tahun 2022, Unit Eko Komuniti telah menjalankan sebanyak 196 aktiviti yang bertujuan untuk mempertingkatkan program kitar semula dan menggalakkan pengurangan sampah. Promosi 8R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse, Repair, Regift, Refuse, Recover* dan *Recycle* giat dijalankan. Setiap lapisan masyarakat, bermula dengan diri sendiri dididik untuk mewujudkan masyarakat yang kurang mengeluarkan sisa, atau menjana sisa (sisa sifar - *rethink*) dengan menjalankan program kitar semula bagi sisa yang dijana dan membudayakan kitar semula dalam kehidupan seharian. Program-program yang dijalankan memfokuskan mengenai kepentingan sisa diasingkan kepada 3 kategori iaitu sisa kitar semula, sisa baki dan sisa organik.

Secara mudah, konsep ini mengajar supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Dengan mengamalkan kitar semula ini, ia bukan sahaja dapat menjaga alam sekitar dan menjimatkan kos pengurusan sampah malah dapat menekan pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada ketidakcekapan pengurusan sumber alam.





KITAR SEMULA

Statistik Kitar Semula Tahun 2022

Bulan	Berat Sampah (Tan)	Berat Kitar Semula (Tan)	Jumlah Berat Sampah + Berat Kitar	Peratus Kitar Semula
1	43,232.190	26,157.058	69,389.248	37.696%
2	37,334.840	22,209.554	59,544.394	37.299%
3	43,412.390	25,771.812	69,184.202	37.251%
4	42,575.810	25,120.621	67,696.431	37.108%
5	40,562.890	24,076.004	64,638.894	37.247%
6	43,873.930	22,008.549	65,882.479	33.406%
7	42,775.130	19,444.408	62,219.538	31.251%
8	45,396.700	19,632.072	65,028.772	30.190%
9	46,782.470	14,158.179	60,940.649	23.233%
10	47,058.310	16,580.369	63,638.679	26.054%
11	41,788.090	18,899.058	60,687.148	31.142%
12	43,232.190	453,712.727	497,335.977	91.229%
Jumlah	43,623.250	687,770.411	1,206,186.411	57.020%

Kadar Kitar Semula 2013-2022

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Sisa (Tons)	729,718	756,198	798,364	902,631	1,143,995	1,356,941	1,248,627	1,206,186
Kitar Semula (Tons)	289,258 (39.64%)	322,189 (42.60%)	345,329 (43.25%)	425,640 (47.15%)	590,773 (51.64%)	758,707 (55.91%)	709,785 (56.85%)	687,770 (57.02%)



PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI (PLOGGING)

Program ini dijalankan adalah untuk melahirkan masyarakat yang peka terhadap isu-isu alam sekitar terutamanya mengenai kebersihan laut dan pantai. Selain itu, program ini juga dapat mewujudkan persekitaran pantai yang bersih, ceria dan selamat untuk dikunjungi. Masyarakat juga dapat diperlihatkan kesan negatif penggunaan plastik terhadap ekosistem marin dan kebersihan persisiran pantai seiring dengan dasar *No Single Use Plastik Negeri Pulau Pinang*. Program ini juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran mengenai perubahan iklim global yang melanda dunia pada masa kini yang disebabkan oleh aktiviti manusia.



AKTIVITI PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Tujuan utama program ini ialah untuk mendidik masyarakat bagi menghargai hutan bakau semulajadi. Program ini juga dibuat sejajar dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang akan disambut pada 5 Jun setiap tahun.

Program penanaman pokok bakau diurus bersama Ahli Majlis Encik Tan Choo Eng, Pengerusi Pasukan Kerja LA21 Biodiversiti. Paya bakau merupakan hutan semulajadi di kawasan pasang surut air sungai dan laut. Mempunyai tanah berlumpur serta bersifat malar hijau sepanjang tahun, paya bakau merupakan antara ekosistem yang penting bagi kawasan pinggir sungai dan pantai. Ia menjadi habitat dan ekologi hidupan marin dan haiwan lain. Selain itu hutan paya bakau juga berperanan dalam mencegah hakisan tanah dan menjadi penampungan angin kencang dan tsunami.

Pihak Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk memberi tajaan sebanyak RM12,000.00, kepada Persatuan Nelayan Unit Sungai Tembus sebagai pembekal anak pokok bakau dan juga selaku pihak bertanggungjawab bagi tunjuk ajar proses penanaman anak pokok bakau ini.

Terdapat sebuah sangkar kitar semula yang disumbangkan oleh KS&AL *Recycle Trading* di kawasan Jeti Nelayan Sungai Tembus kepada Persatuan Nelayan Unit Sungai Tembus untuk menjalankan aktiviti mengumpul botol plastik dan pukat ikan yang tidak lagi digunakan untuk dikitar semula.

Susulan itu, dua (2) program telah diadakan iaitu pengumpulan pukat untuk dikitar semula bersama nelayan di Jeti Nelayan Sungai Tembus pada 16 April 2022 dan Kempen Mengumpul Botol Plastik di Hutan Bakau Pasir Gebu, Penaga pada 23 Mei 2022.





ANUGERAH KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN POSTER HOW TO KEEP MALAYSIA GREEN WITH R-BOY ANJURAN FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD (FNHB) DAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) BAGI TAHUN 2022

Anugerah ini mula diadakan sejak tahun 2017 apabila pihak Fraser & Neave Holdings BHD (FNHB) menawarkan untuk menjalankan program ini bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai. Namun begitu pada tahun 2020 dan 2021 program ini ditangguhkan kerana Covid 19 yang melanda dan menghadkan pergerakan dan aktiviti yang dijalankan bersama pihak sekolah.

Tujuan pertandingan ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan para pelajar sekolah, pra sekolah dan tadika tentang kepentingan mengitar semula. Selain itu ia juga bertujuan menyemai perubahan tingkah laku yang positif secara berterusan kepada para pelajar khususnya mengenai kitar semula. Pemenang akan dinilai berdasarkan jumlah beratan perkaita iaitu jumlah kutipan barang kitar semula (aluminium + plastik + kertas+ kotak minuman + E-waste) dibahagikan dengan jumlah pelajar sekolah.

Kadar pencapaian hasil dari program Pertandingan Kitar Semula Sekolah Anjuran Fraser & Neave BHD dapat dirumuskan seperti berikut:

TAHUN	Penyertaan			Beratan Barang Kitar Semula Terkumpul (Kg)
	Sekolah Menengah	Sekolah Rendah	Tadika/Pra	
2017	24	41	-	54,090.75
2018	29	41	2	114,567.36
2019	30	44	9	141,559.75
2020		TIADA PENGANJURAN (COVID-19)		
2021		TIADA PENGANJURAN (COVID-19)		
2022	17	23	7	95,995.93





SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH ANJURAN FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD DAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BAGI TAHUN 2022

HADIAH UTAMA DAN SAGUHATI (BERATAN PERKAPITA KG) FNHB 2022

TEMPAT	SEKOLAH	HADIAH
1	SJKC CHIN HWA	RM1,400
2	SJKC SIN CHUNG	RM1,300
3	SJKC KUANG YU	RM1,200
4	SJKC NUNG MIN	RM1,100
5	SJKC LEE CHEE	RM1,000
SAGUHATI	SJKC JIT SIN B	RM 300
SAGUHATI	SJKC KG JAWI	RM 300
SAGUHATI	SJKC YOK ENG	RM 300
SAGUHATI	SK SUNGAI PUYU	RM 300
SAGUHATI	SJKC SENG KEOW	RM 300
1	SMK TUN SYED SHEH BARAKBAH	RM1,400
2	SMK PERAI	RM1,300
3	SMK KEPALA BATAS	RM1,200
4	SMK TELOK AIR TAWAR	RM1,100
5	SMK GUAR PERAHU	RM1,000
SAGUHATI	SMK DATO HJ HASSAN NOH	RM 300
SAGUHATI	SABK AL MADRASAH AL KHAIRIAH AL ISLAMIAH	RM 300
SAGUHATI	SMK CONVENT BUTTERWORTH	RM 300
SAGUHATI	KOLEJ TINGKATAN ENAM DESA MURNI	RM 300
SAGUHATI	SMK BAKTI	RM 300

HADIAH KUTIPAN ALUMINIUM TERTINGGI FNHB 2022

NO	SEKOLAH	HADIAH
1	SJKC SIN CHUNG	RM 700
2	SMK PERAI	RM 700

HADIAH KUTIPAN PLASTIK TERTINGGI FNHB 2022

NO	SEKOLAH	HADIAH
1	SJKC SIN CHUNG	RM 700
2	SMK PERAI	RM 700

HADIAH KUTIPAN KOTAK MINUMAN TERTINGGI FNHB 2022

NO	SEKOLAH	HADIAH
1	SJKC CHIN HWA	RM 700
2	SMK SAUJANA INDAH	RM 700

SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN POSTER HOW TO KEEP MALAYSIA GREEN WITH R-BOY

KATEGORI	TEMPAT	NAMA SEKOLAH	PIC	Team Members
Sekolah Rendah	1st RM800	SMK Convent Butterworth	Puan Anitra	1. Haslin Kaur 2. Hannah 3. Euginia 4. Clara 5. Guruvarsha
	2nd RM500	SK Pokok Sena (PBA2035)	Siti Sarah Binti Mad Isa	1. Muhammad Hafiy Bin Shahmanazrey 2. Muhammad Khalif Bin Shahmanazrey 3. Muhammad Arfan Zafran Bin Mas Yusuf 4. Muhammad Irfan Bin Mohd Radzi 5. Syed Abdul Aziz Bin Syed Shaaban
Sekolah Menengah	3rd RM300	SJKC Mak Mandin	Puan Ng Guek Im	1. Gnang Jia Yee 2. Lay Yen Fung 3. Adrian Tan Yee Hang 4. Winnie Ng 5. Yeow Egune
	1st RM800 & JOHAN KEBANGSAAN	SMK Convent Butterworth	Puan Nalini Devi a/p Dorasamy	1. Nagarani a/p Ravi 2. Nagadevi a/p Ravi 3. Nur Afiqah Bt Mohd Ismail 4. Goey Goh Xue Ning 5. Nurin Alya Bt. Alhamdulilah
	2nd RM500	SMK Convent Butterworth	Rajula Bibi Binti Abdullah	1. H'ng Khuan ting 2. Teoh Yik Yi 3. Neoh Wei En 4. Cha Xin En 5. Lim Chun Phin
	3rd RM300	SMK Convent Butterworth	Puan Nalini Devi a/p Dorasamy	1. U. Saranyah 2. Dheeyajit Kaur 3. Adrin Karmila 4. Loo Yi Han 5. Dhevyaa Shree



ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2022

Program ini diadakan setiap tahun bermula pada tahun 2010 hingga 2019. Pada tahun 2020 dan 2021, program ini ditangguhkan kerana Covid-19. Tahun 2022 program diteruskan dan pihak Syarikat Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd, Perai bersetuju untuk menjadi penaja bersama bagi tahun 2022.

Jumlah penyertaan sekolah bagi Program Anugerah Sekolah Hijau ini bagi sepanjang 10 tahun ia dijalankan dapat dirumuskan dalam jadual seperti di bawah:

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2022
SEKOLAH RENDAH	14	19	33	59	72	99	104	106	116	118	44
SEKOLAH MENENGAH	16	17	20	27	34	42	45	46	47	48	26
JUMLAH	30	36	53	86	106	141	149	152	162	166	70

Pemenang Bagi Kategori Sekolah Rendah

Kategori	SEKOLAH
Emas (Johan)	SJKC Mak Mandin
Emas (Naib Johan)	SJKC Yok Eng
Emas (Ketiga)	SK Mak Mandin
Emas (Keempat)	SK Seri Gemilang
Emas (Kelima)	SK Convent, Butterworth
Perak	SK Taman Impian
Perak	SJKC Kim Sen
Perak	SJKC Keng Koon
Perak	SK Taman Senangan
Perak	SK Pokok Sena

Kategori	SEKOLAH
Perak	SJKC Kwang Hwa
Perak	SJKC Sin Chung
Perak	SJKC Kampong Jawi
Perak	SJKC Boon Beng
Gangsa	Sjkt Perai
Gangsa	SK Seri Sentosa
Gangsa	SJKC Aik Keow, Telok Air Tawar
Gangsa	SK Jawi
Gangsa	SK Sungai Puyu
Gangsa	SJKC Chong Kuang
Gangsa	SJKC Chin Hwa
Gangsa	SJKC Lee Chee
Gangsa	SJKC Kuang Yu
Khas	SJKC Sin Chung
Khas	SK Seri Gemilang
Khas	SJKC Mak Mandin
Khas	SK Taman Impian

Pemenang Bagi Kategori Sekolah Rendah

Kategori	SEKOLAH
Emas (Johan)	SMK Convent Butterworth
Emas (Naib Johan)	SMK Berapit
Emas (Ketiga)	SMK Bakti
Perak	SMK Guar Perahu
Perak	SMK Perai
Perak	SMK Mak Mandin
Perak	SMK Dato'haji Hassan Noh
Perak	SMK Datuk Onn
Perak	SMK Telok Air Tawar
Gangsa	SMK Kampong Kastam
Gangsa	SMKA Syeikh Abdullah Fahim
Gangsa	SMK Permai Indah
Gangsa	SMK Permatang Rawa
Gangsa	SMK Pokok Sena
Gangsa	Smjk Chung Ling, Butterworth

Kategori	SEKOLAH
Khas	SMK Bakti
Khas	SMK Berapit, Bm
Khas	SMK Convent, Butterworth
Khas	SMK Guar Perahu





LATIHAN KUALITI AIR

Program ini merupakan jalinan kerjasama antara Majlis Bandaraya Seberang Perai dan dengan Water Watch Penang dalam menjalankan aktiviti pendidikan kualiti air kepada pelajar sekolah menengah di Seberang Perai. Program ini dibuat secara fizikal di Taman Rimba Cherok To' Kun atau taklimat bersemuka. Sebanyak 10 sekolah yang berminat telah menyertai program ini.

Objektif latihan kualiti air ini ialah untuk menambah pengetahuan dan meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kepentingan kebersihan sumber air. Latihan Kualiti Air yang akan dibuat merangkumi tiga aspek utama seperti berikut:

- a. Parameter kimia air sungai (Kekeruhan air sungai, suhu, bacaan ph dan kandungan oksigen terlarut)
- b. Parameter Fizikal (Kadar aliran air sungai, kejernihan, warna, bau, sedimen dan alga (jumlah dan warna).
- c. Parameter Biologi (Jumlah kewujudan microinvertebrata di dalam sungai)





BENGKEL KEBUN BANDAR

Pelaksanaan aktiviti Kebun Komuniti Bandar (*Urban Community Farming*) di Seberang Perai adalah bertujuan bagi menyokong pembangunan ekonomi tempatan dalam memupuk integrasi sosial di kalangan masyarakat.

Bengkel ini dibuat kepada komuniti atau sekolah yang berminat. Pusat Pendidikan Hijau Depo Padang Cempedak menjadi lokasi untuk menjalankan bengkel ini. Peserta bengkel akan didedahkan dengan kaedah penyediaan medium tanaman, kaedah penanaman dan juga kaedah penjagaan tanaman.



SENARAI AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH UNIT EKO KOMUNITI, LOCAL ACTION 21 DAPAT DILIHAT DI PAUTAN : <https://www.mbsp.gov.my/la21/index.php/senarai-aktiviti/12-activity/47-program-2022>





PELESENAN



CARTA ORGANISASI


JABATAN PELESENAN





STRUKTUR JABATAN

- Terbahagi kepada **2** bahagian utama
 - i. Bahagian Pentadbiran
 - Hal ehwal Pentadbiran Jabatan
 - Pengurusan Banner
 - ii. Bahagian Pelesenan, Pengurusan Pasar & Kompleks Makanan, Penguatkuasaan Penjaja Dan Pengurusan Kompleks Tidak Aktif
 - Parlimen Kepala Batas, Tasek Gelugor, Bagan dan Permatang Pauh
 - Parlimen Bukit Mertajam, Batu Kawan dan Nibong Tebal
 - Unit Pengurusan Gerai
 - Unit RnD



FUNGSI JABATAN

- Menerima, memeriksa, memproses dan mengawal pengeluaran semua lesen perniagaan dan permit di Seberang Perai.
- Menguatkuasakan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan bagi memastikan semua aktiviti perniagaan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- Menyiasat dan mengambil tindakan terhadap semua aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan tanpa lesen dan semua aduan yang diterima serta mengemukakan laporan.
- Menjalankan kerja-kerja mengumpul maklumat dan statistik berkaitan aktiviti perniagaan dan penjajaan untuk tujuan rekod.
- Mengurus dan mengawal semua ruang niaga Majlis serta mengendalikan temuduga terbuka untuk pengisian kekosongan ruang niaga Majlis.
- Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja haram.
- Menjalankan pembersihan dan pengurusan pasar awam dan kompleks makanan MBSP.



OBJEKTIF JABATAN PELESENAN

Memastikan semua kegiatan perniagaan dan iklan dilesenkan, untuk tujuan pengawalan dan pematuhan syarat perniagaan mengikut kategori masing-masing (am, industri, hiburan dan penjaja) serta pengurusan Pasar Awam dan Kompleks Makanan yang bersih, selesa dan teratur.

STATISTIK PENGELUARAN LESEN BAGI TAHUN 2022

Jenis Lesen	Permohonan	Lulus	Batal dan Tolak
Lesen Am	6513	6142	317
Lesen Industri	700	654	46
Lesen Penjaja	746	556	190
Lesen Veterinar	36	32	4
Lesen Penganjur Pasar	7	4	3

- Ruang niaga Majlis ditawarkan untuk sewaan kepada penjaja-penjaja di seluruh Seberang Perai melalui **temuduga terbuka** yang diadakan **2 kali pada setiap bulan** di MBSP
- Temuduga terbuka yang diadakan akan dianggotai oleh panel Ahli Majlis MBSP dan diurussetiakan oleh Jabatan Pelesenan

STATISTIK PENGISIAN RUANG NIAGA PASAR TAHUN 2022

BULAN	SPU		SPT		SPS	
	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL
JANUARI	5	-	7	1	-	-
FEBRUARI	8	6	7	-	-	-
MAC	3	-	7	3	7	1
APRIL	-	-	17	5	1	-
MEI	6	-	-	-	4	-
JUN	7	9	6	-	-	-
JULAI	4	2	15	13	9	-
OGOS	7	-	19	2	-	-
SEPTEMBER	5	-	7	-	11	-
OKTOBER	4	1	7	3	2	4
NOVEMBER	9	6	-	-	3	3
DISEMBER	-	-	3	-	2	1
JUMLAH	58	24	95	27	39	9

STATISTIK PENGISIAN RUANG NIAGA KOMPLEKS TAHUN 2022

BULAN	SPU		SPT		SPS	
	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL
JANUARI	21	2	3	-	26	43
FEBRUARI	6	15	2	-	-	-
MAC	4	5	5	5	-	-
APRIL	2	-	2	-	-	-
MEI	2	1	7	4	2	1
JUN	4	3	1	2	4	-
JULAI	9	4	18	15	-	-
OGOS	14	19	-	-	3	-
SEPTEMBER	22	6	8	3	5	1
OKTOBER	4	4	10	5	-	-
NOVEMBER	3	11	4	2	20	11
DISEMBER	3	6	4	18	-	-
JUMLAH	94	76	64	54	60	56

JUMLAH RUANG NIAGA MAJLIS YANG AKTIF SEHINGGA TAHUN 2022

JENIS	JUMLAH PASAR / KOMPLEKS				JUMLAH RUANG NIAGA			
	SPU	SPT	SPS	JUMLAH	SPU	SPT	SPS	JUMLAH
PASAR AWAM	9	14	7	30	955	1,741	676	3,372
KOMPLEKS	18	23	4	45	221	407	61	689
KIOSK	9	6	1	16	7	6	1	14

KUTIPAN HASIL JABATAN PELESENAN BAGI TAHUN 2019, 2020, 2021 dan 2022

KETERANGAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)			
	2019	2020	2021	2022
Lesen Industri	1,710,415.25	1,661,804.10	1,611,330.21	1,474,298.40
Lesen Perniagaan	8,988,929.75	9,689,777.15	8,705,802.45	10,568,996.78
Lesen Hiburan	46,234.95	33,428.90	29,904.00	12,550.00
Lesen Penjaja	214,786.20	339,163.10	328,674.30	282,693.80
Lesen Penganjuran Pasar Malam	6,100.80	21,525.30	18,157.85	316.93
Program Mesra Pelanggan September 2018	14,034.05	0	0	0
Lesen Perkhidmatan Pemungutan Sampah Boleh Dikitar Semula	2,659.00	1,200.00	3,430.00	2,201.67
Permit Pasar Awam Sri Rambai (Guna Kupon)	104,721.00	64,820.00	237.00	0
Permit Iklan (Pelesenan)	1,590,393.00	818,864.00	524,800.00	707,451.40
Permit Perniagaan Sementara	65,280.00	9,015.00	52,205.00	109,587.70

KETERANGAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)			
	2019	2020	2021	2022
Permit Pelesenan (Kanopi)	115,250.00	50,610.00	47,095.00	50,697.00
Permit Meja Tambahan	102,070.00	55,720.00	28,020.00	78,920.00
Sewaan Pasar Awam/Kompleks	5,941,134.20	4,889,067.40	4,144,206.40	5,404,496.58
Kompaun Jabatan Pelesenan	538,390.00	304,699.00	310,473.00	370,676.00
Denda Permit Memasang Banner/Sepanduk/ Kain Rentang	23,580.00	27,400.00	4,980.00	7,120.00
JUMLAH	19,463,978.20	17,967,093.95	15,809,315.21	19,070,006.26

KUTIPAN HASIL JABATAN PELESENAN BAGI TAHUN 2019, 2020, 2021 dan 2022


LESEN DAN PERMIT					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2021- 31/12/2021	01/01/2022- 31/12/2022	% Beza 2022
1.	H711001	Perindustrian	1,611,330.21	1,474,298.40	-9.29
2.	H712001	Perniagaan	8,705,802.45	10,568,996.78	17.63
3.	H713001	Hiburan	29,904.00	12,550.00	-0.16
4.	H171603	Lesen Penjaja (71600,71610,71614,71615 & 71616)	328,674.30	282,693.80	-16.27
5.	H0171703	Pasar Malam	18,157.85	316.93	-5,629.29
6.	H0171703	Lesen Perkhidmatan Pemungutan Sampah Boleh Dikitar Semula	2,201.67	3,430.00	35.81
7.	H0171713	Lesen Penjaja (71600,71610,71614,71615 & 71616)	524,800.00	707,451.00	25.82
8.	H0171714	Lesen Penjaja (71600,71610,71614,71615 & 71616)	52,205.00	109,587.70	7.10
9.	H0171715	Lesen Penjaja (71600,71610,71614,71615 & 71616)	47,095.00	50,697.00	71.05
10.	H0171717	Lesen Penjaja (71600,71610,71614,71615 & 71616)	28,020.00	78,920.00	64.50
JUMLAH					

SEWAAN					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2021- 31/12/2021	01/01/2022- 31/12/2022	% Beza 2022
1.	H0274401	Sewaan Gerai Kompleks/Kiosk	1,257,576.00	1,769,747.58	28.94
2.	H0274403	Sewaan Gerai Pasar Awam	2,886,630.40	3,634,749.00	20.58
3.	H0274405	Kompleks Penjaja Tidak Aktif (Terbengkalai)	338,540.00	420,693.20	19.53
JUMLAH					

DENDA DAN HUKUMAN					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2021- 31/12/2021	01/01/2022- 31/12/2022	% Beza 2022
1.	H0176403	Kompaun Jabatan Pelesenan	310,473.00	370,676.00	16.24
2.	H0176602	Denda Permit Memasang Banner/Kain Rentang Untuk Cagaran (Pelesenan)	4,980.00	7,120.00	30.06
JUMLAH					




PERKHIDMATAN PERBANDARAN



CARTA ORGANISASI

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN






PROFAIL

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran terdiri daripada 2007 orang kakitangan meliputi lima (5) bahagian iaitu :

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Operasi
3. Bahagian Pembangunan
4. Bahagian Perancangan Strategik dan Inovasi
5. Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan



FUNGSI JABATAN

- Merancang tindakan untuk kebersihan dan pengindahan Seberang Perai.
- Mengawal selia prestasi kontraktor pembersihan dan mengambil tindakan sekiranya mereka gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- Memperkasakan usaha aktiviti kitar semula untuk mengurangkan sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan.
- Memantau Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dan Stesen Pemindahan Ampang Jajar.
- Menguatkuasa undang-undang kecil majlis dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengan fungsi jabatan.
- Mengumpul dan menyimpan data dan maklumat berkaitan pengindahan dan pembersihan.
- Mengurus hal-hal berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, khususnya kepada warga kerja MBSP dan pihak kontraktor majlis yang menjalankan kerja-kerja diarahkan.
- Menguruskan mesyuarat yang berkaitan jabatan



FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Memastikan semua dasar dan arahan Ketua Jabatan serta Majlis dilaksana dengan jaya dan berkesan.
- Mengurus hal-hal berkaitan surat menyurat jabatan.
- Mengurus hal berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan jabatan.
- Menyelaras hal berkaitan tata tertib dan disiplin kakitangan jabatan.
- Menyelaras mesyuarat, kursus dan latihan untuk kakitangan jabatan.
- Mengurus perolehan dan bekalan barang dan peralatan guna sama untuk semua unit dalam jabatan.
- Mengurus aset dan stok di Jabatan
- Menyelaras maklumbalas aduan dan mesyuarat.
- Menyelaras penyewaan tong sampah serta perkhidmatan sewaan berkaitan.



FUNGSI BAHAGIAN OPERASI

- Mengawal selia pengurusan 8 Depoh Pembersihan di seluruh Seberang Perai iaitu :
 - ✓ Depoh Pembersihan Bertam
 - ✓ Depoh Pembersihan Padang Cempedak
 - ✓ Depoh Pembersihan Bagan Lalang
 - ✓ Depoh Pembersihan Ampang Jajar
 - ✓ Depoh Pembersihan Bukit Mertajam
 - ✓ Depoh Pembersihan Inderawasih
 - ✓ Depoh Pembersihan Asas Murni
 - ✓ Depoh Pembersihan Jawi
- Memastikan dua (2) teras perkhidmatan utama dijalankan dengan sempurna iaitu Perkhidmatan Pemungutan Sampah (PPS) dan Kerja Pembersihan Am (KPA)
- Mengawal selia perkhidmatan kontrak pembersihan am jalan



FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- Memantau Pembangunan dan Pengoperasian Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPPB) Fasa III
- Menyelaras Halatuju Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPPB) Fasa I & II
- Menyelaras Halatuju Tapak Pelupusan Ampang Jajar (TPAJ)
- Memantau Pembangunan dan Pengoperasian Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu, Ampang Jajar
- Memantau Pengoperasian Stesen Pemindahan Ampang Jajar (SPAJ)
- Menyelaras Pelaksanaan Dasar Penjana Bayar
- Menyelaras Tindakan Penguatkuasaan di peringkat Jabatan



FUNGSI BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN INOVASI

- Memberi ulasan terhadap pelan-pelan (bangunan & susun atur) yang diterima melalui sistem OSC Online.
- Memproses kelulusan plan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- Memproses permohonan Perakuan Siap dan Pematuhan bangunan.
- Memantau dan menyelaras hal-hal berkaitan kualiti jabatan termasuk piagam pelanggan, dan laporan prestasi berkaitan.
- Mengurus statistik / data jabatan.
- Menghasilkan idea inovasi yang berkesan untuk Jabatan.
- Menguruskan sistem-sistem yang digunakan di jabatan.
- Menguruskan projek Bandar Rendah Karbon.
- Mengurus pelaksanaan "Circular Economy" di Seberang Perai.
- Menguruskan pelaksanaan dan pematuhan dasar-dasar Jabatan Serta penambahbaikan pelaksanaan kerja di Jabatan

RINGKASAN BILANGAN PEKERJA DI JABATAN PERBANDARAN																
TARIKH KEMASKINI : 30.12.2022																
BIL	PERJAWATAN	GRED	PENEMPATAN												JUMLAH	
			P41	P42	P43	P44	P45	P46		P 47	P/KUASAAN	PMBGUNAN	BAH	KESELAMATAN		
			BM				INDWASIH	A.MURNI					H.Q.			
1	PENGARAH PERBANDARAN	N52													1	1
2	PENOLONG PENGARAH	U48													1	1
3	PENOLONG PENGARAH KANAN	N44													1	1
4	PENOLONG PENGARAH KANAN	U44													1	1
5	PENOLONG PENGARAH	N41													1	1
6	KETUA PEN.PEG.KES PERSEKITARAN(KANAN)	U42													1	1
7	KETUA PEN.PEG.KES PERSEKITARAN(KANAN)	U36													1	1
8	PEN.PEG.KES.&PERSEKITARAN	U32												1	2	
9	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (KANAN)	N32											1	1	2	
10	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29													1	1
11	PEN.PEG. KES &PERSEKITARAN	U29	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	3	14
12	PEN.PEG PERANCANG BANDAR & DESA	JA29													1	1
13	PEM TADBIR(KANAN)	N22													1	1
14	PEM .KES.AWAM (KANAN)	U26												1		1
15	PEM .KES.AWAM (KANAN)	U24					1	1	1							3
16	PEM KES AWAM (KUP)	U24	1	1	2					1					1	1
17	PEMBANTU TADBIR (P & O)	N19	1	1	1	1	1	1	1	1					12	20
18	PEM PENGUATKUASA /PENYELIA	KP19	4	4	2	4	7	5	2	6	9	2	1	1	47	
20	MANDOR	H16					1							1		2
21	MANDOR	H14	1	5	2	3	3	2	2	0		0			18	
22	MANDOR (1 kenaikan)	H11	12	7	14	13	25	13	10	14		2			0	110
23	PEMBANTU AWAM (TETAP)	H11	41	34	44	29	30	14	6	14		10			1	223
24	PEMBANTU AWAM (KONTRAK)		146	93	149	169	244	171	141	233		55			3	1404
25	PEMBANTU OPERASI	N11						1							2	3
26	PEMANDU (TETAP)	H11	1	8	6	2	11	4	7	8		1			1	49
27	PEMANDU (KONTRAK)		11	9	11	16	16	10	5	7		2			1	88
28	PENGHANTAR NOTIS	N14													1	1
29	PENGHANTAR NOTIS	N11						1			1				1	3
	JUMLAH		219	163	232	240	340	223	176	285	11	77	3	38	2007	

Sepanjang tahun 2022 Jabatan Perkhidmatan Perbandaran berterusan melaksanakan usaha yang telah dijayakan selama bertahun tahun. Dengan adanya jumlah kenderaan yang mencukupi, semua kerja kerja kutipan sampah dapat dilakukan dengan lancar.

JENIS LORI	DEPOH PEMBERSIHAN									JUMLAH
	P41	P42	P43	P44	P45	P46IW	P46AM	P47		
KOMPAKTOR	11	11	11	16	19	9	8	14	99	
OPEN TRUCK	1	1	3	2	4	2	1	2	16	
TIPPER	8	8	6	8	12	10	5	8	65	
RORO	2	2	4	5	2	3	2	2	22	
KREN	2	2	2	2	2	1	1	1	13	
BACKHOE	1	0	1	0	1	1	0	1	5	
TRAKTOR	0	1	1	0	1	0	1	1	5	
ROAD SWEPER	0	0	1	0	1	0	0	1	3	
HIGH PRESSURE JETTING	0	1	0	0	1	0	0	1	3	
MOTOSIKLAL	1	1	2	1	2	0	1	1	9	
CATCH BASIN CLEANER						1			1	
JUMLAH	26	27	31	34	45	27	19	32	241	

JUMLAH BERATAN SAMPAH DI TAPAK PELUPUSAN BAGI JANUARI - DISEMBER 2022

Bil	BULAN	TPAJ	TPPB		JUMLAH (TAN)
		DOMESTIK (TAN)	DOMESTIK (TAN)	INDUSTRI (TAN)	
1.	JANUARI	8,694.04	12,067.35	22,470.80	43,232.19
2.	FEBRUARI	7,053.44	11,860.85	18,420.55	37,334.84
3.	MAC	5,810.85	14,951.22	22,650.32	43,412.39
4.	APRIL	7,346.48	13,344.75	21,884.58	42,575.81
5.	MEI	7,120.49	13,713.87	19,728.53	40,562.89
6.	JUN	9,017.95	13,461.12	21,394.86	43,873.93
7.	JULAI	13,493.00	8,059.73	21,222.40	42,775.13
8.	OGOS	15,621.01	5,768.53	24,007.16	45,396.70
9.	SEPTEMBER	15,285.48	4,718.24	26,778.75	46,782.47
10.	OKTOBER	16,157.46	5,178.53	25,722.32	47,058.31
11.	NOVEMBER	15,691.15	5,404.84	20,692.10	41,788.09
12.	DISEMBER	16,405.26	4,876.00	22,341.99	43,623.25
JUMLAH		137,696.61	113,405.03	267,314.36	518,416.00

Sebanyak 518,416.00 tan metrik sampah telah dilupuskan oleh MBSP sepanjang tahun 2022. Jumlah ini telah berkurang sebanyak 3.79% daripada 538,841.69 tan metrik sampah pada tahun sebelumnya. Penurunan ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan memandangkan pelbagai usaha pengurangan sampah telah dijalankan. Ini termasuk program Penjana Bayar (Pengurangan Sisa Pepejal Lestari) yang dilaksanakan bermula September 2022. Program ini telah mengehadkan kemasukan sampah daripada pengilang (penjana) di luar kawasan Seberang Perai ke tapak pelupusan.



PROJEK UPCYCLE DAN PENGKOMPOSAN SISA ORGANIK

1. PROJEK *UPCYCLE LANE*

Gambar struktur pengindahan berinovasi tinggi di *upcycle lane* yang telah siap sepenuhnya dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti cctv, *ramp*, *handrail* dan *tactile*.





2. PAMERAN, LATIHAN DAN JUALAN PRODUK UPCYCLE 2023

Pameran, latihan dan jualan produk upcycle dikendalikan oleh unit *Upcycle* di pelbagai sekolah sekitar Seberang Perai, terdapat juga pameran di ekspo telah berlangsung dengan baik sepanjang tahun 2022. Hasil jualan juga menjana pendapatan baharu kepada MBSP.



PENGHASILAN PRODUK UPCYCLE

Produk *upcycle* dihasilkan untuk tujuan promosi budaya *upcycle* dikalangan penduduk Seberang Perai. Penghasilan produk *upcycle* dari sumber terpakai mampu mengurangkan penjanaan sisa pepejal ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.



3. PROJEK PENGKOMPOSAN SISA MAKANAN

Projek pengkomposan sisa makanan mendapat sokongan dari Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon. Sebanyak RM250,000.00 disalurkan oleh KASA untuk menjayakan projek ini dengan pembelian lima (5) unit mesin kompos. Projek ini mampu mengurangkan penjanaan sisa organik dan hasil kompos akan digunakan untuk tanaman pokok.





PERKHIDMATAN GOTONG-ROYONG

Sepanjang tahun 2022 aktiviti gotong royong telah diselaraskan sebanyak 151 permohonan di seluruh Kawasan Seberang Perai.

ULASAN PELAN

- Memberi ulasan terhadap pelan-pelan (bangunan&kebenaran merancang) yang diterima melalui OSC
- Memproses permohonan sijil layak menduduki (CCC)

TAHUN	Pelan Kebenaran Merancang (OSC)	Sijil Layak Menduduki (OC/CCC)
2010	73	73
2011	81	81
2012	91	91
2013	261	17
2014	290	46
2015	315	20
2016	372	10
2017	415	7
2018	301	5
2019	247	21
2020	164	23
2021	210	45
2022	249	22

Jumlah permohonan ulasan pelan yang diterima pada tahun 2021 untuk Pelan Kebenaran Merancang (OSC) ialah 249 dan jumlah ini telah bertambah berbanding tahun sebelumnya manakala untuk jumlah Sijil Layak Menduduki (CCC) pula ialah 22.

Unit ulasan pelan bertanggungjawab bagi memastikan setiap permohonan pembangunan baru sentiasa mengikuti kehendak dan spesifikasi jabatan perkhidmatan perbandaran. Setiap pembangunan baru, pemaju perlu membuat permohonan melalui Pelan Kebenaran Merancang kepada MBSP. Setiap jabatan dalaman MBSP mahupun jabatan dari luar MBSP akan menyemak permohonan tersebut bagi memastikan permohonan tersebut mengikuti spesifikasi jabatan-jabatan terbabit.

Ia penting bagi mengelakkan sebarang kesulitan atau kesukaran setelah pembangunan baru itu siap dibina. Antara fungsi unit pelan jabatan perkhidmatan perbandaran ialah memastikan lokasi pusat pengumpulan sampah ditempatkan di lokasi yang sesuai bagi memastikan lori Majlis dapat melakukan kutipan sampah dengan mudah.


Unit pelan juga akan memastikan pusat pengumpulan sampah yang ditunjukkan di atas pelan mempunyai saiz yang sesuai berdasarkan spesifikasi jabatan serta dibekalkan dengan tong sampah yang mencukupi berdasarkan data-data pembangunan yang disediakan pihak arkitek(cth : jumlah unit rumah, luas ruang bangunan). Di samping itu, unit pelan juga bertanggungjawab meminta pemaju menyediakan tong sampah di setiap unit rumah/kedai pejabat di dalam pembangunan baru milikan individu dan memastikan setiap laluan di dalam kawasan pembangunan adalah sesuai bagi kemudahan lori majlis keluar masuk ke kawasan pembangunan ketika kerja-kerja kutipan sampah dilakukan.



UNIT PENGUATKUASAAN JPP

1. KOMPAUN PEMBERSIHAN


LAPORAN KOMPAUN KEBERSIHAN TAHUN 2017 HINGGA 2022



JUMLAH KOMPAUN YANG DIKELUARKAN KEBERSIHAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BAGI TAHUN 2017 – 2022

TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021	2022
JUMLAH KOMPAUN	2104	1155	1619	645	353	2505

2. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM



3. SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL LESTARI

TAHUN 2022	BILANGAN SYARIKAT SWASTA YANG MEMOHON	BILANGAN PERMIT YANG DIKELUARKAN	JUMLAH BAYARAN PERMIT YANG DITERIMA (RM)	JUMLAH BAYARAN TIPPING FEE (RM)
JANUARI	137	7662	76,620.00	-
FEBRUARI	133	5639	56,390.00	-
MAC	145	7816	78,160.00	-
APRIL	147	8174	81,740.00	-
MEI	147	7500	75,000.00	-
JUN	144	8108	81,080.00	-
JULAI	155	8026	80,260.00	-
OGOS	156	8755	87,550.00	70,714.24
SEPTEMBER	164	8288	82,880.00	92,376.86
OCTOBER	160	8219	82,190.00	106,011.12
NOVEMBER	164	7271	72,710.00	79,335.04
DECEMBER	161	8070	80,700.00	87,394.88
JUMLAH	1813	93528	RM935,280.00	RM435,832.14

JUMLAH KOMPAUN YANG DIKELUARKAN ATAS KESALAHAN KEBERSIHAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK TAHUN 2022

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
JUMLAH KOMPAUN	2,160	2,081	1,010	1,620	643	329	2505

Tindakan penguatkuasaan yang berterusan adalah bertujuan mendidik masyarakat untuk mematuhi undang-undang di samping memelihara keindahan dan kebersihan Seberang Perai. Sepanjang tahun 2022 sebanyak 2,505 kompaun telah dikeluarkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Peningkatan pengeluaran kompaun yang ketara daripada tahun – tahun sebelumnya adalah disebabkan tertubuhnya unit baharu di Jabatan, iaitu Unit Penguatkuasaan dengan kekuatan seramai 10 orang kakitangan bagi memperkasa penguatkuasaan undang – undang yang berkaitan.

**ADUAN YANG DITERIMA OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
TAHUN 2022**

ADUAN YANG DITERIMA OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

ADUAN SEPANJANG TAHUN 2022				
TAHUN 2022	PUNGUTAN SAMPAH	AM MBSP	AM MARRIS	LAIN-LAIN
JANUARI	222	22	356	49
FEBRUARI	163	16	244	33
MAC	197	20	217	34
APRIL	193	34	140	43
MEI	191	31	169	51
JUN	167	34	168	62
JULAI	142	42	198	34
OGOS	145	43	224	49
SEPTEMBER	135	26	199	41
OCTOBER	119	85	186	33
NOVEMBER	136	74	190	38
DECEMBER	153	69	222	41
JUMLAH	1963	496	2513	509




BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

LAPORAN BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

1. Pemantauan tempat kerja

- Jumlah lokasi pemantauan tahun 2022 – 139 lokasi
- Jumlah penemuan /isu tahun 2022 – 538 isu



Pemantauan tempat kerja



2. Program yang dijalankan oleh Bahagian Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

Bil	Program / Latihan	Tarikh
1.	<i>Site Safety Supervisor</i>	Mei - Julai 2022
2.	<i>Safety Coordinator :</i> i. <i>Work Related Road Safety</i> ii. <i>OSH Coordinator - Sektor Pembersihan</i> iii. <i>OSH Coordinator</i>	01-03 Ogos 2022 20-22 Sept 2022 13-15 Dis 2022
3.	<i>Emergency Response Team (ERT)</i>	22-24 Ogos 2022
4.	<i>Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MBSP</i>	15 Sept 2022
5.	<i>Evacuation-drill</i>	28 Dis 2022

Program OSH-Coordinator Sektor Pembersihan



Program Latihan ERT



Program Pelancaran Buku Pelan Induk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan



Program Latihan Evacuation Drill






DIREKTORAT PENGUATKUASAAN

CARTA ORGANISASI


JABATAN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN






OBJEKTIF JABATAN

Direktorat Penguatkuasaan menjalankan tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang yang dikuatkuaskan oleh Majlis dan membantu jabatan dalaman MBSP dan agensi luaran menjalankan tindakan penguatkuasaan.



FUNGSI JABATAN

- Penguatkuasaan tempat letak kereta yang diwartakan
- Penguatkuasaan kunci tayar
- Pengurusan dan penyelarasan caj letak kereta jam, harian, stiker bulanan dan sewaan petak khas
- Penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran
- Penguatkuasaan aktiviti mengotorkan jalan
- Penguatkuasaan aktiviti hiburan
- Penguatkuasaan halangan am
- Penguatkuasaan kenderaan berat dalam kawasan perumahan
- Pengurusan stor sitaan barang sitaan / kenderaan dan rampasan
- Membantu jabatan dalaman dan luaran dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan



STRUKTUR JABATAN



BAHAGIAN PENGURUSAN PENGUATKUASAAN

Bahagian ini berfungsi untuk menguruskan pentadbiran Am jabatan, pengurusan aduan, tuntutan / pelupusan barang sitaan, pengurusan stor sitaan, kaunter bayaran di Pejabat Cawangan Jalan Betek serta pengurusan aset jabatan.



BAHAGIAN LETAK KERETA

Bahagian ini berfungsi untuk penguatkuasaan letak kereta, memproses permohonan petak khas langganan tetap (Petak Khas) secara atas talian (*Portal Penang Smart Parking*), memproses permohonan petak khas langganan tetap (Petak Khas) untuk Ahli Parlimen, ADUN dan Penyelaras KADUN, menyediakan ulasan permohonan kanopi, menyediakan ulasan permohonan kerusi meja di atas tempat letak kereta, menyediakan ulasan permohonan sewaan dua petak khas letak kereta berwarta, penguatkuasaan kunci tayar, Penguatkuasaan kenderaan yang mempunyai kompaun yang tertinggal melebihi 10 kompaun, penguatkuasaan letak kereta melalui CCTV, pengurangan kadar dan pembayaran kompaun, pembatalan kompaun letak kereta dan penguatkuasaan tunda kereta.



BAHAGIAN LESEN DAN HALANGAN

Bahagian ini berfungsi ke atas tindakan penguatkuasaan penjaja, penguatkuasaan halangan am, penguatkuasaan kenderaan berat, penguatkuasaan premis hiburan, penguatkuasaan kacau ganggu dan penguatkuasaan kenderaan buruk.



BAHAGIAN BINAAN DAN KERJA TANAH

Bahagian ini berfungsi untuk memberi bantuan tindakan penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran kepada agensi luar, penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran/ halangan binaan/ rampasan peralatan binaan, bantuan tindakan penguatkuasaan kepada jabatan dalaman dan penguatkuasaan kenderaan mengotorkan jalan.



BAHAGIAN BINAAN DAN KERJA TANAH

1. KOMPAUN LETAK KERETA

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah kompaun dikeluarkan ke atas kenderaan	153,408 kompaun
2.	Jumlah amaun yang dibayar	RM2,194,780.00
3.	Notis peringatan kepada pesalah (Notis merah)	95,992 notis
4.	Bilangan kes untuk pendakwaan ke Jabatan Undang-Undang	7,664 kes

2. KUNCI TAYAR

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah kenderaan yang dikunci tayar	3,968 buah
2.	Jumlah amaun yang dibayar	RM193,200.00
3.	Jumlah kenderaan yang ditunda	112

3. KOMPAUN HALANGAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah kompaun halangan	861 kompaun
2.	Jumlah amaun yang dibayar	RM17,085.00

4. KOMPAUN KERJA TANAH

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah kompaun kenderaan mengotorkan jalan dikeluarkan	37 kompaun
2.	Jumlah kompaun kenderaan mengotorkan jalan yang dibayar	5 kompaun
3.	Jumlah amaun yang dibayar	RM550.00
4.	Jumlah kertas pendakwaan kesalahan mengotorkan jalan	8 kes

5. TINDAKAN PELESENAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah premis hiburan yang diperiksa	70 buah

6. TINDAKAN BANGUNAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Operasi meruntuh	42 operasi
2.	Notis proviso yang dikeluarkan	45 notis
3.	Notis Binaan Tanpa Kebenaran (dikeluarkan oleh Jabatan Bangunan)	91 notis
4.	Notis mengosong(dikeluarkan oleh Jabatan Bangunan)	52 notis
5.	Pemantauan kes binaan tanpa kebenaran	96 kes

7. OPERASI (SITAAN DAN PINDAH HALANGAN)

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Kenderaan berat	52 buah
2.	Kenderaan buruk yang disita	226 buah

8. JUMLAH KESELURUHAN PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah premis yang diperiksa	487,786 buah
2.	Jumlah pematuhan dan peratusan premis yang diperiksa	483,909 buah 99.2%



PENCAPAIAN JABATAN

1. MBSP menjadi Johan Perarakan Kawad Hari Kebangsaan Ke-59 Peringkat Negeri Pulau Pinang
(Diurussetiakan oleh Direktorat Penguatkuasaan)

Johan Perarakan Kawad Hari Kebangsaan ke 59 Peringkat Negeri Pulau Pinang



2. Penyertaan dan Memperolehi Tempat Ke-5 di dalam *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) Champion Award 2022 (Project Maternity Uniform)*

Penyertaan di dalam *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) Champion Award 2022 (Project Maternity Uniform)*



3. Perasmian Lapangan Rentas Halangan bagi menyediakan kemudahan untuk aktiviti kecergasan fizikal serta stamina anggota Direktorat Penguatkuasaan.

Lapangan Rentas Halangan bagi menyediakan kemudahan untuk aktiviti kecergasan fizikal serta stamina anggota Direktorat Penguatkuasaan.





KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

CARTA ORGANISASI

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA





FUNGSI PENTADBIRAN

1. Menyelaras input bajet Jabatan serta vot bersama SUB/ DB bersama jabatan dalaman MBSP
2. Menyelaras Peruntukan Perbelanjaan dan pindah peruntukan (*viremen*) bagi vot bersama SUB/ DB.
3. Mengurus Panjar wang runcit Jabatan
4. Mengurus stok Jabatan mengikut Pekeliling 1PP.
5. Menyelaras tempahan bilik Mesyuarat Cempaka dan ruang keraian di Tingkat 16.
6. Menyediakan dan menyelaras dokumen penyediaan sebutharga /tender alat lindung diri dan peralatan keselamatan untuk MBSP.
7. Menyelaras Maklum Balas EXCO / POST EXCO / Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) / Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan (MMK KT) / Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)
8. Menyelaras kepelbagaian maklumat berdasarkan permohonan yang diterima daripada pelbagai agensi kerajaan, agensi swasta serta individu.
9. Menyelaras maklumbalas Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) SPU / SPT/SPS
10. Mendaftar, merekod dan mengagih surat-surat yang diterima daripada Pejabat Datuk Bandar dan Pejabat Setiausaha Bandaraya kepada jabatan dalaman MBSP yang berkaitan.
11. Menyelaras Penyediaan Maklumat untuk Mesyuarat MMK Kerajaan Tempatan.



FUNGSI ADUAN DAN STRATEGIK

1. Menyelaras Aduan MBSP (kecuali aduan YAB Ketua Menteri/ YB EXCO Kerajaan Tempatan dan YB SUK)
2. Menyelaras Jendela Pelanggan
3. Menyedia surat arahan kebenaran / penangguhan berhubung tindakan penguatkuasaan oleh YB EXCO Kerajaan Tempatan dan memberi makluman kepada YB ADUN / Penyelaras KADUN
4. Menyelaras Pembentukan dan Pelaporan Pelan Strategi serta Seberang Perai *Corporate Priorities*
5. Menyelaras penyertaan berkaitan dengan anugerah/ pencalonan/ pertandingan inovasi (KIK, Anugerah Inovasi, *Team Excellence*) yang disertai oleh MBSP di peringkat negeri dan kebangsaan.
6. Menyelaras input MBSP bagi penyediaan KPI SUK
7. Menyelaras penyediaan SKT Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya
8. Menyelaras Program Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK)
9. Menyelaras Pengauditan Sistem Penarafan Bintang (*System Star Rating - SSR*)



FUNGSI KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

1. Menyelaraskan urusan menandatangani *Memorandum Of Understanding* (MOU) dan /atau menjalinkan hubungan persahabatan melalui pewujudan (*establishment*) *friendship city* dan *sister city* dengan Bandar-bandar yang mengamalkan *Best Practices*.
2. Mengurus lawatan Datuk Bandar, Setiausaha Bandaraya dan pegawai-pegawai MBSP ke luar Negara untuk menghadiri mesyuarat, seminar, bengkel, prosiding, persidangan dan lain-lain.
3. Menyelaras urusan kunjung hormat delegasi atau pegawai-pegawai daripada dalam dan luar Negara kepada Datuk Bandar.
4. Menyelaras keahlian MBSP sebagai ahli pertubuhan atau organisasi antarabangsa seperti ICLEI, UCLG ASPAC, WeGO dan lain-lain.
5. Menyelaras penyertaan berkaitan dengan anugerah/ pencalonan/ pertandingan yang disertai oleh MBSP di peringkat antarabangsa.
6. Menyedia Slaid Pembentangan Datuk Bandar.
7. Menyedia teks ucapan Datuk Bandar.
8. Menyelaras temubual Datuk Bandar dengan pihak media atau mana-mana agensi dan organisasi di peringkat nasional dan antarabangsa.
9. Menyelaras dan menyedia rencana atau artikel untuk meningkatkan imej korporat di peringkat nasional dan antarabangsa.



FUNGSI KUALITI

1. Menyediakan Jadual Program Dan Pelan Bertindak Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti (SPBK) MBSP dan membuat semakan setiap tiga bulan atau jika ada keperluan.
2. Menyelaras pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP dari aspek:
 - 2.1 Pelaksanaan sistem baru
 - 2.2 Pertukaran/perubahan *standard*
 - 2.3 Mendapatkan input keperluan latihan berkaitan SPBK dan menyediakan keperluan latihan tahunan untuk pengurusan latihan.
 - 2.4 Membuat pemantauan pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti.
3. Menyedia dokumentasi induk Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP dan menyelenggara rekod dokumentasi
4. Mengurus penyediaan dan pertukaran dokumentasi Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti jabatan serta menyelenggara rekod dokumentasi
5. Menyedia laporan pencapaian pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP
6. Sekretariat Mesyuarat Kajian Semula Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP - Menyediakan dan mengedarkan notis , menyedia buku mesyuarat, minit dan membuat pengesahan maklumbalas jabatan
7. Menyelaras pelaksanaan Audit Persijilan/Pematuhan/Pemantauan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP
8. Menyedia laporan Piagam Pelanggan MBSP
9. Menyelaras pelaksanaan *Business Process Reengineering* (BPR) /*Business Process Improvement* (BPI) MBSP
10. Sekretariat Mesyuarat Kualiti Dan Inovasi MBSP - Menyediakan dan mengedarkan notis , menyedia maklumat mesyuarat, minit dan membuat pengesahan maklumbalas jabatan
11. Menyelaras penyediaan dan pertukaran SOP Jabatan serta menyelenggara rekod
12. Menyelaras permohonan pengiktaran *The Malaysia Book Of Records* / penyertaan Anugerah Kualiti



KUNJUNG HORMAT KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI 2022

KUNJUNG HORMAT KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI 2022		
Bil	TAJUK	TARIKH
1.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Setiausaha Politik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	28 Februari 2022
2.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar oleh YB Satees Muniandy, ADUN Bagan Dalam	28 Februari 2022
3.	Kunjungan Hormat Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang ke Pejabat Datuk Bandar MBSP	1 Mac 2022
4.	Kunjungan Hormat Invest-In-Penang Berhad (Invest Penang) ke atas Datuk Bandar MBSP	4 Mac 2022
5.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Mondelez International	4 Mac 2022
6.	Kunjungan Hormat Syarikat Mutiara Smart Sdn. Bhd. ke atas Datuk Bandar Seberang Perai	4 Mac 2022
7.	Kunjungan Hormat Tenaga Nasional Berhad Pulau Pinang ke Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai	7 Mac 2022
8.	Kunjungan Hormat di antara OSK Property (PJD Eastern Land Sdn. Bhd.) dengan Datuk Bandar	8 Mac 2022
9.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Ketua Polis Pulau Pinang	10 Mac 2022
10.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Majlis Sukan Negara Malaysia	24 Mac 2022
11.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	12 April 2022
12.	<i>Courtesy Visit To Mayor Of Seberang Perai City Council Office By Austrian Embassy</i>	14 April 2022
13.	Kunjungan Hormat Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) Pulau Pinang kepada Datuk Bandar	15 April 2022
14.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang	15 April 2022
15.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP)	22 April 2022
16.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Heitech Padu Berhad	7 Jun 2022
17.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar oleh MICRON Memory Malaysia	7 Jun 2022
18.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar oleh KPJ Penang Specialist Hospital	10 Jun 2022
19.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Penang Green Council (PGC)	10 Jun 2022
20.	<i>Courtesy Call On Mayor Of Seberang Perai City Council (MBSP) By Penang Chinese Chamber Of Commerce</i>	12 Julai 2022
21.	Kunjungan Hormat Jabatan Kastam Diraja Malaysia	12 Julai 2022
22.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Malaysia Green Building Council (MGBC)	Julai 2022
23.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai oleh Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	20 Julai 2022
24.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Politeknik Seberang Perai	12 Ogos 2022
25.	Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai oleh Pengarah Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang	12 Ogos 2022
26.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang	12 Ogos 2022
27.	Kunjungan Hormat kepada YBhg. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad	17 Ogos 2022
28.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Persatuan Bola Sepak Daerah Seberang Perai Utara (Baru)	22 Ogos 2022

KUNJUNG HORMAT KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI 2022

BIL	TAJUK	TARIKH
29.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Pengarah FAMA Negeri Pulau Pinang	23 Ogos 2022
30.	Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd	23 Ogos 2022
31.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Berjaya Group	26 September 2022
32.	<i>Courtesy Call On Mayor Of Seberang Perai City Council (MBSP) from FMM Penang Branch</i>	26 September 2022
33.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai Oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Pulau Pinang	27 September 2022
34.	Kunjungan Hormat kepada YBhg. Dato' Azhar Bin Haji Arshad oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia Northern Chapter	29 September 2022
35.	Kunjungan Hormat kepada YBhg. Datuk Bandar oleh Penganjur PETRONAS Cub Prix	26 Oktober 2022
36.	Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	15 November 2022
37.	Kunjungan Hormat kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai oleh Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah	8 Disember 2022



Kunjungan Hormat Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang ke Pejabat Datuk Bandar MBSP pada 1 Mac 2022

Pada 1 Mac 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Pengarah PLANMalaysia @ Pulau Pinang iaitu Puan Rozita binti Hamit (Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang) dan pegawai daripada PLANMalaysia @ Pulau Pinang iaitu Encik Mohd Bashir bin Sulaiman (Timbalan Pengarah I, PLANMalaysia@Pulau Pinang), Encik Mohd Rozaimi bin Abdul Rahim (Ketua Penolong Pengarah, PLANMalaysia@Pulau Pinang), Encik Abdul Rahman Madri bin Che Ahmad (PLANMalaysia@Pulau Pinang), Encik Azwari bin Ismail (PLANMalaysia@Pulau Pinang) dan Ku Muhammad Jannatul Quldie bin Ku Mohamad (PLANMalaysia@Pulau Pinang).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah TPr Hjh Norliza binti Abdullah (Pengarah Perancang Bandar), Puan Noorhanis binti Noordin (Pengarah Bangunan), TPr Mohd Ridzal bin Abdul (Pengarah Pelancongan Seni dan Warisan), TPr Nurvanida Alisha binti Sinnappan (Ketua Unit OSC), Encik Mohd Nadhir bin Abdul Aziz (Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar), Encik Mohd Hazren B. Mohd Zahir (Penolong Pengarah Kanan Perancang Bandar) dan Encik Mohammad Asyraf Bin Abdullah (Penolong Pegawai Perancang Bandar).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk berbincang berhubung Draf Rancangan Tempatan MBSP, cadangan penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan Garis Panduan yang masih dalam proses penyediaan atau cadangan untuk disediakan.



Ybhg. Datuk Bandar bersama Pengarah PLANMalaysia serta pegawai PLANMalaysia dan Ketua Jabatan MBSP

Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Ketua Polis Pulau Pinang pada 10 Mac 2022

Pada 10 Mac 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Ketua Polis Pulau iaitu CP Dato' Mohd Suhaily bin Mohd Zain (Ketua Polis Pulau Pinang) dan turut hadir bersama ialah DCP Dato' Fisol bin Salleh (Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang), SAC Rahimi bin Ra'aис (Ketua Jabatan Siasatan Jenayah), SAC Winston Tan Thye Wah (Ketua Cawangan Khas), ACP Tan Cheng San (PMG. Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keleselamatan Komuniti serta pegawai-pegawai daripada Polis Diraja Malaysia, Pulau Pinang).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi (Pengarah Pelesenan), Encik Nazri bin Abdul Wahab (Pengarah Direktorat Penguatkuasaan) dan ASP. Amirul Ariff bin Abdul Rahman (Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk berkongsi isu-isu Narkotik, Jenayah Komersial di Negeri Pulau Pinang



Ybhg. Datuk Bandar dan Pemangku Setiausaha Bandaraya dan Ketua Jabatan bersama CP Dato' Mohd Suhaily bin Mohd Zain, Ketua Polis Pulau Pinang serta pegawai daripada PDRM

Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada 12 April 2022

Pada 12 April 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) iaitu Encik Aziz bin Bakar dan turut hadir bersama ialah Encik Mohammad Azhar bin Hamdan (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal/ Perancangan), Encik Abdul Latiff bin Abdul Aziz (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Encik Roslan bin Hassan (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Encik Mohd Syukri bin Said (Timbalan Pengarah Kejuruteraan) dan LAr. Shaqhrony bin Md Yusoff @ Jamaludin (Pengarah Landskap).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan tentang penglibatan PDC dalam program-program MBSP serta cadangan Pembinaan Pintu Gerbang “Selamat Datang ke Pulau Pinang” di Lebuhraya Utara-Selatan.



Ybhg. Datuk Bandar menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

Courtesy Visit To Mayor Of Seberang Perai City Council Office By Austrian Embassy pada 14 April 2022

Pada 14 April 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada *Austrian Embassy* yang dihadiri oleh Mr. Reinhart Zimmermann (*Austrian Commercial Counsellor*) dan Mr. Berthold Jungwirth (*Austrian Honorary Consul*).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin (Pengarah Perkhidmatan Perbandaran) dan Puan Norhayati binti Sulaiman (Pengarah Kemasyarakatan).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mengadakan perbincangan yang memfokuskan potensi dalam mewujudkan kolaborasi dalam sektor Kitar Semula dan Pengurusan Pembuangan Sisa sejajar dengan Pelan Ekonomi Sirkular Seberang Perai.



Dari kiri: Puan Norhayati binti Sulaiman, Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin, Mr. Reinhart Zimmermann, YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad dan Mr. Berthold Jungwirt

Kunjungan Hormat Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) Pulau Pinang kepada Datuk Bandar pada 15 April 2022

Pada 15 April 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) iaitu Tuan Haji Rahmat Abu Nong (Pengarah MCMC Negeri Pulau Pinang), Encik Mohd Rashdi Hasan (Timbalan Pengarah MCMC Negeri Pulau Pinang) dan Encik Alif Munir Md Tarmizi (Timbalan Pengarah MCMC Negeri Pulau Pinang).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Puan Noorhanis binti Noordin, Pengarah Bangunan dan Encik Mohd Syukri bin Said, Timbalan Pengarah Kejuruteraan

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mengadakan sesi suai kenal antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) bersama MBSP.



Dari kiri: Encik Alif Munir Md Tarmizi, Encik Mohd Rashdi Hasan, Tuan Haji Rahmat Abu Nong, YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Puan Noorhanis binti Noordin, Encik Mohd Syukri bin Said dan Encik Wan Junaidy bin Yahaya

Wahab (Pengarah Direktorat Penguatkuasaan) dan Tuan Mohd Firdaus bin Ghosni (Penolong Pengarah Direktorat Penguatkuasaan).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk suai kenal bersama Datuk Bandar Seberang Perai dan melaporkan perkembangan berhubung system Penang Smart Parking di kawasan Seberang Perai.



Ybhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai menerima cenderahati daripada Heitech Padu Berhad

Kunjungan Hormat daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada 12 Julai 2022

Pada 12 Julai 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia iaitu Tuan Mohd Nazri bin Mohamed (Penolong Kanan Pengarah Kastam I), Tuan Jubir bin Johari @ Mansor (Pegawai Kastam Tinggi) dan Tuan Kamarul Azizan bin Mustapa (Pegawai Kastam Kanan).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Tuan ASP Amirul Ariff bin Abdul Rahman (Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mengadakan perbincangan berhubung perkara-perkara berkaitan Zon Bebas Seberang Perai seperti lalu lintas di kawasan Free Industrial Zone (FIZ).



Ybhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai oleh Pengarah Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang pada 12 Ogos 2022

Pada 12 Ogos 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Encik Mozakir Bin Buyong Mokhtar iaitu Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk merapatkan silaturrahim di antara Majlis Bandaraya Seberang Perai. Selain itu, Jabatan Belia dan Sukan serta berbincang tentang program-program yang boleh didakan untuk berkolaborasi bersama MBSP.



Ybhg. Datuk Bandar bersama Encik Mozakir Bin Buyong Mokhtar,
Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Berjaya Group pada 26 September 2022

Pada 26 September 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Berjaya Group iaitu YBhg. Dato Tan Mann Chai (Executive Director Berjaya Group), Encik Koh Chee Yong (Managing Director Berjaya Group) dan Encik Mohd Zamri Bin Abdul Rahman (General Manager Berjaya Group).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin (Pengarah Perkhidmatan Perbandaran) dan Puan Siti Nurhayati binti Abdul Rahman (Penolong Pengarah Kanan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa)

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk membuat pembentangan ringkas kepada YBhg. Datuk Bandar berhubung Bukit Tagar *Landfill, leachate management, MRF, Waste to Energy program and Cost Saving*.



Sesi pembentangan daripada Berjaya Group kepada YBhg. Datuk Bandar Seberang Perai

Kunjungan hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Pulau Pinang pada 27 September 2022

Pada 27 September 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Pulau Pinang iaitu Encik Muhammad Ikram Bin Abd Talib dan turut hadir bersama ialah Encik Kumarran a/l Arumugam (Pen. Pegawai Penguatkuasa) dan Encik Mohammad Izwan Bin Mohammad Fouzee (Pegawai Perhubungan Awam (PRO).

Wakil daripada MBSP yang hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Puan Siti Nurhayati binti Abdul Rahman (Penolong Pengarah Kanan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mengadakan sesi suai kenal bersama Datuk Bandar Seberang Perai serta memperkenalkan Jabatan MAQIS Negeri Pulau Pinang kepada YBhg. Dato'.




Ybhg. Datuk Bandar menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Pulau Pinang

Kunjungan Hormat ke atas Datuk Bandar Seberang Perai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 15 November 2022

Pada 15 November 2022, MBSP telah menerima lawatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang dihadiri oleh YBhg. TPj Tuan Ruslan Bin Tuan Mat (Timbalan Pesuruhjaya SPRM merangkap Pengarah SPRM Negeri Pulau Pinang), YBrs. KPKpj Mohd Shukor Bin Mahmud (Timbalan Pengarah Operasi SPRM), PKpj Chin Chen Huat , (Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM), PPj Roslan Bin Deraoh (Ketua Cawangan SPRM Seberang Perai), PPs Mohd Soppy bin Ayob (Penolong Penguasa SPRM), PPs Jayaraj a/l Goval (Penolong Penguasa SPRM) dan PPs Mazlan bin Haja Maideen (Penolong Penguasa SPRM).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Puan Siti Nurhayati binti Abdul Rahman (Penolong Pengarah Kanan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mengadakan sesi suai kenal bersama Datuk Bandar Seberang Perai dan mengeratkan hubungan kerjasama antara SPRM dan MBSP. Selain itu, ia juga berhubung Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) akan dilaksanakan pada 9 Disember 2022 di Pulau Pinang.



Ybhg. Datuk Bandar menerima kunjungan hormat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Kunjungan Hormat kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai oleh Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah pada 8 Disember 2022

Pada 8 Disember 2022, MBSP telah menerima lawatan daripada Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah iaitu YDH Tan Cheng San (ACP) serta pegawai-pegawai lain seperti YM Raja Munawir Shah Bin Raja Harun (Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Seberang Perai Tengah), Tuan Syed Muhammad Fikri Idid B. Syed (Ketua Cawangan Khas Daerah Seberang Perai Tengah) dan Tuan Perbakaran a/l Krishnan (Ketua Bahagian Pengurusan Daerah Seberang Perai Tengah).

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Puan Rosilah binti Abd Rashid (Pemangku Pengarah Undang-Undang), Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi (Pengarah Pelesenan), ASP. Amirul Ariff bin Abdul Rahman (Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mengadakan perbincangan berhubung masalah caj bayaran bagi mendapatkan dokumen untuk tujuan siasatan oleh Pegawai Penyiasat IPD SPT, Hal-hal berkaitan lesen hiburan dan lain-lain lessen serta permohonan Rakaman CCTV pihak MBSP bagi tujuan siasatan oleh IPD SPT.



Ybhg. Datuk Bandar menyampaikan cenderahati kepada Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah



LAWATAN / CONFERENCE / KURSUS/ SEMINAR / WEBINAR KE LUAR NEGARA

LAWATAN KE LUAR NEGARA

Bil

TAJUK

1. *Global Covenant of Mayors for Climate and Energy (GCom) National Training Workshop on Mitigation* pada 21 - 22 Mac 2022 di Institut Latihan DBKL (IDB) - Kuala Lumpur
2. *ICLEI Global Executive Committee Meeting (GEXCOM)* dan *ICLEI World Congress* pada 10 – 13 Mei 2022 di Malmö, Sweden
3. *World Urban Forum (WUF 11)* pada 26 hingga 30 Jun 2022 di Katowice, Poland
4. *The World Cities Summit* dan *WCS Mayors Forum 2022* pada 30 Julai 2022 hingga 3 Ogos 2022 di *Marina Bay Sands Expo & Convention Centre*, Singapura
5. *Smart Cities Workshop* pada 31 Julai 2022 hingga 1 Ogos 2022 di *Marina Bay Sands Expo & Convention Centre*, Singapura
6. Mesyuarat IMT-GT *Green Cities Mayor Councils (GCMC) Sectoral Planning on Transport and Carbon Literacy* pada 1 Hingga 2 Ogos 2022 di Buri Sriphu Hotel & Convention Centre, Hat Yai, Songkhla, Thailand
7. *1st MUFPP Asia Pacific Regional Forum on “Improving City Food Security and Creating Work Through Urban Farming based on Culture and Technology”* pada 3 hingga 4 Ogos 2022 di Prahyangan Catholic University Bandung, Indonesia
8. *9th CityNet Congress* pada 20 hingga September 2022 di *Connexion Event & Conference Centre*, Kuala Lumpur
9. Lawatan Kerja dan Penyelarasan Bengkel Penyediaan Garis Panduan Managed Industrial Park (MIP) Siri ke-3 pada 3 hingga 6 Oktober 2022 di Chonburi Bangkok, Thailand
10. *International Week 2022 Famalicao Alliance* dan lawatan kerja ke bandar-bandar Portugal pada 24 hingga 28 Oktober 2022
11. Persidangan Asean Mayors Forum (AMF) 2022 pada 2 hingga 3 Disember 2022 di Phnom Penh, Cambodia
12. *GCoM National Webinars in the Southeast Asian Countries and ASEAN City Leaders Dialogue* pada 17 Januari 2022
13. *Invitation To The Energise Talk: Energy, Resource & Cost Efficiency Through Industrial Symbiosis* pada 20 Januari 2022
14. *Embracing the 4IR : Outlook, Strategies and Plans For Asean* pada 26 Januari 2022
15. *Webinar on Application of Emission Quantification Tool (EQT) for Quatification of Greenhouse Gases (GHG) and Short-Lived Climate Pollutant (SLCP)* pada 14 Februari 2022
16. *Invitation to WeGO's 2022 Kick-Off Event* pada 23 Februari 2022
17. Undangan ke Program UK *Smart Cities Mission to Malaysia* anjuran Kerajaan British pada 22 - 24 Februari 2022
18. *Webinar: How to Read Your 'Feedback on 1.5 °C Alignment' Report (OPCC)* pada 24 Februari 2022
19. *CITYNET: Malaysia National Workshop: Localization of Ethnically Inclusive Urban House Planning Practices* pada 2 Mac 2022
20. *Webinar: 'Lowering Emissions by Buying Better'* pada 31 Mac 2022
21. *Opening Ceremony of Xi'an & UCLG ASPAC Chinese Language Training Program* pada 8 April 2022
22. EU-Funded IURC Programme (webinar) berhubung *“Circular Food Waste Community Hubs: Preparing the Pilot Models for Circular Neighbourhoods”* pada 21 Jun 2022

LAWATAN KE LUAR NEGARA

Bil

TAJUK

- | | |
|-----|--|
| 23. | <i>Workshop 1 - Introduction to Climate Change Resilience, Setting Adaptation Goals, and Inclusive Adaptation and Resilience Planning for Cities</i> pada 29 Jun 2022 |
| 24. | <i>LASCN Webinar on Smart Tourism: Reactivating Tourism in Latin America in the Post-COVID Era</i> pada 30 Jun 2022 |
| 25. | <i>Workshop 2 (23 August 2022) - Getting Started with your City's Adaptation Planning Process I</i> pada 23 Ogos 2022 |
| 26. | <i>Reporting to the Global Covenant of Mayors in 2022: Common Mistakes and Badge Improvement Tips</i> pada 24 Ogos 2022 |
| 27. | <i>Wego Invitation - Solutions Meet Cities Webinar on Smart Transportation</i> pada 1 September 2022 |
| 28. | <i>Daring Cities : Making Climate Justice a Reality: A People-Centered Response to the Climate Emergency (Part I)</i> pada 4 Oktober 2022 |
| 29. | <i>Invitation to Participate in the Third Workshop of 'Deepening Evidence-Based Climate Resilience Planning in Asian Cities' Capacity Building Programme 2022</i> pada 11 Oktober 2022 |
| 30. | <i>High-Level Opening Ceremony of the Global Observance of the World Cities Day</i> pada 31 Oktober 2022 |
| 31. | <i>WeGO Executive Committee (EXCOM) Meeting 2022</i> pada 1 November 2022 |
| 32. | <i>Reconnecting with GCOM and CRTZ Cities: CDP-ICLEI Track 2022 Reporting Assistance Webinar</i> pada 8 November 2022 |
| 33. | <i>MUFPP & IURC Asia Pacific Food Policy Training: Food Waste</i> pada 15 Dicember 2022 |





LAWATAN/ CONFERENCE/ KURSUS/ SEMINAR/ WEBINAR KE LUAR NEGARA YANG DISERTAI OLEH MBSP TAHUN 2022

Global Covenant of Mayors for Climate and Energy (GCom) National Training Workshop on Mitigation pada 21 - 22 Mac 2022 di Institut Latihan DBKL (IDB) - Kuala Lumpur



PESERTA

- **Encik Mohamad Hazrul Bin Hassan**
Ketua Penolong Pengarah Kejuruteraan
- **Encik Mohd Naim Bin Mohd Ali**
Penolong Pengarah Kanan Perkhidmatan Perbandaran



OBJEKTIF

Pembentangan mengenai isu-isu dan permasalahan yang menyumbang kepada kesan rumah hijau. Perkongsian amalan baik (*best practices*) berkaitan bandar rendah karbon dan perubahan iklim daripada agensi-agensi dari dalam dan luar Negara. Latihan berkenaan mitigasi perubahan iklim serta lawatan ke kebun kejiranan Sungai Bunus dan Projek Perumahan Rakyat Kepong.



KESIMPULAN

Perkara-perkara yang memberi manfaat kepada pegawai melalui kursus ini adalah dengan perancangan untuk bandar rendah karbon dan mitigasi perubahan iklim. Selain itu, pegawai juga dapat pendedahan mengenai pelaksanaan bandar rendah karbon dan mitigasi perubahan iklim daripada agensi luar dan mempelajari amalan baik (*best practice*) yang di laksanakan di agensi-agensi yang lain.

GAMBAR SESI GLOBAL CONVENTION OF MAYORS FOR CLIMATE AND ENERGY (GCOM) NATIONAL TRAINING WORKSHOP ON MITIGATION PADA 21 - 22 MAC 2022 DI INSTITUT LATIHAN DBKL (IDB) - KUALA LUMPUR





ICLEI Global Executive Committee Meeting (GEXCOM) dan ICLEI World Congress pada 10 - 13 Mei 2022 di Malmo, Sweden



PESERTA

- **YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad**
Datuk Bandar Seberang Perai
- **Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**
Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perbandaran



OBJEKTIF

Mesyuarat ini diadakan tiga tahun sekali dan tujuannya adalah untuk bertukar-tukar dan memberi inspirasi antara satu sama lain mengenai amalan terbaik dalam pembangunan lestari tempatan, dan belajar secara langsung daripada kekayaan inisiatif kemampanan Bandar Malmö. Selain itu, YBhg. Datuk Bandar juga telah dijemput sebagai speaker semasa *ICLEI World Congress* bagi sesi *Accelerating Ambitious Climate Action: Bridging Climate Emergency and Climate Neutrality*. Di samping itu, YBhg. Datuk Bandar dan Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin juga telah mengadakan lawatan sambil belajar di Bandar Malmo, Sweden dan juga di Copenhagen, Denmark.



KESIMPULAN

Pegawai dapat mempelajari dan berkongsi pengetahuan mengenai *best practices* antara satu sama lain dalam pembangunan mampan tempatan dan belajar secara langsung daripada inisiatif kemampanan Bandar Malmö.

**GAMBAR SESI GLOBAL CONVENTION OF MAYORS FOR CLIMATE AND ENERGY (GCOM) NATIONAL TRAINING WORKSHOP
ON MITIGATION PADA 21 - 22 MAC 2022 DI INSTITUT LATIHAN DBKL (IDB) - KUALA LUMPUR**





PESERTA

- **Ybhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad**
Datuk Bandar Seberang Perai
- **Cik Normaira bt Abdul Rahman**
Ketua Unit Butterworth Baharu
- **Encik Mohd Nadhir bin Abdul Aziz**
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar



OBJEKTIF

YBhg. Datuk Bandar Seberang Perai telah dijemput sebagai panel bagi *City To City Learning Session* di Malaysia Pavilion WUF11 Urban Expo pada 27 Jun 2022, Katowice - Poland. *City To City Learning Session* adalah berkisar tentang perkongsian berkaitan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan dalam menghadapi pandemik Covid 19, membincangkan potensi dan cabaran baharu dalam fasa endemik, menyentuh mekanisme yang *sustainable* dalam proses urbanisasi dan kesihatan awam selepas pandemik.



KESIMPULAN

Merupakan inisiatif KPKT dalam agenda Malaysia Berdaya Huni bagi membantu bandar raya mengukur tahap kesejahteraan, kualiti kehidupan dan berdayahuni di setiap peringkat. Ia merupakan satu indikator pengukuran berimpak tinggi bagi melihat keberkesanannya langkah-langkah yang diambil bagi menjadikan negara lebih baik untuk didiami. Semua Datuk Bandar di Malaysia diharap dapat menjadikan inspirasi teras termasuk pembangunan ekonomi yang makmur dan kalis masa hadapan, penambahbaikan dalam kualiti dan pemuliharaan alam sekitar, tadbir urus bandar yang cekap dan infrastruktur dan fasiliti yang inklusif dapat diaplikasikan untuk kesejahteraan Keluarga Malaysia.

GAMBAR SESI GLOBAL CONVENTION OF MAYORS FOR CLIMATE AND ENERGY (GCOM) NATIONAL TRAINING WORKSHOP ON MITIGATION PADA 21 - 22 MAC 2022 DI INSTITUT LATIHAN DBKL (IDB) - KUALA LUMPUR





1st MUFPP Asia Pacific Regional Forum on “Improving City Food Security and Creating Work Through Urban Farming based on Culture and Technology” pada 3 hingga 4 Ogos 2022 di Prahyangan Catholic University Bandung, Indonesia



- **Puan Norhayati binti Sulaiman**
Pengarah Kemasyarakatan
- **Encik Chew Eng Seng**
Penolong Pegawai Veterinar Kemasyarakatan



OBJEKTIF

Forum ini bertujuan untuk adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang ketidaksamaan dalam akses kepada makanan yang sihat. Mendorong bandar-bandar Asia Pasifik dan pemimpin mereka untuk memacu perubahan dalam meningkatkan keselamatan makanan. Selain itu, ia juga menggalakkan kerjasama bandar ke bandar mengenai makanan bandar yang membawa kepada tindakan perintis yang konkrit. Ia juga bertujuan untuk membentuk dan membangunkan projek pertanian bandar yang inovatif, mewujudkan peluang pekerjaan untuk generasi muda serta menghadapi pemimpin U20 melalui Gabenor Jawa Barat mengenai hasil dan keputusan utama Forum.



KESIMPULAN

MBSP telah diterima menjadi ahli *Milan Urban Food Pact Policy* (MUFPP) dan merupakan bandaraya pertama dari Malaysia. Sebagai ahli MUFPP, MBSP boleh mengongsi pengalaman bersama-sama ahli-ahli yang lain terutamanya di *Asia Pacific*. Seberang Perai juga akan menyertai anugerah MUFPP bagi tahun 2023-2024 dan tajuk yang dipilih ialah “*Governance*”. Selain itu, program dan aktiviti sedang dirancang dan dilaksanakan di sekolah, industri dan komuniti. Sehubungan itu rakan-rakan strategik seperti agensi kerajaan, universiti, industri dan pertubuhan sukarela (NGO) dalam memajukan pertanian bandar.

GAMBAR SESI 1ST MUFPP ASIA PACIFIC REGIONAL FORUM ON “IMPROVING CITY FOOD SECURITY AND CREATING WORK THROUGH URBAN FARMING BASED ON CULTURE AND TECHNOLOGY” PADA 3 HINGGA 4 OGOS 2022
DI PRAHYANGAN CATHOLIC UNIVERSITY BANDUNG, INDONESIA



Persidangan Asean Mayors Forum (AMF) 2022 pada 2 hingga 3 Disember 2022 di Phnom Penh, Cambodia



PESERTA

- Noorhanis binti Noordin
Pengarah Bangunan
- TPr. Mohd Ridzal bin Abdul
Pengarah Pelancongan, Seni dan Warisan
- Anis Shazreem binti Azmi
Penolong Pengarah Perancang Bandar



OBJEKTIF

Asean Mayors Forum (AMF) 2022 yang bertemakan ASEAN A.C.T iaitu Menangani Cabaran Bersama: “Memperkuuh Kerjasama ASEAN melalui Mempercepatkan Pelaksanaan Bandar Pintar, Berdaya Tahan, dan Mampan untuk Kehidupan Bandar Transformatif dan Inklusif dalam Normal Baru”.



KESIMPULAN

Asean Mayors Forum (AMF) 2022 menggalakkan kerjasama antara kerajaan tempatan dalam dan rantau ASEAN yang lebih luas, melalui advokasi, pembinaan kapasiti dan latihan, penyelidikan, pengurusan pengetahuan, pembangunan dan pengurusan projek. AMF 2022 dapat mengukuhkan kerjasama di kalangan bandar-bandar ASEAN dan kerajaan tempatan dalam membina bandar pintar, berdaya tahan dan mampan. Memperkuuh perkongsian pengetahuan dan penglibatan dan perbincangan mengenai strategi nasional dan serantau, meningkatkan kesediaan bandar-bandar ASEAN untuk menjadi bandar dan pemangku pemerintahan pintar, digital dan transformatif di rantau dan dunia. Serta menggalakkan pembangunan mampan di kalangan bandar-bandar ASEAN dan kerajaan tempatan untuk mencapai kehidupan bandar yang transformatif dan inklusif di ASEAN. Kewangan mampan untuk bandar dan kerajaan tempatan juga akan diketengahkan.

GAMBAR SESI PERSIDANGAN ASEAN MAYORS FORUM (AMF) 2022 PADA 2 HINGGA 3 DISEMBER 2022 DI PHNOM PENH, COMBODIA





PESERTA

- **Ybhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad**
Datuk Bandar Seberang Perai
- **Puan Shafida Azyanti binti Mohd Shafie**
Penolong Pengarah Kanan Kejuruteraan



OBJEKTIF

Pengangkutan pintar ialah pendekatan yang menggabungkan teknologi moden ke dalam sistem pengangkutan. Ini termasuk pengkomputeran awan, komunikasi tanpa wayar, perkhidmatan berdasarkan lokasi, penglihatan komputer dan alatan lain untuk meningkatkan mobiliti. Sistem pengangkutan pintar di seluruh dunia meningkatkan keselamatan dan kualiti hidup untuk semua orang di kawasan bandar. Menyedari permintaan yang semakin meningkat untuk pengangkutan pintar dengan kemunculan teknologi kenderaan ke kenderaan yang membawa sistem pengangkutan pintar ke bandar yang berbeza di dunia, WeGO mempersembahkan Webinar *Solution Meet Cities* mengenai Pengangkutan Pintar. YBhg. Datuk Bandar telah dijemput untuk memberikan “congratulatory remarks” sempena pelancaran webinar ini.



KESIMPULAN

Webinar ini memberi peluang kepada pegawai untuk bersama-sama meneroka penyelesaian untuk membantu bandar menyelesaikan masalah mobiliti bandar melalui pengangkutan pintar. Selain itu, webinar ini menyediakan ruang terbuka untuk ahli dan rakan kongsi untuk mempromosikan projek dan penyelesaian mereka, mewujudkan peluang untuk kerjasama dalam projek bandar pintar dan mempamerkan kes kejayaan inovasi bandar yang mampan. Bandar ahli WeGO, rakan kongsi korporat dan institusi membentangkan amalan terbaik mereka dalam sektor pengangkutan pintar. Selain itu, perbincangan panel membenarkan pegawai berinteraksi dengan penceramah semasa acara tersebut.

**GAMBAR SESI WEGO INVITATION - SOLUTIONS MEET CITIES WEBINAR ON SMART TRANSPORTATION
PADA 1 SEPTEMBER 2022**





Invitation to Participate in the Third Workshop of 'Deepening Evidence-Based Climate Resilience Planning in Asian Cities' Capacity Building Programme 2022 pada 11 Oktober 2022



PESERTA

- **Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran
- **Encik Mohamad Nizam bin Abu Bakar**
Penolong Pegawai Perancang Bandar
(Jabatan Perkhidmatan Perbandaran)



OBJEKTIF

Bengkel ini adalah siri ketiga dan terakhir yang merangkumi topik tadbir urus dan integrasi dasar berhubung dengan penyesuaian dan daya tahan perubahan iklim di bandar. Ia mengikuti bengkel sebelum ini di mana konsep perancangan penyesuaian iklim mula diperkenalkan bersama beberapa rangka kerja dan alatan yang tersedia yang dilengkapi dengan perkongsian amalan terbaik bandar. Bandar juga diperkenalkan kepada konsep menetapkan matlamat penyesuaian, metrik dan sasaran, penyelesaian berdasarkan alam semula jadi vs teknikal dan campur tangan daya tahan sektor.



KESIMPULAN

Melalui bengkel ini pegawai dapat memahami kepentingan dalam memastikan tadbir urus yang baik dan integrasi dasar apabila membina daya tahan iklim di bandar. Selain itu, dapat berkongsi kehidupan sebenar bandar untuk berkongsi pembelajaran, kejayaan, cabaran serta pengetahuan dan pengalaman bersama rakan sebaya di kalangan bandar yang mengambil bahagian.

GAMBAR SESI INVITATION TO PARTICIPATE IN THE THIRD WORKSHOP OF 'DEEPENING EVIDENCE-BASED CLIMATE RESILIENCE PLANNING IN ASIAN CITIES' CAPACITY BUILDING PROGRAMME 2022 PADA 11 OKTOBER 2022



Programme Objectives



■ Increased understanding of local authorities on setting adaptation goals, developing adaptation actions, and planning.

■ Increased ability of local authorities to prepare climate change adaptation and resilience plans and report on them.

■ Increased knowledge of the significance of climate adaptation and resilience planning, governance, and financing

Climate Change Governance

“ Climate change governance uses institutions to address governance failures, strengthen incentives and build capability for climate action. ”

- World Bank

“ Climate governance refers to the formal and informal rules, structures, processes and systems that define and influence action on climate change. A good climate governance system is integral to the effective implementation of a city's climate action plan (CAP) and to ensuring that the plan is embedded in all city activities and decision-making processes. It is critical that the climate action planning process consider and assess existing governance structures and strengthen those structures to create a supportive environment for implementation. ”

- C40

10 key categories for good climate governance



1. Institutional Arrangement



2. Legal frameworks to support climate action



3. Mainstreaming climate policy



4. Cross-departmental arrangements & action



5. Vertical integration



6. Budgetary mainstreaming



7. External governance



8. Monitoring and transparent reporting



9. Communications & engagement



10. Capacity and resource challenges

Source: https://www.c40knowledgehub.org/s/article/Good-Climate-Governance-in-Practice?language=en_US




LAPORAN TAHUNAN 2022 BAHAGIAN KUALITI JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA



STRUKTUR KUALITI MBSP

MBSP mempunyai jawatankuasa pengurusan kualiti yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar dan dibantu oleh Setiausaha Bandaraya sebagai Pengurus Kualiti MBSP. MBSP mempunyai lapan (8) pensijilan sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, di mana tujuh (7) daripadanya adalah di bawah Standard ISO yang dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd dan satu pensijilan iaitu 5S daripada Perbadanan Produkticiti Malaysia (MPC).

Setiap Jabatan mempunyai seorang Pegawai Kualiti yang dilantik untuk menyelaras semua program di bawah Pensijilan ISO dan seorang Fasilitator untuk menyelaras Zon 5S di kawasan/jabatan masing-masing. MBSP mempunyai Jawatankuasa Induk Sistem Pengurusan Kualiti. Bahagian Kualiti merupakan Sekretariat bagi pengurusan kualiti MBSP. Selain daripada itu, MBSP juga membuat perlantikan Auditor Kualiti Dalaman yang diketuai oleh Ketua Unit Audit Dalam MBSP dan pegawai-pegawai berikut untuk membantu dalam memastikan kelancaran pelaksanaan sistem pengurusan sedia ada:-



DOKUMENTASI KUALITI

Sebagai garis panduan dalam melaksana Sistem Pengurusan seperti ISO dan 5S, Sekretariat Kualiti bersama-sama Pegawai yang dilantik dan jabatan mewujudkan dokumen induk dan prosedur jabatan MBSP mewujudkan Sistem Pengurusan Berintegrasi dimana integrasi adalah dalam aspek pelaksanaan, dokumentasi dan pengauditan. Semua Dokumentasi Kualiti dapat diakses melalui Sistem Pengurusan Kualiti Online seperti di bawah :-





BAHAGIAN ADUAN DAN STRATEGIK

Bahaian aduan dan Strategik diwujudkan di Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa pada bulan September 2017.



UNIT ADUAN

Unit Aduan MBSP menguruskan dan menyelaras semua aduan yang diterima oleh MBSP. Bagi memantapkan lagi pengurusan aduan dan meningkatkan imej korporat, MBSP telah mewujudkan Call Centre MBMBSP pada bulan Januari 2020.

Aktiviti di bawah Unit Aduan MBSP adalah Pengurusan Aduan.

Aduan diterima daripada orang ramai dan agensi kerajaan melalui pelbagai saluran seperti surat, media, fax, e-mel, telefon, internet, mesyuarat, hadir/lisan, i-Tegur dan sistem e-PINTAS. Aduan yang mempunyai maklumat dan lokasi yang lengkap akan diproses dalam tempoh 1 hari. Maklum balas diberi kepada pengadu dalam tempoh 5 hari dari tarikh aduan dibuat jika pengadu memberikan alamat yang lengkap.

Pada 12.12.2021, unit aduan telah melancarkan sistem aduan baru yang dikenali sebagai Sistem E-aduan MBSP. Sistem ini dihasilkan untuk menggantikan dua sistem terdahulu. Sistem ini boleh dilayari di laman web <https://eaduan.mbsp.gov.my/mbsp-eaduan/login>


The screenshot shows the homepage of the E-aduan MBSP system. At the top, there is a logo for 'MBSP PADAN' and three buttons: 'Log masuk' (Login), 'Dafuar Akademik' (Academic Record), and 'Utama' (Home). On the left, there is a 'MENU' section with 'Utama' and 'Rekod Aduan' options. The main content area has a 'Selamat Datang' (Welcome) heading with the text: 'Kami sentiasa disini untuk membantu anda. Anda boleh ajukan sebarang permasalahan disini. Sistem ini secara automatik akan majukan proses tindakan ke pihak berwajib.' Below this is a 'Aduan Baru' button. Another section titled 'Lihat Senarai Aduan Anda' (View Your Complaint List) shows a thumbnail of a document and the text 'Klik butang di bawah untuk melihat senarai aduan anda.' At the bottom, there is a link 'Lihat Rekod Akademik'.



LANDSKAP

CARTA ORGANISASI

JABATAN LANDSKAP





PENGENALAN

Jabatan Landskap mula ditubuhkan pada 1 April 2013 yang merangkumi jumlah kakitangan sediada iaitu seramai 241 orang kakitangan. Pengurusan pembangunan dan penyelenggaraan landskap di Seberang Perai meliputi keseluruhan kawasan tadbir MBSP yang berkeluasan 738.38km persegi. Teras perkhidmatan di Jabatan ini adalah merangkumi pembangunan dan penyelenggaraan landskap kejur (*hardscape*) dan landskap lembut (*softscape*). Selain itu juga, kawasan-kawasan lapang (yang disediakan melalui syarat pembangunan) turut diselenggara oleh Jabatan. Jumlah bilangan yang terlibat adalah sebanyak 1,498 buah kawasan lapang yang merangkumi jumlah keluasan sebanyak 2.28 juta meter persegi.



VISI JABATAN

Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan perancangan pembangunan landskap yang responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.



MISI JABATAN


Menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah kawasan hijau serta mempunyai struktur landskap yang indah dan selamat.



OBJEKTIF JABATAN

Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa serta selamat selaras dengan inisiatif '*Cleaner, Safer and Healthier Penang*'.

- Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap serta pemeliharaan pokok-pokok bagi seluruh Seberang Perai berdasarkan Peruntukan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 1995) (Seksyen 35A-35H Akta 172)
- Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan alam sekitar melalui pelaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan.
- Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan kos efektif.
- Menggalakkan pembangunan industri landskap di Seberang Perai.



FUNGSI JABATAN

- Merancang, merekabentuk dan membangunkan projek-projek landskap taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga Seberang Perai berpandukan kepada Pelan Induk Landskap Majlis.
- Urusetia jawatankuasa perancangan, pembangunan dan pengindahan.
- Mengkaji dan meluluskan permohonan landskap sebelum pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja Dan Pematuhan (CCC).
- Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisyen dan selamat.
- Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok.
- Membangun, menyelenggara, memperbanyakkan dan meningkatkan taman-taman khas bagi tarikan pelancong.
- Menguruskan tapak semai tanaman untuk keperluan jabatan.
- Memberi khidmat nasihat mengenai landskap kepada agensi, sekolah dan NGO.
- Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap yang melibatkan penyertaan orang awam.
- Pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan landskap secara berterusan dan mampan.
- Pengurusan projek landskap 7P's ("People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership")
- Penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak dan taman awam.



PIAGAM PELANGGAN

- Melaksanakan kerja-kerja pangkas 1,000 batang pokok teduhan landskap di Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran setiap bulan.
- Membaiki kerosakan kecil alat permainan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh aduan diterima.



ORGANISASI JABATAN

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 5 unit seperti berikut :

- i. Unit Pengurusan (Bahagian Pentadbiran)
- ii. Unit Kawalan & Perancangan (Bahagian Kemajuan Landskap)
- iii. Unit Pembangunan Projek (Bahagian Kemajuan Landskap)
- iv. Unit Operasi (Bahagian Penyelenggaraan Landskap)
- v. Bahagian Penyelidikan & Pembangunan



UNIT PENGURUSAN

Fungsi Unit Pengurusan adalah :

- Memantau dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran di Jabatan.
- Menguruskan hal-hal berkaitan pelantikan, tata tertib dan perkhidmatan kakitangan.
- Menguruskan hal-hal berkaitan perolehan dan bajet tahunan Jabatan.
- Mengawal selia tugas-tugas kakitangan di pentadbiran.
- Mengurus perancangan dan pembangunan latihan kakitangan.
- Memantau dan menyelia aduan-aduan yang diterima di peringkat Jabatan untuk diselaraskan dengan pegawai-pegawai di lapangan.
- Memastikan maklumat yang diterima daripada pengadu adalah lengkap.
- Mengenalpasti aduan berkenaan adalah di bawah kuasa Jabatan Landskap atau sebaliknya.
- Merekod maklumat aduan yang diterima.
- Mengemaskini maklumbalas yang diterima dari pegawai di lapangan di dalam Sistem Aduan dan member maklumbalas kepada pengadu.

Salah satu fungsi Unit Pengurusan adalah menguruskan aduan-aduan yang diterima di Jabatan. Bermula Januari hingga Disember 2022, sebanyak 5,448 aduan telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 3,087 aduan dijawab dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh aduan diterima.





UNIT KAWALAN & PERANCANGAN

Fungsi Unit Pengurusan adalah :

- Menyelaras permohonan pelan-pelan landskap di seluruh Seberang Perai dalam tempoh 14 hari.
- Memberi ulasan Pelan Kebenaran Merancang melalui osc *online* kepada Unit Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 40 hari.
- Mengawal selia Permohonan Sijil Layak Menduduki dan penyerahan kerja-kerja Landskap yang dilaksanakan oleh pemaju.
- Mengawal selia bagi permohonan penebangan pokok melebihi ukurlilit 0.8 meter yang terlibat untuk setiap pembangunan.

Bermula Januari hingga Disember 2022, jumlah Permohonan Pelan Landskap yang telah diluluskan dalam tempoh 14 hari adalah seperti berikut:

BULAN	DAERAH			JUMLAH
	SPU	SPT	SPS	
JAN	3	3	2	8
FEB	1	1	0	2
MAC	0	1	3	4
APR	1	0	3	4
MEI	2	1	1	4
JUN	1	0	0	1
JUL	0	0	1	1
OGOS	1	1	2	4
SEP	5	2	0	7
OKT	2	5	3	10
NOV	0	2	0	2
DIS	1	1	4	6
JUMLAH KESELURUHAN				53



UNIT PEMBANGUNAN PROJEK

Fungsi Unit Pembangunan Projek adalah :

- Merancang menaiktaraf tapak taman-taman rekreasi awam sedia di bawah selenggaraan Majlis.
- Merancang menaiktaraf taman-taman permainan (tanah lapang) kepada taman rekreasi awam.
- Menjadual perancangan tahunan penyelenggaran taman-taman rekreasi di bawah selenggaraan Majlis.
- Menjadual perancangan tahunan penyelenggaran (tanah lapang) bagi perabot-perabot taman dibawah selenggaraan Majlis.
- Merancang melaksana kerja menaiktaraf landskap lembut dan kejur di tanah lapang dibawah selenggaraan Majlis.
- Merancang melaksana kerja menaiktaraf landskap lembut di rizab-rizab Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan.
- Merancang pelaksanaan pemasangan alat permainan kanak-kanak di atas padang permainan dikawasan selenggaraan Majlis.
- Merancang pelaksanaan pemasangan alat senaman di kawasan tanah lapang / taman rekreasi awam dibawah selenggaraan Majlis.
- Menyediakan dan mengumpulkan data-data kawasan lapang, pokok dan lain-lain.
- Penyediaan sistem inventori pokok.
- Menyedia, memantau dan menyemak semula garis panduan.

Senarai Projek yang dilaksanakan pada tahun 2022 :

1. Kerja-kerja naiktaraf kawasan lapang Jalan Sejahtera 4, Taman Sejahtera, Alma, SPT

Kerja-kerja pembinaan :

- laluan pejalan kaki
- dataran
- bekalan alat permainan dan outdoor gym
- kerusi taman





2. Kawasan lapang Lorong Bakap Indah 6, Taman Bakap Indah, Sungai Jawi, SPS untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Kerja-kerja pembinaan :

- laluan pejalan kaki
- dataran
- kerusi taman





3. Kerja-kerja naiktaraf Taman Rekreasi Taman Bukit Indah, Tingkat Indah 1, SPT

Kerja-kerja pembinaan :

- laluan pejalan kaki



4. Kerja-Kerja Naiktaraf Lanskap Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Kawasan Lapang Jalan Bukit Panchor, Taman Bukit Panchor, Nibong Tebal, SPS untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Kerja-kerja pembinaan :

- laluan pejalan kaki
- kerusi taman



5. Kerja-Kerja Naiktaraf Lanskap Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Kawasan Lapang Lorong Baiduri 11, Taman Kempas, Butterworth, SPU, untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kerja-kerja pembinaan :

- laluan pejalan kaki
- kerusi taman



6. Kerja-kerja menaiktaraf landskap kawasan lapang Lorong Shahbandar 3, Taman Bertam Perdana, Kepala Batas, SPU, Pulau Pinang

Kerja-kerja pembinaan :

- laluan pejalan kaki
- naiktaraf gelanggang sediada
- dataran
- bekalan alat permainan dan *outdoor gym*
- kerusi taman



7. Kerja-Kerja Membina Laluan Pejalan Kaki Dan Lain-Lain Yang Berkaitan Di Kawasan Lapang Lorong Kota Permai 6, Taman Kota Permai, Bukit Mertajam, SPT.

Kerja-kerja pembinaan :

- laluan pejalan kaki





UNIT OPERASI

Fungsi Unit Operasi adalah :

- Menyelia dan urus tadbir tapak semaihan.
- Menyelia dan memantau status aduan-aduan yang diterima berkaitan landskap.
- Menyelia dan memantau kerja penyelenggaraan kawasan landskap serta penyelenggaraan pemangkasan pokok di taman awam, taman-taman perumahan, tanah lapang dan tempat rekreasi agar dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menyelaras dan memantau kerja-kerja susun atur pasu bunga hiasan bagi permohonan sewaan pasu bunga untuk majlis-majlis tertentu.
- Memastikan kenderaan diselenggara mengikut tarikh yang telah ditetapkan dan melaporkan sebarang kerosakan kenderaan kepada Jabatan Kejuruteraan.
- Menyelia kerja-kerja penyelenggaraa pokok di jalan negeri dan jalan bandaran serta merekod laporan penyelenggaraan
- Memantau, memeriksa dan menguatkuasa undang-undang kesalahan penggunaan tanah -tanah lapang milik kerajaan yang diselenggara Majlis oleh orang awam.
- Memantau, memeriksa dan menguatkuasa undang-undang kesalahan penggunaan kawasan awam milik kerajaan yang diselenggara Majlis (rizab jalan).
- Memantau, memeriksa dan menguatkuasa undang-undang kesalahan penggunaan taman rekreasi awam milik kerajaan yang diselenggara Majlis.
- Menyelaras pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di Jabatan Landskap.
- Menyelaras penyediaan dan pelaporan Piagam Pelanggan di Jabatan Landskap.
- Menyediakan laporan perlaksanaan pencapaian objektif dan sasaran Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti di Jabatan Landskap.
- Menyelaras perlaksanaan “*Business Process Reengineering*” (BPR) di Jabatan Landskap.
- Menyelaras daftar MPK dan SOP Jabatan Landskap.
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti melibatkan program-program transformasi/Fokus/ Pelan Strategik.
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan anugerah/ pencalonan/ pertandingan yang disertai oleh Jabatan Landskap.
- Menyelaras hal-hal berkaitan audit dalaman dan luaran di Jabatan Landskap.
- Menyelaras, membentuk dan melaporkan aktiviti/ program/ projek Jabatan Landskap yang melibatkan KPI.
- Menyelaras dan menguruskan hal-hal berkaitan soalan Dewan Undangan Negeri (DUN).
- Menyelaras pelaksanaan Sistem Pengurusan Berintegrasi (IMS) di Jabatan Landskap.
- Menyediakan dan mengumpulkan data-data kawasan lapang (komponen-komponen di atas kawasan lapang), pokok dan lain-lain.
- Menyediakan dan mengumpulkan data-data pokok-pokok teduhan di seluruh Seberang Perai termasuk pelan landskap.
- Menyelaras program berkaitan pendidikan.
- Rancangan mengenai dasar serta cara menjalankan sesuatu program.
- Susunan aturcara dalam sesuatu program dan lain-lain berkaitan.
- Mengatur atau menyusun rancangan, aktiviti dan lain-lain berkaitan.
- Mengumpul gambar-gambar dan maklumat setiap program di jabatan.

- Menerbitkan majalah jabatan mengikut aktiviti-aktiviti yang berlangsung dalam peringkat jabatan.
- Menyediakan kontrak bagi kerja-kerja naiktaraf pengindahan taman-taman rekreasi di bawah selenggaraan Majlis (Projek Khas)
- Menyedia kertas kerja dan senarai kuantiti (Bill of Quantities) bagi setiap kerja-kerja naiktaraf yang telah dirancang.
- Memantau kerja-kerja naiktaraf yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor di tapak bina

Perkhidmatan teras bagi Unit Operasi adalah penyelenggaraan pokok teduhan. Bermula Januari hingga Disember 2022, sebanyak 31,338 batang pokok teduhan yang berisiko telah dipangkas.





PENCAPAIAN TAHUN 2022

GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING (GRPB) CHAMPION AWARD 2020-2021 MBSP
(6 OKTOBER 2022)

Program ini adalah sebagai pendekatan ke arah bagaimana untuk melaksanakan Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) untuk bajet yang lebih efektif, adil dan menyeluruh dalam konteks tadbir urus baik dan kesaksamaan gender. Program ini ditujukan khasnya bagi jabatan/agensi perkhidmatan awam dalam merancang dan melaksanakan GRPB bersama-sama dengan komuniti.



Kawasan pengindahan yang dinaiktaraf ini adalah merupakan rizab parit monsun sediada yang dahulunya kurang diberi perhatian dan terbiar dari aspek kebersihan serta dipenuhi dengan pelbagai bahan binaan/tumbuhan yang ditanam tanpa kebenaran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif kepada komuniti setempat khususnya di Bandar Perda, MBSP telah menjalankan kerja-kerja pengindahan di kawasan ini pada jarak 2.2 kilometer di sepanjang rizab parit monsun tersebut.

Maklumbalas amat baik yang diperolehi untuk projek ini telah diadaptasikan dalam rekabentuk bagi mencapai objektif "Revitalizing Green Corridor: A Radical Intervention Lingkaran Bougainvillea" iaitu:

- i. Meningkatkan 'sense of belonging' di kalangan komuniti setempat.
- ii. Menaiktaraf laluan sepanjang parit monsun yang dahulunya terbiar.
- iii. Menjadikan kawasan ini sebagai salah satu ruang rekreasi yang inklusif kepada pelbagai peringkat masyarakat.
- iv. Mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif.



ANUGERAH NATIONAL SCROLL OF HONOUR AWARD FOR HUMAN SETTLEMENTS 2022 (7 NOVEMBER 2022)

Jabatan Landskap MBSP telah berjaya merangkul tempat kedua dalam Anugerah *National Scroll Of Honour Award For Human Settlements* 2022. Sempena Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia yang berlangsung di Dewan Kristal, KPJK, Putrajaya.

Projek Lingkaran Bougainvillea, Bandar Perda, Bukit Mertajam telah dicalonkan untuk menyertai anugerah ini dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan sehingga berjaya memenangi tempat kedua. Antara kriteria penting untuk mencapai anugerah ini ialah projek yang dihasilkan memberi impak kepada pembangunan kawasan persekitaran tempat tinggal serta menjadi penggerak dalam menangani krisis dan juga merancang masa depan bandar yang inklusif, berdaya tahan dan hijau.




Anugerah ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia kepada YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta diiringi oleh YBrs. LAr Shaqrony bin Md Yusoff @ Jamaludin, Pengarah Jabatan Landskap MBSP serta pegawai-pegawai kanan.

Lingkaran Bougainvillea Bandar Perda adalah projek menaiktaraf rizab parit monsun sediada yang dahulunya kurang diberi perhatian dan terbiar dari aspek kebersihan serta dipenuhi dengan pelbagai bahan binaan/tumbuhan yang ditanam tanpa kebenaran MBSP. Bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif kepada komuniti setempat khususnya di Bandar Perda, MBSP telah menjalankan kerja-kerja pengindahan di kawasan ini pada jarak 2.2 km disepanjang rizab parit monsun tersebut. Projek ini telah mencapai objektifnya iaitu :

- i. Dapat meningkatkan penggunaan kawasan lapang/ruang awam secara optimum dan menyeluruh berterakan kepada pendekatan '*people centric*'.
- ii. Menyediakan persekitaran perbandaran yang lebih kondusif kepada masyarakat setempat selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Seberang Perai yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

Menyumbang kepada sasaran MBSP untuk menjadi sebuah bandaraya rendah karbon dan bandaraya yang pintar menjelang tahun 2022.



ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (KATEGORI BUKAN ICT) & ANUGERAH INOVASI KETUA MENTERI PULAU PINANG (AINKPP) TAHUN 2022 - LINGKARAN BOUGAINVELLA BANDAR PERDA (8 DISEMBER 2022)

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 2022 di Ruang Konkos, KOMTAR. Majlis telah disempurnakan oleh YB. Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang serta turut dihadiri oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor, Mufti Pulau Pinang, YAA Dato' Muhamad Abdul Karim bin Wahab, Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, YBhg. Dato' Ahmad Rizal bin Mohd Hanapiah, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai.

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah berjaya merangkul anugerah khas iaitu Anugerah Inovasi Ketua Menteri Pulau Pinang menerusi projek Lingkaran Bourgainvella (Jabatan Landskap) serta projek yang sama turut berjaya mendapat tempat pertama dalam Kategori Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Bukan ICT).



Lingkaran Bourgainvella Bandar Perda adalah projek menaiktaraf rizab parit monsun sediada yang dahulunya kurang diberi perhatian dan terbiar dari aspek kebersihan serta dipenuhi dengan pelbagai bahan binaan/tumbuhan yang ditanam tanpa kebenaran MBSP. Bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif kepada komuniti setempat khususnya di Bandar Perda, MBSP telah menjalankan kerja-kerja pengindahan di kawasan ini pada jarak 2.2 km disepanjang rizab parit monsun tersebut. Projek ini telah mencapai objektifnya iaitu :

- i. Dapat meningkatkan penggunaan kawasan lapang/ruang awam secara optimum dan menyeluruh berterakan kepada pendekatan '*people centric*'.
- ii. Menyediakan persekitaran perbandaran yang lebih kondusif kepada masyarakat setempat selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Seberang Perai yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.





JABATAN PEMBANGUNAN LESTARI

CARTA ORGANISASI

JABATAN PEMBANGUNAN LESTARI



KETUA UNIT PEMBANGUNAN LESTARI
NORMAIRA BINTI ABDUL RAHMAN
(N48)



PENOLONG PEGAWAI TADBIR
NORSUHAIBAH BINTI HANBAL
(N29)




PEMBANTU TADBIR
NORZI BINTI AZIZ
(N19)



PENGENALAN

Jabatan Butterworth Baharu telah dijenamakan semula kepada Unit Pembangunan Lestari berkuatkuasa 1 Oktober 2022.



FUNGSI

- i. Melaksanakan program / projek untuk *empowering and accelerate* program / projek bersama komuniti berkonsepkan *urban regeneration approach* bagi memungkin kelestarian pembangunan semula bandar-bandar di Seberang Perai selari dengan matlamat Penang 2030 dan *no one will leave behind*.
- ii. Melaksanakan *placemaking exercise* dan *community engagement* bagi pelaksanaan projek fizikal yang melibatkan *urban renewal* dalam merancakkan pembangunan aktiviti / program *Local Economic Development* (LED) yang mampan iaitu *backlane transformation programme* dan *community greening spaces*.
- iii. Menyelaras dan melaksanakan program dan aktiviti berbentuk *education & awareness* bagi pemeliharaan dan pemuliharaan sungai.
- iv. Sekretariat pelaksanaan *Voluntary Local Review (VLR) SDGs City Roadmap* Seberang Perai ke arah Seberang Perai sebagai *SDG Cities*.
- v. Sekretariat pengajuran *Butterworth Fringe Festival*.

SENARAI PROGRAM DI BAWAH UNIT PEMBANGUNAN LESTARI BAGI TAHUN 2022

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Alun Arus 1.0	15 Januari 2022	Padang Pemuda Merdeka, Butterworth
2	Alun Arus 2.0	12 Februari 2022	Padang Pemuda Merdeka, Butterworth
3	Alun Arus 3.0	19 Februari 2022	Padang Pemuda Merdeka, Butterworth
4	Alun Arus 4.0	12 Mac 2022	Padang Pemuda Merdeka, Butterworth
5	Sesi Libat Urus Bersama Peniaga Pasar Awam Jalan Jeti Lama, Butterworth	1 April 2022	Pasar Awam Jalan Jeti Lama, Butterworth
6	Alun Arus 5.0	21 Mei 2022	Padang Pemuda Merdeka, Butterworth
7	Alun Arus 6.0	11 Jun 2022	Padang Pemuda Merdeka, Butterworth
8	<i>Olympic Day Fun Run</i>	19 Jun 2022	Lorong Bagan Luar 1, Butterworth
9	<i>RM 2 Mini Food Festival 2022</i>	26 Ogos 2022	Lorong Bagan Luar 1, Butterworth
10	Teka Silang Kata I ♥ Seberang Perai	7 September 2022 – 14 September 2022	Atas talian
11	<i>Butterworth Fringe Festival 2022</i>	10 & 11 Disember 2022	Padang Pemuda Merdeka, Butterworth

AKTIVITI – AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2022

1. Alun Arus

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA), Think City Sdn. Bhd. dan kendalian Zart Eventive Enterprise telah menganjurkan program Alun Arus (*Community Outreach Program*) yang merupakan program di bawah Projek *Light* iaitu sebuah inisiatif lanjutan daripada program *Art In The City* untuk menghidupkan bandar sekunder dengan seni awam dan acara persembahan. Program ini telah dilaksanakan sebanyak enam (6) kali yang membawa pengisian persembahan yang berbeza bagi setiap penganjuran. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengurus Jawatankuasa Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Negeri Pulau Pinang pada 12 Mac 2022. Maklumat bagi program Alun Arus seperti di bawah :

Program / Tarikh	Persembahan
Alun Arus 1.0 (15 Januari 2022)	<ul style="list-style-type: none">Bacaan Puisi oleh Putera IkhwanTarian Tradisional Kontemporari Cina, Tarian Kipas, Tarian Impikan & Loco Song oleh <i>Infinity Dance Studio</i><i>Instrumental</i> Saksofon oleh FathiTarian Tradisional India oleh ShaaruNyanyian Solo oleh Eishan
Alun Arus 2.0 (12 Februari 2022)	<ul style="list-style-type: none">Puisi Tari oleh Shirley IdrisPersembahan Kumpulan Soul RockersNyanyian Solo oleh Ku HanisNyanyian Solo oleh Naurul ZulaikhaTarian <i>Bollywood</i> oleh Tony Raj & PartnerTarian Klasik India oleh Kalapeedham <i>Fine Arts Butterworth</i>Persembahan Lion Dance
Alun Arus 3.0 (19 Februari 2022)	<ul style="list-style-type: none">Deklamasi Sajak oleh Putri Nuraisyah HumairaNyanyian Solo oleh NurlidaNyanyian Solo oleh HykallNyanyian Solo oleh BaniNyanyian Solo oleh Wan TingTarian Melayu oleh Zart Academy
Alun Arus 4.0 (12 Mac 2022)	<ul style="list-style-type: none">Deklamasi Sajak oleh A'afi Nur Iman<i>Peacock & Pot Dance</i> oleh Kogila Dance GroupPersembahan Angklung & Seruling Solo oleh Cikgu Wan KamilPeragaan Baju Frontliners & Tarian oleh Model Cilik UtaraPersembahan Nyanyian Duet oleh <i>Teowchew Puppet & Opera</i>
Alun Arus 5.0 - Aidilfitri (21 Mei 2022)	<ul style="list-style-type: none">Persembahan Boria oleh Boria OmaraPersembahan Violin oleh Puteri Sofea Umaira & Ung Hui EnTarian Klasik India oleh Kalapeedham <i>Fine Arts Butterworth</i>Deklamasi Sajak oleh Bulya Adnan

Program / Tarikh	Persembahan
Alun Arus 6.0 (11 Jun 2022)	<ul style="list-style-type: none"> • Deklamasi Sajak oleh Nur Dayana Jasmine • Persembahan Tarian oleh Eishan & <i>Infinity Dance Studio</i> • Live Band oleh <i>Heartfield Buskers</i>



2. Sesi Libat Urus Bersama Peniaga Pasar Awam Jalan Jeti Lama, Butterworth

Market Renewal Programme: Pasar Awam Jalan Jeti Lama, Butterworth merupakan projek naik taraf oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai terhadap salah satu pasar awam yang tertua di Seberang Perai. Sesi Libat Urus Bersama Peniaga Pasar Awam Jalan Jeti Lama, Butterworth telah diadakan pada 1 April 2022 di pasar awam tersebut.

Sesi Libat Urus ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumbalas mengenai keperluan-keperluan peniaga di tapak bagi projek naik taraf ini. Sesi ini turut dihadiri oleh wakil ADUN Bagan Dalam, Ahli Majlis kawasan dan peniaga-peniaga pasar awam yang terlibat.



3. Olympic Day Fun Run 2022


Olympic Day Fun Run 2022 merupakan program anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai. Program *Olympic Day Fun Run 2022* telah dilaksanakan pada 19 Jun 2022 bermula jam 7.00 pagi di Lorong Bagan Luar 1, Butterworth. Penganjuran *Olympic Day Fun Run 2022* adalah bersempena sambutan Hari Olimpik Sedunia yang disambut pada 23 Jun setiap tahun.

Seramai 800 orang telah menyertai acara larian santai ini. Pelepasan peserta *Olympic Day Fun Run 2022* telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee, Ahli Mesyuarat (EXCO) Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.



4. Rm2 Mini Food Festival 2022

RM2 Mini Food Festival merupakan *satellite event* bagi *Penang International Food Festival (PIFF) 2022* anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai. Festival ini telah diadakan pada 26 Ogos 2022 bermula dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam di Lorong Bagan Luar 1, Butterworth. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Y.B Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan.





5. Teka Silang Kata I ♥ Seberang Perai

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Pertandingan Teka Silang Kata I ♥ Seberang Perai sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya Tahun 2022. Pertandingan ini telah diadakan bermula dari 7 September 2022 sehingga 14 September 2022. Objektif utama bagi penganjuran pertandingan ini adalah untuk mengasah minda rakyat Malaysia dalam memperkasakan pengetahuan mengenai Seberang Perai selain meningkatkan penggunaan kosa kata secara berterusan.

Pertandingan Teka Silang Kata ini dibuka secara percuma kepada seluruh warganegara Malaysia. Pemilihan slogan yang kreatif juga merupakan salah satu kriteria dalam pemilihan pemenang. Pertandingan ini menawarkan hadiah yang menarik seperti berikut :

HADIAH PERTANDINGAN

Johan	Wang Tunai RM 300.00
Naib Johan	Wang Tunai RM 250.00
Ketiga	Wang Tunai RM 200.00
Saguhati x 2	Wang Tunai RM 100.00

**PERTANDINGAN TEKA SILANG KATA
I ♥ SEBERANG PERAI
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN
HARI BANDARAYA TAHUN 2022**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada warganegara Malaysia bagi semua peringkat umur. Penyertaan adalah PERCUMA. Pertandingan bermula dari 7 September 2022 sehingga 14 September 2022.
- Kategori pertandingan dan hadiah adalah seperti berikut :

HADIAH PERTANDINGAN	
Johan	Wang Tunai RM 300.00
Naib Johan	Wang Tunai RM 250.00
Ketiga	Wang Tunai RM 200.00
Saguhati x 2	Wang Tunai RM 100.00

- Pemenang akan dinilai berdasarkan jawapan yang tepat dan slogan yang menarik. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja. Peserta diberi dua (2) kaedah untuk mengisi jawapan iaitu :

Keadaan 1: Tulisan Tangan

- Muat turun dan cetak template teka silang kata
- Jawab menggunakan HURUF BESAR
- Lengkapkan borang pendaftaran penyertaan
- Semua soalan mestи dijawab dengan lengkap
- Selesai menjawab, ambil gambar / scan teka silang kata berserta jawapan dengan JELAS
- E-mel gambar jawapan yang telah dimuat naik kepada urusetia

Keadaan 2: Menggunakan Adobe Reader atau PDF Editor

- Gunakan Adobe Reader atau PDF Editor untuk mengisi jawapan
- Jawab menggunakan HURUF BESAR
- Lengkapkan borang pendaftaran penyertaan
- Semua soalan mestи dijawab dengan lengkap
- E-mel jawapan yang telah disi menggunakan Adobe Reader atau PDF Editor yang telah dimuat naik kepada urusetia

4. Keputusan juri adalah muktamad dan pengangur berhak memindah syarat-syarat peraturan dari semasa ke semasa.

5. Hantarkan penyertaan dan jawapan lengkap anda ke alamat e-mel butterworthbaru@mbsp.gov.my sebelum atau pada **14 September 2022 sebelas 5.00 petang**. Penyertaan yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan terbatal secara automatik.

6. Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi Unit Butterworth Baharu, Majlis Bandaraya Seberang Perai di talian 04-5497807 atau melalui e-mel butterworthbaru@mbsp.gov.my.

6. Sungai Perai Nature Walk 2022

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran dan kendalian *Oriental Global Event Management* telah menganjurkan *Sungai Perai Nature Walk* selaras dengan *Seberang Perai Corporate Priorities 2022* di bawah Program Pembangunan Lestari. Program yang telah diadakan pada 13 November 2022 ini merupakan penganjuran kali ketiga sejak tahun 2018 kendalian Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan mengekalkan lokasi yang sama iaitu dari Medan Selera Sri Tambang Mee Udang Sungai Dua, SPU hingga ke Jeti Nelayan Kampung Terus, SPT.

Penganjuran program *Sungai Perai Nature Walk* adalah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan memberi pendidikan serta kesedaran terhadap masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan sungai dan memelihara alam semulajadi. Program ini juga merupakan salah satu platform dalam mengetengahkan aktiviti eko-pelancongan di Seberang Perai yang mana Sungai Perai adalah salah satu *landmark* yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan dan tarikan baharu di Seberang Perai.



7. Butterworth Fringe Festival 2022

Butterworth Fringe Festival yang berkonsepkan street art performance merupakan acara tahunan bertaraf antarabangsa yang telah diadakan sejak tahun 2015. *Butterworth Fringe Festival 2022* mempunyai keunikan dengan memfokuskan kepada persembahan-persembahan dan aktiviti-aktiviti berpaksikan kekeluargaan yang mana selari dengan Visi Penang 2030. Pengisian program yang berbentuk gastronomy, kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan merupakan salah satu usaha Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk memangkin ekonomi masyarakat tempatan dalam merancakkan pembangunan semula bandar Butterworth. Selain itu juga, festival ini dapat menggalakkan kemajuan industri pelancongan di Seberang Perai secara khasnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dengan kendalian Pengurusan Acara TLM Event Sdn. Bhd. telah menganjurkan *Butterworth Fringe Festival 2022* di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth pada 10 dan 11 Disember 2022. *Festival* yang berlangsung selama dua hari ini telah menyajikan pelbagai acara dan persembahan yang menarik dan percuma kepada pengunjung yang hadir bermula dari jam 5.00 petang sehingga 11.00 malam.







PESURUHJAYA BANGUNAN

CARTA ORGANISASI

JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN





PENGENALAN

Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran dan pengeluaran Sijil Penubuhan JMB, menyelaras aduan berkaitan bangunan bertingkat dan memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 757 kepada pembeli / pemilik petak skim perumahan berstrata di kawasan Seberang Perai.



FUNGSI JABATAN

- Memastikan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) bagi setiap kawasan pemajuan bertingkat di bawah Akta 757 [Akta Pengurusan Strata].
- Menguruskan pendaftaran dan pengeluaran sijil penubuhan JMB.
- Menangani aduan berkaitan bangunan bertingkat, penubuhan JMB/MC, pertikaian berkenaan akaun pengenggaraan bangunan dan lain-lain.
- Menguatkuaskan undang-undang yang berkaitan, mengikut peruntukan di bawah Akta 757.
- Mengumpul dan menyelaras data-data berkaitan bangunan berstrata untuk kegunaan Jabatan, Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 757 .



UNIT-UNIT DI JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN :

- Unit Pengurusan/Pentadbiran
- Unit Pengurusan/Pentadbiran
- Unit Pengurusan Aduan/Teknikal

Status Badan Pengurusan Strata Di MBSP

Jumlah Data Kawasan Pemajuan Berstrata di MBSP

**1,147 kawasan pemajuan
(91,770 petak)**

SPU = 452 (29,373 petak)
SPT = 594 (48,977 petak)
SPS = 101 (13,420 petak)

Kategori Data Kawasan Pemajuan Berstrata Mengikut Bilangan Petak

**11 Petak dan ke Atas :
545 kaw. pemajuan (89,768 petak)**

SPU = 195 (28,651 petak)
SPT = 288 (47,840 petak)
SPS = 62 (13,277 petak)

**10 Petak dan ke Bawah :
602 kaw. pemajuan (2,002 petak)**

SPU = 257 (722 petak)
SPT = 306 (1,137 petak)
SPS = 39 (143 petak)

Jumlah : (545 + 602) = 1,147 kawasan pemajuan

Status Badan Pengurusan (JMB/MC) Bagi Bilangan 11 Petak & Ke Atas Bagi Kawasan MBSP

**JMB sedia ada (bersijil) :
180**

SPU = 70
SPT = 88
SPS = 22

**MC sedia ada (bersijil) :
292**

SPU = 102
SPT = 158
SPS = 32

**Belum tubuh JMB/MC :
73**

SPU = 23
SPT = 42
SPS = 8

Jumlah : 545 kawasan pemajuan

Status Badan Pengurusan (JMB/MC) Bagi Bilangan 10 Petak & Ke Bawah Bagi Kawasan MBSP

**JMB sedia ada (bersijil) :
1**

SPU = 0
SPT = 1
SPS = 0

**MC sedia ada (bersijil) :
10**

SPU = 2
SPT = 8
SPS = 0

**Belum tubuh JMB/MC :
591**

SPU = 254
SPT = 296
SPS = 41

Jumlah : 602 kawasan pemajuan

Ringkasan Aktiviti

BIL	AKTIVITI	2020	2021	2022
1	Pengeluaran Sijil JMB	9	13	8
2	Menghadiri mesyuarat / taklimat jemputan JMB/MC	10	25	50
3	Menyelaras mesyuarat yang dipengerusikan oleh COB	4	4	6
4	Menangani aduan berkaitan skim berstrata	817	547	487
5	Mengadakan Taklimat /seminar tahunan berkaitan JMB/MC	<p>1. Mengadakan Taklimat /seminar tahunan berkaitan JMB/MC</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan & pengedaran video grafik Strata Kids • Sek Keb Bagan Jermal <p>2. Pertandingan Laman Angkat di Skim Perumahan Berstrata</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan & pengedaran video grafik ke JMB & MC 	<p>1. Program Strata Kids (Kuiz Online Celik Strata 2021)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Siri 1 : Tingkatan 1 - 3 8 Ogos 2021 ● Siri 2 : Tingkatan 4 - 5 22 Ogos 2021 <p>Telah diadakan pada 27 Ogos 2022 bertempat di Dewan Haji Ahmad Badawi, Butterworth.</p>	<p>1. Program "Strata Kids"</p> <p>Pendidikan kesedaran komuniti strata di kalangan pelajar sekolah telah diadakan pada 18 Jun 2022 bertempat di Kondominium Mutiara, Bandar Perda.</p> <p>2. Kursus Induksi Untuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) Dan Perbadanan Pengurusan (MC) Bagi Seluruh Seberang Perai.</p> <p>Telah diadakan pada 27 Ogos 2022 bertempat di Dewan Haji Ahmad Badawi, Butterworth.</p>
6	Sembang Santai	-	<p>3 program telah dijalankan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● 15.06.2021 – Sebang Santai 1.0 ● 24.09.2021 - Sebang Santai 2.0 ● 14.12.2021 - Sebang Santai 3.0 	<p>2 Program telah diadakan :</p> <p>1. Program Sembang Santai 4.0 Bersama Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan secara maya (Zoom) telah diadakan pada 23 Mac 2022.</p>

BIL	AKTIVITI	2020	2021	2022
				<p>2. Program Sembang Santai Bersama Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan secara maya (Zoom) telah digantikan dengan Taklimat Kesedaran Denggi Dan Tanggungjawab Serta Peranan Perbadanan Pengurusan (MC)/ Badan Pengurusan Bersama (JMB) Dan Pengurus Bangunan Di Seluruh Seberang Perai pada 12 November 2022.</p>
7	Operasi Pematuhan SOP (3 Kawasan Pentadbiran MBSP)	-	<p>SPU :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pangsapuri Carissa 2. Pangsapuri Segar Jaya 3. Taman Segar Jaya 4. Taman Segar Jaya (D'Link 1) 5. Taman Segar Jaya (D'Link 2) 6. Pangsapuri Mesra Jaya 7. Pangsapuri Kamelia 8. <i>Woodsbury Suites</i> <p>SPT :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cassa Maya 2. Utopia 3. Villa Oren 4. Betik Manis 5. Eco Meadow 6. Eco bloom <p>SPS :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Villa Raintree I 2. Villa Raintree II 3. Villa Mutiara Indah 4. Villa Mutiara 5. Ultrapolis Utama 6. Pangsapuri Perkhidmatan Suasana 	-



AKTIVITI PESURHJAYA BANGUNAN BAGI TAHUN 2022

PROGRAM SEMBANG SANTAI 4.0



SESI SEMBANG SANTAI 4.0 BERSAMA PENGARAH JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Sejauh Virtual
bersama moderator

Sr ZULHISYAM BIN ABDUL

(PENGARAH JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN)

23 MAC 2022 (RABU) | 8.30 MALAM - 9.30 MALAM



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

PROGRAM STRATA KIDS

MAJLIS PERASMIAN STRATA KIDS 2022



PESERTA PERTANDINGAN MEWARNA



PESERTA PROGRAM STRATA KIDS 2022



KURSUS INDUKSI UNTUK BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JM) DAN PERBADANAN PENGURUSAN (MC) BAGI SELURUH SEBERANG PERAI



MAJLIS PERASMIAKURSUS INDUKSI JMB/MC



MAJLIS PERASMIAKURSUS INDUKSI



PESERTA KURSUS INDUKSI JMB/MC



BERGAMBAR BERSAMA WAKIL DARIPADA PIHAK KPKT

TAKLIMAT KESEDARAN DENGGI DAN TANGGUNGJAWAB SERTA PERANAN PERBADANAN PENGURUSAN (MC)/ BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DAN PENGURUS BANGUNAN DI SELURUH SEBERANG PERAI



KAKITANGAN COB



PESERTA TAKLIMAT DENGGI

MESYUARAT BERSAMA JMB/MC



AGM BERSAMA MANAGEMENT BODY ECO HORIZON



RESIDENSI ECO MEDOW



AGM PPR MAK MANDIN



AGM VILLA BEGONIA


MESYUARAT BERSAMA JMB/MC



LAWATAN TAPAK



LAWATAN TAPAK KE TAMAN IDAMAN, SPS



LAWATAN TAPAK BERSAMA PBA DI TAMAN PERAI JAYA



LAWAT TAPAK KE RESIDENSI PAUH PERMAI



LAWAT TAPAK KE WELLESLEY RESIDENCES



PENGURUSAN KRISIS

CARTA ORGANISASI

JABATAN PENGURUSAN KRISIS

KETUA JABATAN



**MOHAMMAD AIDIL
B. SAMSURI**



SOFIAN B. SHAARI
Pen. Pegawai Tadbir
Kanan (N36)

PENTADBIRAN

S. YOGESWARI
Pembantu Tadbir Kanan
(P/O) N22

Pentadbiran Am
K. KRISMALA DEVI
Pem. Tadbir (P/O)
N22 (KUP)

Perolehan & Aset
RAHMAT ADNAN
Pem. Tadbir
(P/O) N19

Aduan & Kualiti
MUHD HASNUL BONIFACE
Pem. Tadbir (P/O) N19

Fail & Stor
R.S. PATMANATHAN
Pem. Tadbir (P/O) N19

Logistik
SYED ABbas B. SYED ZAIN
Pem. Tadbir (P/O) N19

Pemandu Kenderaan H11
(2)

Pembantu Awam H11
(10)

DEPOH SPU

MOHD SHAIH RIZAL
Pem. Pengurukusa
KP19

AMIRISA AHMAD
Pem. Awam H14

Pemandu Kenderaan H11
(2)

Pembantu Awam H11
(26)

Pemandu Kenderaan H11
(20)

Pembantu Awam H11
(19)

Pembantu Awam H11
(20)

Pembantu Awam H11
(7)

OPERASI

DEPOH SPT

AMERUL NAJIME
Pem. Pengurukusa
KP19

SUGAN RAJ
Pem. Pengurukusa
KP19

MOHD SHAFAKHREE
Pem. Pengurukusa
KP19

AMIR AHMAD
Pem. Awam H14

Pemandu Kenderaan H11
(4)

Pemandu Kenderaan H11
(2)

Pemandu Kenderaan H11
(3)

Pembantu Awam H11
(21)

Pembantu Awam H11
(19)

DEPOH SPS

SYAHROL AZUWAN
Pem. Pengurukusa
KP19

MOHD FITRI MARZUKI
Pem. Pengurukusa
KP19

AMIR AHMAD
Pem. Awam H14

Pemandu Kenderaan H11
(4)

Pemandu Kenderaan H11
(2)

Pembantu Awam H11
(20)

Pembantu Awam H11
(21)



PENDAHULUAN

Jabatan ini memacu sebagai agensi penyelaras bantuan bencana di peringkat MBSP semasa bencana / krisis / Pandemik (tertakluk Arahan MKN No. 20).

Sehingga 31 Disember 2022, Jabatan Pengurusan Krisis mempunyai tenaga modal insan seramai 177 orang yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional, Sokongan 1 & 2 termasuk Penguatkuasaan serta Wira-Wira Oren yang menyumbang kepada prestasi jabatan secara keseluruhan.



FUNGSI JABATAN

- Bertindak sebagai Sekretariat untuk urusan berkaitan Jawatankuasa / *Task Force Pengurusan Bencana* di Seberang Perai.
- Menyediakan Depoh Utama dan depoh-depoh cawangan/ daerah di sekitar jajahan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang mampu dimobilisasi 24 jam untuk bertindak semasa kecemasan/ krisis/bencana serta bantuan rutin.
- Menjalankan siasatan dan mengatur tindakan terhadap aduan, khususnya aduan kecemasan yang memerlukan tindakan segera.
- Menyediakan perkhidmatan bantuan kepada jabatan / agensi luaran berdasarkan keperluan semasa bencana, pasca bencana serta sewaktu pemulihan bencana (banjir / wabak dll.)
- Memantau lokasi-lokasi *hotspot* banjir di sekitar Seberang Perai serta bekerjasama dengan jabatan-jabatan dalaman MBSP /Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri P. Pinang (tertakluk arahan).



PIAGAM PELANGGAN

Memberikan respon yang pantas atas sebarang kejadian bencana / kecemasan / krisis.

Satu (1) jam tempoh masa untuk merencanakan tindakbalas terhadap kejadian krisis / bencana / kecemasan seperti berikut :

- i. Pokok tumbang menghalang lalulintas
- ii. Tiang Lampu Jalan tumbang menghalang lalulintas
- iii. Tumpahan pasir, batu, simen, minyak dan lain-lain yang menghalang lalulintas
- iv. Banjir kilat disebabkan oleh sistem saliran tersumbat.



SEJARAH

1997	-	Penubuhan Unit Skuad Khas	
2001	-	Pemenang Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (peringkat Kebangsaan) : Kenderaan MPV	
2018	-	Dinaik taraf /penjenamaan ke Jabatan Pengurusan Krisis	
<hr/>			
JAN	-	Misi Pasca Banjir Vol. 2 di Selangor & Pahang Misi Pasca Banjir Vol. 3 di Pahang Program CERT Bersama KADUN Bagan Jermal & PYDC Bantuan sokongan (Bomba): bencana kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung, SPS (hingga awal Feb 2022)	  
MAC	-	Program Penyerahan Sumbangan kepada Mangsa Banjir di Kelantan & Trengganu	
JUL	-	Program CERT Bersama MPKK Taman Siakap Misi Pasca Banjir di Baling, Kedah	
SEPT	-	Ops Mencantas Pokok Bersepadu di sepanjang Jalan Bukit Lengkok, SPT	
NOV	-	Mesyuarat Khas Bencana Banjir (antara agensi) Rekod pokok tumbang paling tinggi bagi tahun 2022 ; akibat ribut, angin kencang, hujan	



4 ASPEK UTAMA PENGURUSAN BENCANA

- Pencegahan (*prevention*)
- Kesiapsiagaan (*preparedness*)
- Tindak Balas (*response*)
- Pemulihan (*recovery*)



MISI BANTUAN PASCA BENCANA BANJIR MBSP

Program ini telah dilancarkan pada 23 Disember 2021 dan berterusan sehingga Januari 2022. Taburan hujan yang sangat tinggi serta fenomena air pasang besar telah menyebabkan banyak kawasan di negeri Selangor Darul Ehsan dilanda banjir buruk. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil keputusan untuk mengerakkan misi bantuan bencana melalui kedua-dua PBT iaitu MBPP dan MBSP bagi meringankan beban yang dihadapi oleh sahabat-sahabat di Negeri Selangor.

Misi Pertama (Vol. 1) yang dilengkapi dengan pelbagai aset peralatan / kenderaan kecemasan serta modal insan dari semua kumpulan, khususnya wira-wira oren telah melaksanakan amanah dengan cemerlang sehinggalah Misi Kedua (Vol. 2) dan Misi Ketiga (Vol. 3) telah dilancarkan ke Negeri Pahang Darul Makmur pada bulan Januari 2022. Pada bulan Julai 2022, satu lagi Misi Pasca Banjir telah dimobilisasi ke daerah Kupang, Kedah Darul Aman apabila kawasan itu dilanda banjir besar.





AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2022

Sentiasa siapsiaga menghadapi bencana yang tidak mengenal masa... itulah Wira Oren Jabatan Pengurusan Krisis yang terus bersedia 24 jam menabur bakti khidmat, walaupun semasa ribut petir, banjir dll.

Aktiviti	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Pembersihan Am	31	12	18	23	51	35	31	32	38	55	62	37	425
Pengangkutan	33	9	10	8	28	15	20	16	19	24	22	19	223
Parit	33	5	6	4	2	11	7	6	7	9	15	10	84
Tandas Bergerak	13	9	6	8	4	1	0	1	2	7	1	4	56
Gotong-Royong	3	5	5	0	0	3	3	2	0	3	1	6	31
Mencantas pokok	66	81	40	80	73	132	92	143	128	118	119	139	1211
Kecemasan**	56	106	177	220	53	60	79	58	69	117	154	55	1204
Kompleks/Pasar	6	11	4	5	5	1	7	8	6	6	4	4	67
Program Membasmi Denggi (Bantuan)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1
Bantuan Bencana	122	114	123	61	28	0	4	0	0	0	0	0	452
Lain-Lain *	7	6	18	4	5	37	26	11	25	23	31	15	207
Jumlah	339	358	407	412	249	295	3961						

Nota:

* **Lain-Lain** : terdiri daripada aktiviti bantuan operasi Direktorat Penguatkuasaan, bantuan bekalan air, bantuan kepada lain-lain agensi kerajaan / organisasi (tertakluk arahan).

Operasi Disinfeksi / Nyah kuman di Pasar Awam / Kompleks Makanan dan fasiliti awam lain selepas tamat PKP atau sepanjang PKPB/PPN COVID-19 (peringkat pemulihian) ditamatkan pada akhir bulan Mei 2022.

** **Kecemasan**: terdiri daripada pelbagai keadaan yang merbahaya atau berpotensi mencetuskan impak negatif terhadap alam sekitar dan warga Seberang Perai, contohnya - pokok tumbang menghalang jalan/ tiang lampu tumbang, halangan di parit atau saliran yang mengakibatkan banjir kilat, kebakaran, letupan, tumpahan atas jalan dsb.



3 foto di atas memaparkan keadaan sewaktu operasi memotong pokok tumbang serta pembersihan sisa yang terpaksa dilaksanakan dengan kadar segera walaupun pada **waktu malam**.


- Purata pokok tumbang yang diuruskan oleh Jab. Pengurusan Krisis (2022) adalah : **3 - 5 POKOK TUMBANG setiap hari** di sekitar kawasan jajahan MBSP.



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KOMUNITI

CARTA ORGANISASI

BAHAGIAN KESELAMATAN & KOMUNITI





PENGENALAN

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah membuat '*institutional reform*' dengan menubuhkan Bahagian Keselamatan dan Komuniti (BKK) yang dinaik taraf menjadi bahagian berasingan, tugas dan tanggungjawab pasukan polis bantuan MBSP menjadi lebih besar. Bahagian Keselamatan dan Komuniti MBSP ditubuhkan bagi membentuk sebuah pasukan keselamatan profesional dengan mengambil kira aspek bidang kuasa, pengalaman dan kecekapan yang bertanggungjawab mengekalkan keamanan dan keselamatan komuniti Seberang Perai serta memastikan kepatuhan kepada undang-undang berada di tahap optimum.



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KOMUNITI BERTUJUAN UNTUK :

1. Mengawal keselamatan di Mahkamah Majistret (Munisipal) MBSP
2. Melaksanakan serahan saman dan waran tangkap
3. Menjaga dan mengawasi harta, aset dan hasil MBSP daripada diceroboh, hilang atau rosak
4. Mengawal selia ketenteraman dan keselamatan semasa jabatan-jabatan lain dan kawalan majlis-majlis rasmi anjuran MBSP dan juga Kerajaan Negeri
5. Keselamatan komuniti
6. Rondaan Bit ke atas kawasan-kawasan yang telah digazetkan oleh MBSP
7. Pengawasan kamera litar tertutup (CCTV)
8. Kawalan keselamatan di Menara MBSP, Bandar Perda
9. Kawalan dan pemeriksaan di "Free Industrial Zone" (FIZ), Perai



FUNGSI SEKSYEN PENTADBIRAN :

- Menyelaras hal ehwal pentadbiran Bahagian Keselamatan dan Komuniti
- Menyelaras maklum balas mesyuarat dalaman dan luaran dan memantau fail-fail mesyuarat
- Menyelaras dokumen / surat yang diterima daripada Pejabat Datuk Bandar / Tuan Setiausaha Bandaraya
- Mengurus peruntukan, perbelanjaan, vot bersama YDP / SUP serta perolehan Bahagian Keselamatan Dan Komuniti
- Mengurus hal ehwal kakitangan dan tatatertib serta pentadbiran am Bahagian Keselamatan Dan Komuniti
- Mengurus aset yang didaftarkan atas nama Bahagian Keselamatan dan Komuniti
- Menyelaras pelaksanaan sistem pengurusan berteraskan kualiti jabatan
- Menyelaras penyediaan dan pelaporan Sasaran Kerja Tahunan



FUNGSI SEKSYEN PELAKSANAAN / KOORDINASI:

- Menentukan dan mengatur tugasanggota dilaksanakan mengikut jadual
- Menentukan kawalan keselamatan, operasi dan bantuan jabatan dalam mencukupi dan dapat dilaksanakan
- Memantau kehadiran dan disiplin anggota Bahagian Keselamatan dan Komuniti
- Menentukan kenderaan dalam keadaan baik dan siap sedia digunakan
- Menyelaras aduan jabatan



FUNGSI SEKSYEN KAWALAN CCTV :

- Menerima surat - menyurat dari pihak pentadbiran dan sebarang arahan pihak atasandan pentadbiran.
- Memantau dan mengawas lokasi pemantauan CCTV yang melibatkan tempat tumpuan awam seperti pusat perniagaan dan komersil, bank, pejabat agensi kerajaan
- Membuat hebahan suara melalui kawalan pusat CCTV mengikut keperluan semasa.
- Membuat rekod penyelenggaraan harian keadaan CCTV dan melaporkan sebarang kerosakan ke jabatan kejuruteraan MBSP dan pihak kontraktor.
- Memantau, mengawas, menyedia dan menyelia rekod dan statistik laporan kompaun, keselamatan awam, kemalangan, aduan dan lain-lain yang berkaitan dengan Unit Kawalan CCTV.
- Memastikan Bilik Kawalan CCTV dan peralatan di dalamnya berkeadaan baik serta sedia untuk digunakan.
- Memastikan kebenaran masuk Bilik CCTV mendapat kebenaran Datuk Bandar MBSP, Setiausaha MBSP, Pegawai FOI Jabatan Undang-undang atau Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti MBSP.



FUNGSI SUB-SEKSYEN TUGAS AM :

- Melaksanakan kawalan keselamatan Prosiding Mahkamah Minisipal
- Kawalan keselamatan program rasmi MBSP dan Kerajaan Negeri
- Siasatan aduan
- Kawalan keselamatan operasi jabatan dalam MBSP
- Pemantauan pembuangan sampah haram
- Pemantauan dan rondaan di kawasan Hotspot



FUNGSI SUB-SEKSYEN SAMAN / WARAN TANGKAP :

- Menerima saman dan waran tangkap dari Jabatan Undang-Undang
- Merekod penerimaan dan penyerahan saman / waran tangkap dalam Sistem Smart BKK
- Melaksanakan penyerahan saman dan sapina
- Melaksanakan waran tangkap
- Menyediakan laporan bulanan saman / waran tangkap



FUNGSI SUB-SEKSYEN KAWALAN MENARA :

- Melaksanakan kawalan Pejabat Datuk Bandar / Setiausaha Bandaraya
- Melaksanakan kawalan di lobi / kaunter, Pos 1 dan Pos 2, Menara Bandaraya
- Pemantauan dan rondaan berkala di petak pakir kakitangan dan orang awam
- Rondaan berkala di *upcycle park, eco corridor* dan kolam ikan



FUNGSI SUB-SEKSYEN KAWASAN PERINDUSTRIAN BEBAS (FIZ) :

- Melaksanakan kawalan keselamatan Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ)
- Mengeluarkan pas masuk Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ)
- Memproses permit menjalankan aktiviti di Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ)
- Penguatkuasaan kunci tayar



PENCAPAIAN TAHUN 2022


A. Latihan Asas Polis Bantuan dan Pegawai Keselamatan Baru Siri 1/2022

Latihan Asas Polis Bantuan dan Pengawal Keselamatan Baru telah diadakan dari 01 Jun 2022 sehingga 30 Jun 2022. Seramai (14) anggota baru telah terlibat dalam sesi latihan yang diadakan di Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek. Latihan ini diberikan oleh jurulatih bertauliah dari Bahagian Keselamatan dan Komuniti. Tujuan latihan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal kepada anggota baru mengenai fungsi dan peranan Bahagian Keselamatan dan Komuniti serta memupuk disiplin dalam melakukan penugasan harian. Antara latihan yang telah diberikan kepada anggota baru adalah seperti latihan kawad, latihan asas Tempur Tanpa Senjata, latihan Jasmani, SENTRI, OJT dan FITIK.



B. Pembangunan Sistem Serahan Saman (SMARTBKK)

Pembangunan Sistem Smart BKK untuk merekodkan status penyerahan saman dan waran tangkap. Sistem ini digunakan oleh anggota Sub-Seksyen Serahan Saman untuk melancarkan prosedur penyerahan. Sistem ini juga digunakan untuk membuat pemantauan penyerahan secara bulanan.





C. Penglibatan BKK dalam Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (AIKNPP)

Bahagian Keselamatan dan Komuniti telah memenangi tempat ke - 3 dalam Kategori ICT Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2022 iaitu melalui Sistem E-Clocking BKK. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pertama untuk menggunakan cara penugasan kunci jam menggunakan aplikasi. Oleh yang demikian, sistem kawalan di MBSP adalah lebih terjamin dan efisien sejajar dengan peredaran teknologi semasa. Sistem e-clocking BKK menjadikan penugasan anggota Bahagian Keselamatan dan Komuniti menjadi lebih cekap, cepat dan mudah serta dapat melancarkan kawalan keselamatan di Menara MBSP dan Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ).



D. Kunjungan hormat Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti MBSP bersama Polis Bantuan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)

Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti ASP Amirul Ariff bin Abdul Rahman telah melakukan kunjungan hormat ke Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 04 Ogos 2023. Kunjungan hormat bermula dengan sesi pembentangan slide oleh Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti mengenai penubuhan Bahagian Keselamatan dan Komuniti, fungsi bahagian, punca kuasa dan skop tugas kepada pihak MBJB. Antara perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan pengurusan Polis Bantuan, permohonan cadangan penambahan anggota dan pegawai serta hal ehwal persenjataan. MBJB memohon beberapa pandangan daripada Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti ke arah mewujudkan bahagian keselamatan khas bagi mengabungkan Polis Bantuan dan anggota keselamatan menjadi satu bahagian berasingan daripada bahagian penguatkuasaan. MBJB juga memohon pandangan dalam cadangan meluaskan fungsi Polis Bantuan MBJB seperti kawalan menara, kawalan cctv, & rondaan bit.



E. Sesi Taklimat Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti MBSP bersama Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)

Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti ASP Amirul Ariff bin Abdul Rahman telah dijemput oleh pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) pada 04 Ogos 2022 untuk memberi taklimat mengenai penubuhan Bahagian Keselamatan dan Komuniti, fungsi bahagian, punca kuasa dan skop tugas kepada pihak MBPG. MBPG memohon beberapa pandangan daripada Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti dalam proses permohonan mendapatkan kuasa Polis Bantuan berikutan naik taraf kepada Bandaraya dan berpendapat keperluan untuk mewujudkan Polis Bantuan di MBPG. MBPG turut mendapatkan beberapa maklumat daripada Ketua Bahagian Keselamatan Komuniti berkenaan tatacara bagi cadangan penubuhan Polis Bantuan MBPG.



F. Lawatan Sambil Belajar ke Invest Melaka Berhad, Ayer Keroh, Melaka

Bahagian Keselamatan dan Komuniti membuat lawatan ke Invest Melaka Berhad pada 19 Oktober 2022 untuk mempelajari cara pelaksanaan pihak Invest Melaka sebagai pihak berkuasa zon di kawasan tersebut untuk dijadikan penanda arasan di Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ), Perai. Lawatan bermula dengan sesi suai kenal antara pihak Invest Melaka Berhad dan MBSP. Seterusnya sesi pembentangan oleh Encik Amirul Asyraf bin Ishak mengenai cara kerja dan sistem pelaksanaan yang digunakan oleh pihak Invest Melaka Berhad. Selepas pembentangan, diteruskan dengan sesi soal jawab bersama YBhg. Datuk Hj. Ramli bin Mohd Ali-Ketua Pegawai Eksekutif Invest Melaka Berhad. Pihak vendor yang membangunkan sistem di Invest Melaka juga telah membuat pembentangan mengenai cara pelaksanaan sistem yang digunakan oleh pihak Invest Melaka.



G. Lawatan Sambil Belajar ke Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Port Klang, Selangor

Bahagian Keselamatan dan Komuniti membuat lawatan ke Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) pada 20 Oktober 2022 untuk mempelajari cara pelaksanaan pihak PKFZ sebagai pihak berkuasa zon di kawasan tersebut untuk dijadikan penanda arasan di Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ), Perai. Lawatan bermula dengan sesi suai kenal antara pihak Port Klang Free Zone (PKFZ) dan MBSP. Seterusnya sesi pembentangan oleh Encik Ariff Rihani bin Badruddin mengenai pengenalan cara kerja dan peranan Port Klang Free Zone (PKFZ) di kawasan. Pembentangan seterusnya oleh Encik Abdul Sharil Shariff mengenai sistem online yang digunakan di PKFZ. Selepas pembentangan, lawatan tapak ke pos kawalan dan pintu keluar masuk kawasan telah diadakan. Insp Nizam sebagai Ketua Keselamatan di PKFZ telah mengiringi sesi lawatan tapak ini.





LAPORAN JABATAN- BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KOMUNITI

Laporan Tahunan Pemantauan CCTV - Seksyen Kawalan CCTV

	LALULINTAS						SAMPAH	SMART CCTV System				HALANGAN				PENJAJA			IKLAN			ANJING LIAR			PEDESTRIAN CROSSING			JUMLAH KES YANG DIKESAN	JUMLAH KES DISELESAIKAN	JUMLAH KES DALAM TINDAKAN PENGUATKUSAAN			
	LALULINTAS PERINTAH LETAK KERETA			SALAH GUNA PETAK OKU				HALANGAN/LALULINTAS		SAMPAH		HALANGAN (siarkaki & laluan awam)		HALANGAN (lanskap)		PENJAJA		IKLAN		ANJING LIAR		PEDESTRIAN CROSSING											
	KESAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN	KESAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN		KESAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN	KESAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN	KESAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN	KESAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN	KESAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN	KESAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN								
JANUARI	0	0	0	91	91	0	0	2	2	0	4	4	0	1	1	0	0	0	0	0	1	1	0	1	1	0	103	103	0				
FEBUARI	0	0	0	81	81	0	7	7	0	4	4	0	1	1	0	0	0	0	0	0	2	2	0	2	2	0	98	98	0				
MAC	0	0	0	84	84	0	8	8	0	4	4	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2	2	0	1	1	0	2	2	0				
APRIL	0	0	0	109	109	0	1	1	0	3	3	0	1	1	0	0	0	0	1	0	1	1	0	1	1	0	119	119	1				
MEI	12	12	0	119	119	0	2	2	0	4	4	0	1	1	0	0	0	0	0	2	2	0	2	2	0	1	1	0	144	144	0		
JUN	15	15	0	132	132	0	2	2	0	4	4	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	1	0	2	2	0	160	159	1				
JULAI	0	0	0	119	119	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	7	7	0	1	1	0	2	2	0	130	130	0		
Ogos	8	8	0	112	112	0	0	0	0	3	3	0	0	0	0	0	0	0	3	0	3	4	4	0	1	1	0	136	133	1			
SEPTEMBER	30	30	0	87	87	0	1	1	0	4	4	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	3	3	0	2	2	0	130	130	3			
OKTOBER	33	33	0	95	95	0	1	1	0	4	4	0	0	0	0	0	0	0	2	0	2	3	3	0	2	2	0	142	140	0			
NOVEMBER	14	14	0	115	115	0	0	0	0	6	6	0	2	2	0	0	0	0	1	0	1	1	0	0	0	0	6	0	146	145	2		
DISEMBER	79	79	0	48	48	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	2	2	0	4	4	0	135	135	1
JUMLAH																										1547	1537	10					

Laporan Tahunan Serahan Saman dan Waran Tangkap - Sub Seksyen Saman / Waran Tangkap



BULAN	JUMLAH
JAN	505
FEB	339
MAC	229
APRIL	518
MEI	262
JUN	293
JULAI	242
OGOS	457
SEPT	554
OKT	843
NOV	504
DIS	1003
JUMLAH KESELURUHAN	5749



DITERIMA	5715
SELESAI	5249
TIDAK SELESAI	466



BULAN	JUMLAH
JAN	31
FEB	26
MAC	32
APRIL	74
MEI	46
JUN	51
JULAI	61
OGOS	59
SEPT	76
OKT	140
NOV	134
DIS	140
JUMLAH KESELURUHAN	870



Laporan Tahunan Serahan Saman dan Waran Tangkap - Sub Seksyen Saman / Waran Tangkap


BULAN / TAHUN 2022	ZON PERINDUSTRIAN BEBAS (FIZ)											
	PERKARA											
	PAS PELAWAT YANG DIKELUARKAN		JUMLAH PELEPASAN KELUAR KENDERAAN		PENGELUARAN PERMIT / SURAT KEBENARAN					KUNCI TAYAR		OPERASI SEKATAN JALAN RAYA
BILANGAN	JUMLAH (RM)	BARANGAN TERPAKAI	SAMPAH SARAP	BARANGAN TERPAKAI	SAMPAH SARAP	SELENGGARA BANGUNAN / KERJA TANAH	MESIN / EQUIPMENT	BILANGAN	JUMLAH (RM)	JUMLAH OPERASI	JUMLAH PENAHANAN KENDERAAN TANPA PAS	
JANUARI	54	54	362	242	15	4		0	0	1	7	
FEBUARI	58	58	342	238	5	0		1	50	1	11	
MAC	38	38	504	324	8	0		18	900	1	25	
APRIL	64	64	599	359	6	2	1	7	1	50	1	32 (13 Kompaun & 8 Notis)
MEI	44	44	522	316	15	3	3	2	0	0	1	
JUN	31	31	616	436	6	2	0	3	19	1000	1	15 (3 Kompaun & 2 Notis JAS)
JULAI	61	61	557	375	5	2	1	2	0	0	3	47 (2 Kompaun Kastam)
OGOS	43	43	636	373	5	2	1	1	0	0	1	32 Tanpa Pas / 3 Kompaun Kastam / 8 Kompaun & 11 Notis (JAS)
SEPTEMBER	152	152	899	428	11	6	3	10	46(K), 1(L)	2400	2	5 Kenderaan tiada Pas Masuk Zon
OKTOBER	147	147	546	328	11	12	3	5	4	200	1	42 Tiada Pas/4 notis/5 Kompaun MBSP, 10 Kompaun JAS, 4 Amaran Kastam
NOVEMBER	115	115	381	332	29	8	2	2	20	1050	1	70 Tiada Pas/4 T. tempoh/ 4 Notis JAS
DISEMBER	202	202	484	404	23	11	3	4	23	1150	1	59 Tiada Pas/ 1 T.tempoh/ 3 Kompaun / Notis 1
JUMLAH	1,009	RM1,009.00	6,448	4,155	139	52	17	36	133	RM6,800.00	15	360 (Tiada Pas Masuk)



UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

CARTA ORGANISASI

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)






PENGENALAN

Unit Pusat Setempat (OSC) di Majlis Bandaraya Seberang Perai ditubuhkan bagi mempertingkatkan sistem penyampaian prosedur dan proses permohonan pemajuan dengan menerima, menyemak, memproses, mengedar dan memantau permohonan-permohonan pemajuan yang dikemukakan kepada PBT diselesaikan dalam tempoh piagam oleh KPKT. Permohonan pemajuan terdiri daripada:-


- a. Permohonan Serentak (Pelan Kebenaran Merancang, Ubahsyarat dan Pecah Sempadan (124A, KTN), Penyerahan dan Pemberimilikan Semula (204D, KTN), Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan);
- b. Kebenaran Merancang;
- c. Permohonan Pelan Kejuruteraan;
- d. Permohonan Pelan Bangunan;
- e. Permohonan CCC dan lain-lain yang berkaitan.



FUNGSI JABATAN

Fungsi Unit Pusat Setempat adalah:

- Memberi khidmat nasihat kepada Pemohon/PSP berkaitan tatacara mengemukakan permohonan bagi memastikan permohonan yang diterima adalah lengkap;
- Meneliti permohonan yang diterima memenuhi kehendak asas atau senarai semak yang ditetapkan;
- Menerima dan menyemak permohonan pembangunan tanah, kebenaran merancang, pelan kejuruteraan, pelan bangunan dan pelan-pelan lain yang berkaitan daripada pemohon melalui Sistem OSC 3.0 Plus;
- Menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan dan permohonan-permohonan lain yang diterima;
- Memastikan pengurusan proses pemajuan mematuhi prosedur dan peraturan sebagaimana ketetapan undang-undang;
- Membuat edaran permohonan cadangan pemajuan kepada agensi/ jabatan teknikal berkenaan untuk diproses bagi pengeluaran ulasan teknikal;
- Memaklumkan kepada Jawatankuasa OSC mengenai permohonan yang telah diterima dan mendapatkan maklumbalas lanjut daripada agensi teknikal sekiranya terdapat isu dan masalah;
- Mengumpul dan menyelaras kertas perakuan yang disediakan oleh Jabatan dan memperaku untuk diangkat Ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC;
- Menetapkan tarikh mesyuarat dan memastikan ianya diadakan minimum dua (2) kali sebulan dan menyediakan minit mesyuarat dan maklumbalas untuk edaran;
- Mengendarai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk dimaklumkan ke Mesyuarat Majlis Penuh PBT; dan
- Mengendarai keputusan rasmi kepada pemohon, pembantah dan jabatan/agensi teknikal.



STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

Untuk melaksanakan fungsi unit dengan lancar, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada tiga (3) struktur iaitu :

- Unit Teknikal (merangkumi Daerah SPU, SPT dan SPS)
- Unit Pemantauan
- Unit Pentadbiran

i. Unit Teknikal

Unit Teknikal dibahagikan mengikut daerah di Seberang Perai iaitu SPU, SPT dan SPS. Setiap daerah mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang sama dalam menerima, memproses, mengedar dan merekod permohonan pelan pemajuan yang dikemukakan di kawasan daerahnya. Perincian fungsi Unit teknikal adalah seperti berikut:

- Menerima, memproses, mengedar dan merekod permohonan pelan pemajuan bagi pertimbangan Jawatankuasa OSC melalui Sistem OSC 3.0 Plus bagi Pelan Serentak, Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Pelan Landskap dan lain-lain pelan pemajuan yang berkaitan.
- Meneliti permohonan yang diterima memenuhi kehendak asas atau senarai semak yang ditetapkan.
- Membuat edaran permohonan cadangan pemajuan kepada agensi/jabatan teknikal berkenaan untuk diproses bagi pengeluaran ulasan teknikal.
- Mengurusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC dua (2) kali sebulan.
- Menyediakan laporan secara berkala bagi status permohonan pelan pemajuan untuk pemakluman kepada Jawatankuasa OSC dan Majlis Penuh.
- Mengemaskini data bagi setiap permohonan pelan pemajuan dan direkodkan di dalam Portal OSC secara berkala.
- Merekod penerimaan ulasan-ulasan teknikal di dalam kertas maklumat secara berkala bagi tiga (3) daerah SPT, SPU dan SPS.
- Memastikan rekod penerimaan dan pengedaran Notifikasi Mula Kerja/Penyambungan Kerja (Borang B) dan Pendepositran CCC (Borang F) bagi semua jenis permohonan yang diluluskan.
- Memberi khidmat nasihat kepada Pemohon/PSP berkaitan tatacara mengemukakan permohonan bagi memastikan permohonan yang diterima adalah lengkap.

ii. Unit Pemantauan

Unit Pemantauan menjalankan tugasan seperti :

- Menerima, mengedar dan merekod ulasan-ulasan teknikal bagi setiap permohonan pelan yang diterima mengikut daerah di Seberang Perai di dalam fail dan Portal OSC.
- Membantu mengurus kerja-kerja Mesyuarat Jawatankuasa OSC pada setiap bulan;
- Membantu Unit Teknikal dalam menguruskan surat, fail dan urusan-urusan lain yang berkaitan;
- Bertanggungjawab dalam merekod ulasan teknikal daripada Agensi Teknikal Dalaman (ATD) dan Agensi Teknikal Luaran (ATL) ke dalam Portal OSC;
- Mengemaskini ulasan-ulasan permohonan ke dalam 'Archfile' bagi kertas maklumat mesyuarat;
- Menyelaras status permohonan pelan pemajuan yang diterima secara manual untuk direkodkan ke dalam 'Arch File';
- Menyelaras panggilan telefon kepada pegawai/kakitangan berkaitan teknikal projek mengikut daerah dan mukim.

iii. Unit Pentadbiran

Unit Pentadbiran menjalankan tugasan seperti :

- Menerima surat-surat di kaunter OSC daripada Jabatan Dalaman dan luaran;
- Memantau Sistem E-surat dan Emel Unit OSC;
- Mengurus fail-fail peribadi, fail-fail pejabat dan surat-menjurat;
- Merekod surat yang diterima dan membuat edaran kepada pihak terlibat;
- Mengurus rekod kehadiran/cuti rehat/cuti sakit/cuti kecemasan semua kakitangan;
- Menyelaras dan melaksanakan semua urusan kewangan, ruang kerja, dan peralatan/stok pejabat.



AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2022



MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Jawatankuasa OSC dipengerusikan oleh Datuk Bandar dan bermesyuarat sebanyak dua (2) kali sebulan. Mesyuarat ini dilaksanakan bagi menimbang dan membuat keputusan muktamad terhadap permohonan kebenaran merancang, pelan kejuruteraan, pelan bangunan, pelan landskap dan pelan-pelan lain yang berkaitan. Berikut merupakan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang dilaksanakan sepanjang tahun 2022 iaitu sebanyak 24 kali setahun.

Bil	Tajuk Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
1	Mesyuarat JK OSC Bil.1/2022	13-01-2022
2	Mesyuarat JK OSC Bil.2/2022	27-01-2022
3	Mesyuarat JK OSC Bil.3/2022	10-02-2022
4	Mesyuarat JK OSC Bil.4/2022	24-02-2022
5	Mesyuarat JK OSC Bil.5/2022	10-03-2022
6	Mesyuarat JK OSC Bil.6/2022	24-03-2022
7	Mesyuarat JK OSC Bil.7/2022	14-04-2022
8	Mesyuarat JK OSC Bil.8/2022	26-04-2022
9	Mesyuarat JK OSC Bil.9/2022	12-05-2022
10	Mesyuarat JK OSC Bil.10/2022	26-05-2022
11	Mesyuarat JK OSC Bil.11/2022	09-06-2022
12	Mesyuarat JK OSC Bil.12/2022	21-06-2022
13	Mesyuarat JK OSC Bil.13/2022	06-07-2022
14	Mesyuarat JK OSC Bil.14/2022	21-07-2022
15	Mesyuarat JK OSC Bil.15/2022	09-08-2022
16	Mesyuarat JK OSC Bil.16/2022	23-08-2022

Bil	Tajuk Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
17	Mesyuarat JK OSC Bil.17/2022	08-09-2022
18	Mesyuarat JK OSC Bil.18/2022	22-09-2022
19	Mesyuarat JK OSC Bil.19/2022	05-10-2022
20	Mesyuarat JK OSC Bil.20/2022	20-10-2022
21	Mesyuarat JK OSC Bil.21/2022	10-11-2022
22	Mesyuarat JK OSC Bil.22/2022	23-11-2022
23	Mesyuarat JK OSC Bil.23/2022	07-12-2022
24	Mesyuarat JK OSC Bil.24/2022	20-12-2022

Setiap permohonan diberi pertimbangan di dalam Jawatankuasa Pusat Setempat (JK OSC) mengikut proses kerja dan tempoh masa yang ditetapkan. Keputusan Jawatankuasa adalah sama ada Lulus Dengan Pindaan Pelan (Lulus Bersyarat), Lulus Penuh atau Tolak/Batal dan berdasarkan ulasan-ulasan yang diterima daripada Agensi Teknikal Dalaman (ATD) dan Agensi Teknikal Luaran (ATL) berhubung semua keperluan teknikal atau yang berkaitan sebagaimana yang disyorkan di dalam kertas perakuan dan apa-apa perkara baharu yang mengikut hasil perbincangan/keputusan bersama ahli-ahli mesyuarat JK OSC. Ulasan keperluan jabatan dan agensi teknikal berdasarkan keputusan lulus bersyarat oleh JK OSC hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon/PSP.



Gambar : Sekitar Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang dijalankan di Dewan Kenanga MBSP



Gambar : Sekitar Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang dijalankan di Hotel Ixora, Bandar Perai Jaya



JUMLAH PERMOHONAN PELAN PEMAJUAN SEPANJANG TAHUN 2022

Sistem OSC 3.0 *Plus Online* yang digunakan oleh Unit Pusat Setempat (OSC) dilihat mampu memudahkan semua stakeholders/pemohon yang terlibat dalam proses pemajuan dan industri pembinaan mengemukakan pemajuan secara atas talian untuk pelan pemajuan terutamanya Kebenaran Merancang (KM), Pelan Kejuruteraan (Pelan Jalan dan Parit dan Pelan Kerja Tanah), Pelan Bangunan, Pelan Lanskap dan lain-lain termasuk permit sementara sebagaimana yang ditetapkan dalam undang-undang. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah permohonan yang diterima di MBSP adalah seperti di jadual bawah.

Jenis Permohonan	Bilangan Permohonan Diterima		Tempoh Piagam			
	1 Jan 2021 – 31 Dis 2021	1 Jan 2022-31 Dis 2022	Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selesai	Selesai Dalam Piagam	Selesai Melebihi Piagam
Permohonan Serentak	62	90	10 (11.11%)	80 (88.89%)	74 (92.50%)	6 (7.50%)
Kebenaran Merancang	171	153	10 (6.54%)	143 (93.46%)	142 (99.30%)	1 (0.70%)
Pelan Kejuruteraan	273	294	2 (0.68%)	282 (99.32%)	288 (98.63%)	4 (1.37%)
Pelan Bangunan	399	391	2 (0.51%)	389 (99.49%)	389 (100.00%)	0 (0.00%)
Jumlah	905	928	24 (2.59%)	904 (97.41%)	893 (98.78%)	11 (1.22%)

Sumber : Portal OSC

Secara perbandingan, bilangan permohonan pelan pemajuan yang diterima bagi tahun 2021 adalah melebihi 23 permohonan berbanding tahun 2021. Permohonan yang selesai melebihi piagam pelanggan adalah berikutan JK OSC mempertimbangkan beberapa permohonan yang terlibat dengan lanjutan tempoh semasa PPN Fasa 3. Manakala, jumlah bagi penerimaan Notifikasi Borang B (Memulakan Kerja Tanah/Bangunan) dan Permohonan CCC adalah seperti jadual di bawah.

Jenis Permohonan	SPU	SPT	SPS	Jumlah
Notifikasi Borang B (Kerja Tanah/Bangunan)	39	100	99	238
Permohonan CCC	32	49	49	130

Sumber : Portal OSC/Rekod OSC

Unit Pusat Setempat (OSC) juga melaksanakan sepenuhnya proses pembayaran secara atas talian melalui PBTPay untuk semua jenis pembayaran fee dan cagaran permohonan pelan selaras dengan ketetapan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyeragamkan semua jenis urusan pembayaran di PBT termasuk Sistem PBTPay di dalam Sistem OSC 3.0 Plus sebagai modul pembayaran.




PENGAUDITAN DI UNIT OSC SEPANJANG TAHUN 2022

a. Audit Pematuhan OSC 3.0 Plus Online

Audit Pematuhan OSC 3.0 Plus Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2022 di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah diadakan pada **1 hingga 2 Mac 2022** secara atas talian yang diaudit oleh Bahagian Perunding Kawalan Pemajuan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Audit pematuhan ini bertujuan untuk menilai keberkesanan dan mengukur prestasi semua Jabatan yang terlibat dengan proses pemajuan bagi tindakan penambahbaikan secara berterusan.

Beberapa penemuan telah dikenalpasti dan memerlukan penambahbaikan daripada Jabatan Dalaman yang terlibat bagi meningkatkan pelaksanaan prosedur berlandaskan Manual OSC 3.0 Plus yang sedang dilaksanakan di MBSP.



Gambar : Audit Pematuhan OSC 3.0 Plus yang diadakan secara atas talian

b. Audit Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

Panel Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada **22 Jun 2022** telah membuat pengauditan di Majlis Bandaraya Seberang Perai melibatkan semua jabatan. Unit OSC berada dibawah kategori kawalan pemajuan iaitu Pelaksanaan OSC yang mempunyai Jawatankuasa OSC, menerimapakai sistem OSC 3.0 Plus, Pemakluman keputusan permohonan cadangan pemajuan kepada pemohon dan tempoh masa untuk mengeluarkan kelulusan muktamad oleh PBT. Secara keseluruhannya, pengauditan ke atas kategori kawalan pemajuan adalah di tahap baik.



Gambar : Audit SSR yang diadakan secara fizikal di Dewan Kenanga MBSP

c. Audit Dalaman MBSP

Audit Dalaman bagi **Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015)** MBSP bagi tahun 2022 di Unit OSC telah dijalankan pada **22 Ogos 2022 sehingga 9 September 2022** oleh lima (5) orang auditor dalaman. Hasil penemuan audit, Unit OSC telah memperoleh satu (1) OFI berkaitan Jadual Penilaian Risiko dan pegawai kualiti Unit OSC telah membuat semakan dan meminda Jadual Penilaian Risiko tersebut yang berkuatkuasa pada 1 November 2022.



BENGKEL/KURSUS YANG DIANJURKAN OLEH UNIT OSC

Sepanjang tahun 2022, Unit OSC telah menganjurkan dua (2) bengkel/kursus khusus untuk jabatan dalaman yang terlibat dengan permohonan dan proses pelan-pelan pemajuan. Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan dengan lebih terperinci tentang keperluan terkini jabatan memproses atau jabatan teknikal dalaman selain daripada mengemaskini borang-borang permohonan/senarai semak dokumen pelan pemajuan supaya kandungan senarai semak dan borang-borang permohonan adalah lebih praktikal dan selaras dengan keperluan di dalam Manual OSC 3.0 Plus dan MBSP itu sendiri. Bengkel yang melibatkan lebih daripada 30 orang kakitangan MBSP adalah seperti di jadual bawah.

Bil	Latihan/Kursus	Tarikh	Tempat
1	Bengkel Pelaksanaan Kajian Semula dan Penyelarasan Senarai Semak Permohonan Pelan-Pelan Pemajuan di Unit OSC MBSP	13 Jun 2022	The Light Hotel, Penang
2	Bengkel Cadangan Kelayakan PSP Menyedia dan Mengemukakan Pelan Pemajuan di MBSP	14 Jun 2022	The Light Hotel, Penang

Melalui bengkel ini, input dan data bagi keperluan senarai semak dokument pelan permohonan kebenaran merancang, pelan permohonan serentak, pelan bangunan, pelan kerja tanah, pelan jalan dan parit, pelan lampu jalan, pelan landskap dan pelan-pelan permohonan yang berkaitan semasa peringkat pertimbangan pelan (Proses 2) dapat diperbaharui, dikemaskini dan diselaraskan mengikut Manual OSC 3.0 Plus dan keperluan Pihak Berkua Tempatan (PBT). Bengkel ini turut membincangkan berkenaan perunding-perunding professional yang mengemukakan pelan-pelan pemajuan adalah berdasarkan kelayakan masing-masing.



Gambar : Ketua Unit OSC menerangkan tujuan dan input bengkel kepada para peserta



PERMIT PELAKSANAAN S.PERAI@FASTLANE

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah memberi beberapa sesi pendedahan tentang proses kerja dan mekanisme pelaksanaan inisiatif Permit Pembinaan Ekspres (E10) serta pengalaman dan impak pembangunan yang dihadapi oleh PBT yang telah melaksanakan projek E10. Perintis E10 iaitu Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) yang diketuai oleh TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK telah berjaya menarik pelabur dari luar negara untuk terus melabur di Daerah Kulim kerana melaksanakan inisiatif E10. Kejayaan ini telah meletakkan MPKK sebagai sebuah PBT pertama yang berjaya memproses permohonan dalam tempoh yang singkat iaitu selama 10 bulan sehingga memperolehi Sijil Layak Menduduki (CCC) dan lesen pengoperasian.

Sehingga Disember 2022, MBSP melalui Unit OSC sebagai urusetia masih di dalam peringkat perbincangan bersama Jabatan Dalaman untuk melaksanakan permit pembinaan ekspress yang telah diberi cadangan nama sebagai S.Perai@Fastlane. Berikut merupakan taklimat dan bengkel anjuran MPC sepanjang tahun 2022 bersama MBSP.

Bil	Latihan/Kursus	Tarikh	Tempat
1	Taklimat Program Pembinaan Ekspress (E10) Bersama MBSP	14 Mac 2022	Bilik Mesyuarat Cempaka, MBSP
2	Bengkel Pembinaan Ekspress (E10) Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	04-05 Mei 2022	Bayview Beach Resort, Georgetown
3	Bengkel Pelaksanaan Inisiatif Permit Pembinaan Ekspress Bersama MBSP di Pulau Pinang	16 Jun 2022	The Light Hotel, Penang



Gambar : Sesi Taklimat Awal Permit Pembinaan Ekspress (E10) oleh Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) kepada MBSP



AKTIVITI DALAMAN UNIT OSC

a. Sambutan Hari Raya AIdilfitri

Sambutan hari raya aidilfitri telah diadakan pada **26 Mei 2022** bertempat di ruang kerja Unit OSC. Sambutan ini adalah bertujuan meraikan kakitangan yang menyambut perayaan aidilfitri selain bermaaf-maafan dan menjamu juadah hari raya bersama jabatan-jabatan lain.



Gambar : Sambutan Raya bersama YB Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya serta semua kakitangan di Unit OSC

b. Pertandingan Bowling

Satu aktiviti pertandingan bowling telah diadakan pada **19 Ogos 2022** bertempat di **Ole-Ole Superbowl, Mydin Mall Jalan Baru** bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain selain dapat melakukan aktiviti sukan indoor bersama. Program bowling ini dipilih kerana ia berbentuk riadah santai dan dapat menonjolkan kerjasama antara kumpulan.



Foto 3.7 : Sekitar pertandingan Bowling bersama semua kakitangan Unit OSC

c. Gotong-royong

Unit OSC juga telah mengadakan **Aktiviti Gotong-Royong** sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2022 iaitu pada **25 Februari 2022** dan **24 Jun 2022** bagi membersihkan ruang persekitaran tempat kerja supaya tampak lebih bersih, kemas, tersusun dan rapi selain bertujuan mengamalkan EKSA (5S) secara berterusan.



Gambar : Sekitar aktiviti gotong-royong bersama semua kakitangan Unit OSC



PENCAPAIAN UNIT OSC

Sepanjang tahun 2022, Unit OSC telah memasuki pertandingan GRPB Champion Award yang diadakan pada **11 Ogos 2022** bertempat **di Auditorium MBSP**. Unit OSC telah merangka program “Sepintas Bersama OSC” sebagai projek GRPB bagi memperkenalkan perkhidmatan yang ditawarkan di Unit OSC dan memperluaskan pengetahuan tentang OSC kepada pelajar, kakitangan dan orang awam. Borang Kaji Selidik telah diedarkan secara atas talian dan di kaunter OSC.

Idea bagi projek GRPB di Unit OSC telah dimulakan pada pertengahan tahun 2021 dan diteruskan perbincangan sehingga ke peringkat penghasilan Laporan Akhir Projek ini. “Sepintas bersama OSC” dipersetujui bersama kerana secara amnya, Unit OSC hanya diketahui oleh golongan profesional yang mengemukakan permohonan-permohonan pelan pemajuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan beberapa pihak berkepentingan yang terlibat di dalam proses-proses pelan pemajuan ini. Oleh itu, ahli-ahli kumpulan bersepakat untuk memperluaskan pengetahuan “apa itu OSC” kepada pelajar, kakitangan dan orang awam khususnya. Tujuan utama Projek GRPB kali ini memfokuskan untuk kesemua golongan merangkumi wanita dan lelaki mempunyai peluang yang sama untuk mendapat manfaat pengetahuan umum tentang fungsi dan peranan di OSC MBSP. Unit OSC telah memenangi tempat saguh bagi pertandingan *GRPB Champion Award*.



Foto 2.0 : Unit OSC membuat kumpulan tumpu bincang dan mengedarkan borang kaji selidik



Foto 2.1 : Unit OSC membentangkan "Sepintas Bersama OSC" di Auditorium MBSP



PELANCONGAN SENI DAN WARISAN

CARTA ORGANISASI

JABATAN PELANCONGAN SENI DAN WARISAN



Tarikh Kemas kini : 01/02/2021



FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

- i. Mengkaji, mencadangkan lokasi-lokasi yang bersesuaian untuk dibangunkan bagi tujuan pelancongan dan warisan Seberang Perai.
- ii. Menyelia dan memantau pelaksanaan Tourism Mapping dan juga *Coffee Table* Seberang Perai
- iii. Menyediakan maklumat, risalah, laman web berkaitan pelancongan dan warisan di Seberang Perai.
- iv. Mempromosikan lokasi pelancongan dan warisan Seberang Perai
- v. Mengadakan acara, program yang bersesuaian berkaitan dengan pelancongan, seni dan warisan di Seberang Perai.
- vi. Bertindak sebagai urusetia pasukan *Taskforce Pelancongan, Seni dan Warisan Seberang Perai*.
- vii. Mengenalpasti aspek kesenian yang boleh diketengahkan melalui mempromosi Seberang Perai.
- viii. Mengumpul dan menyimpan data mengenai bangunan / tapak warisan yang terdapat di seluruh Seberang Perai.
- ix. Memastikan pemuliharaan bangunan-bangunan yang disenaraikan sebagai bangunan warisan di Seberang Perai.
- x. Menghadiri mesyuarat MMK yang berkaitan iaitu :-
 - a. Mesyuarat Jawatankuasa MMK Pelancongan Negeri Pulau Pinang
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa MMK Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang
- xi. Melaksanakan projek-projek pembangunan pelancongan dan warisan.



LAPORAN KARNIVAL SENI

*RESILIENT / *INKLUSIF / *HIJAU / *KOMPETITIF / *BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI

PROGRAM / AKTIVITI	KARNIVAL BUSANA PENGANTIN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN BUMIPUTRA PULAU PINANG
--------------------	--

PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI

1. Penglibatan penyediakan pameran di program Karnival Busana Pengantin warisan & Kesenian Bumiputra Pulau Pinang.
2. Penduduk Sekitar, pelajar UITM seluruh Malaysia, kehadiran TYT dan wakil-wakil pejabat kerajaan.

TARIKH

1-3 Julai 2022

IMPAK / KESAN DARIPADA PROGRAM / AKTIVITI

1. Pengunjung dapat melihat dan mengetahui hal-hal berkenaan kesenian dan warisan yang terdapat di Pulau Pinang.
2. Memberi peluang kepada pengusaha butik untuk mempergayakan hasil seni kepada masyarakat.
3. Memerlukan peluang kepada masyarakat setempat untuk menambahkan pendapatan.

GAMBAR





LAPORAN PAMERAN BM

*RESILIENT / *INKLUSIF / *HIJAU / *KOMPETITIF / *BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI

PROGRAM / AKTIVITI	PESTA BM-PENGLIBATAN JPSW MENGADAKAN PAMERAN KAWASAN-KAWASAN WARISAN DI SEBERANG PERAI
--------------------	--

PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI

1. Penglibatan penyediakan pameran di program Pesta BM
2. Penduduk Sekitar, Bukit Mertajam, YB Exco, Yb kawasan, Ahli Majlis MBSP dan peniaga-peniaga barang kreraftangan

TARIKH

1-3 Julai 2022

IMPAK / KESAN DARIPADA PROGRAM / AKTIVITI

1. Pengunjung dapat melihat dan mengetahui hal-hal berkenaan kesenian dan kawasan/bangunan warisan yang terdapat di Seberang Perai.
2. Memberi peluang kepada pengusaha barang-barang kreraftangan untuk mempergayakan hasil seni dan jualan kepada masyarakat.
3. Mempromosi kepada warga Bukit Mertajam mengenai kawasan / bangunan warisan dan kawasan pelancongan yang ada di Seberang Perai.

GAMBAR





LAPORAN GOTONG-ROYONG ROBINA ECO PARK

*RESILIENT / *INKLUSIF / *HIJAU / *KOMPETITIF / *BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI

PROGRAM / AKTIVITI

GOTONG-ROYONG DI KAWASAN PELANCONGAN : ROBINA ECO PARK

PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI

1. Program ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan bersama rakyat Seberang Perai
2. Program ini melibatkan Jabatan dalaman MBSP dan penduduk setempat.
3. Pemilihan Robina Eco Park sebagai lokasi pada tahun 2022 disebabkan kawasan tersebut telah menjadi kawasan tumpuan ramai.

TARIKH

12 Mac 2022 (Sabtu)

IMPAK / KESAN DARIPADA PROGRAM / AKTIVITI

1. Aktiviti ini menjadi salah satu usaha Jabatan untuk memastikan kawasan pelancongan berada dalam keadaan bersih dan kemas.
2. Aktiviti ini juga dapat mengeratkan hubungan di antara Kerajaan dan masyarakat setempat.

GAMBAR





LAPORAN SYMPOSIUM KAMPUNG BARU

*RESILIENT / *INKLUSIF / *HIJAU / *KOMPETITIF / *BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI

PROGRAM / AKTIVITI

SYMPONIUM KAMPUNG BARU

PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI

1. Pembentangan daripada pakar-pakar seluruh Malaysia
2. Perbincangan mengenai Kg Baru Berapit
3. Lawatan tapak ke Kg Baru Berapit

TARIKH

12-14 Ogos 2022

IMPAK / KESAN DARIPADA PROGRAM / AKTIVITI

1. Meneliti kaedah untuk menjadikan Kg Baru Berapit sebagai kg warisan UNESCO.
2. Para peserta dapat berkongsi ilmu dan pandangan sewaktu sesi perbincangan.
3. Melalui pewartaan kampung baru ini ia mampu menambahkan pendapatan ekonomi masyarakat setempat

GAMBAR





LAPORAN MIPPEA 2022 (MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS PLANNING EXCELLENCE AWARDS)

JABATAN PELANCONGAN, SENI DAN WARISAN	
ANUGERAH	MIPPEA 2022 (MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS PLANNING EXCELLENCE AWARDS)

PENERANGAN RINGKAS

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melalui Jabatan Pelancongan, Seni dan Warisan (JPSW) telah dianugerahkan *Bronze Award* bagi kategori *Palcemarking and Public Space (Government Initiative – City Hall / City Council Category)* bagi Robina Eco Park - Kelestarian Alam Inspirasi Kejiranan Hijau daripada 70 penyertaan daripada pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta.

TARIKH	16 Januari 2023
GAMBAR	





LAPORAN CITYNET SDG AWARDS CASE ENTITLED : WELCOME TO KOTA AUR VILLAGE
CATEGORY 4 ECONOMY, INDUSTRY, AND JOBS GENERAL

JABATAN PELANCONGAN, SENI DAN WARISAN	
ANUGERAH	CITYNET SDG AWARDS CASE ENTITLED : WELCOME TO KOTA AUR VILLAGE CATEGORY 4 ECONOMY, INDUSTRY, AND JOBS GENERAL

PENERANGAN RINGKAS

Kampung Kota Aur yang terletak di daerah Seberang Perai Utara mempunyai keunikan yang tersendiri seperti kepelbagaiannya warisan, ladang buah-buahan tropika dan dikelilingi hutan hijau. Pelancong akan mengalami pengalaman yang menarik sewaktu di sana.

Kampung Kota Aur telah dijadikan sebagai salah satu agro eko pelancongan di Seberang Perai. Dari segi ekonomi pula, Kampung Kota Aur berpotensi untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat melalui aktiviti pelancongan seperti :

- i. Penyediaan rumah sebagai *Homestay*.
- ii. Promosi produk makanan tradisional.
- iii. Aktiviti seperti menghayati budaya tempatan, melalui panorama sekitar kampung.
- iv. Rangkaian pakej pelancongan termasuk tempat menarik di sekitar kawasan kampung.
- v. Penyediaan industri kecil seperti pemprosesan nira nipah
- vi. Menyorot sejarah kewujudan Kampung Kota Aur.

TARIKH	17 Januari 2023
GAMBAR	





LAPORAN PESTA PADI ANTARABANGSA PENANTI

*RESILIENT / *INKLUSIF / *HIJAU / *KOMPETITIF / *BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI

PROGRAM / AKTIVITI

PESTA PADI ANTARABANGSA PENANTI

PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung seperti :-

1. Bola Sepak Bendang
2. Menangkap Ikan
3. Sepak Raga
4. Memanah
5. Mewarna
6. Dan lain-lain lagi

TARIKH

21-23 Julai 2022

IMPAK / KESAN DARIPADA PROGRAM / AKTIVITI

1. Program sebegini dapat mengeratkan hubungan antara agensi Kerajaan dan masyarakat setempat
2. Menambahkan sumber pendapatan kepada penduduk setempat.
3. Mempromosikan tradisi masyarakat Malaysia ke peringkat antarabangsa

GAMBAR







LAPORAN FESTIVAL BORIA NEGERI PULAU PINANG

*RESILIENT / *INKLUSIF / *HIJAU / *KOMPETITIF / *BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI

ANUGERAH	FESTIVAL BORIA NEGERI PULAU PINANG
PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI	<p>Majlis Bandaraya Seberang Perai dijemput bersama-sama Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan Festival Boria Negeri Pulau Pinang. Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung seperti :-</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pertandingan mewarnaii. Pertandingan gubahan kostium boriaiii. Pertandingan menghias tongkat boriaiv. Pertandingan memakai kostium boriav. Pertandingan karaoke (menyanyi)vi. <i>Carboot/Foodtruck</i>vii. Bengkel Boria peringkat sekolah rendahviii. Pameran Muzium Negeri Pulau Pinangix. Penyampaian sijil penghargaan pengiat boriax. Persembahan kumpulan Boria
TARIKH	28-29 Oktober 2022
IMPAK / KESAN DARIPADA PROGRAM / AKTIVITI	<ul style="list-style-type: none">i. Program ini bertujuan untuk mengangkat seni warisan yang terdapat di Pulau Pinang ke pringkat antarabangsaii. Program ini juga turut menghargai anak-anak seni Pulau Pinang yang mengangkat warisan Boria ini ke pelbagai peringkat.iii. Merapatkan jalinan hubungan di antara Kerajaan dan rakyat.

GAMBAR







LAPORAN FESTIVAL BORIA NEGERI PULAU PINANG

*RESILIENT / *INKLUSIF / *HIJAU / *KOMPETITIF / *BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI

PROGRAM / AKTIVITI	PERASMIAN ROBINA ECO PARK FASA 2
--------------------	----------------------------------

PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI

1. Program sebegini dapat mengeratkan hubungan antara agensi Kerajaan dan masyarakat setempat
2. Program ini dirasmikan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

TARIKH	29 Julai 2022 (Ahad)
--------	----------------------

IMPAK / KESAN DARIPADA PROGRAM / AKTIVITI

1. Pembangunan ini merupakan salah satu usaha MBSP meningkatkan kawasan pelancongan di Seberang Perai.
2. Pembangunan ini juga mampu menjana ekonomi masyarakat tempatan.
3. Masyarakat setempat dapat menikmati kemudahan dengan lebih selesa dan selamat.

GAMBAR





LAPORAN PENGANJURAN PROMOSI PELANCONGAN MALAYSIA 'PENANG CAMPER RALLY' DI ROBINA ECO PARK

*RESILIENT / *INKLUSIF / *HIJAU / *KOMPETITIF / *BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI

PROGRAM / AKTIVITI	PERASMIAN ROBINA ECO PARK FASA 2
--------------------	----------------------------------

PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung seperti :-

1. Sepak Raga
2. Mewarna
3. Pertandingan nyanyian Patriotik
4. Pameran Campervan

TARIKH	Pameran Campervan
--------	-------------------

IMPAK / KESAN DARIPADA PROGRAM / AKTIVITI

1. Merapatkan hubungan antara satu sama lain.
2. Program ini juga sebagai pembuka kepada sambutan bulan kemerdekaan
3. Mempromosikan Robina Eco Park ke peringkat kebangsaan

GAMBAR





**Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**



04 - 549 7555



04 - 538 9700



www.mbsp.gov.my



Majlis Bandaraya Seberang Perai



Seberang Perai City Channel



seberangperaicitycouncil



mbsp_pg



<https://t.me/mbsppg>